Jilid IV
Bil. 49

Hari Selasa
22hb November 1994

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT

House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN

Eighth Parliament

PENGGAL KEEMPAT

Fourth Session

Jilid IV
Bil. 49

Hari Selasa
22hb November, 1994

MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN
PARLIAMENTARY DEBATES

DEWAN RAKYAT
House of Representatives

PARLIMEN KELAPAN
Eighth Parliament

PENGGAL KEEMPAT
Fourth Session

KANDUNGAN

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN [Ruangan 7917]

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18:

Aktiviti-aktiviti yang tidak berunsurkan patriotik — Y.B. Tuan Shahidan bin Kassim (Arau) [Ruangan 7946]

RANG UNDANG-UNDANG:

Rang Undang-undang Perbekalan 1995

Jawatankuasa—

Jadual:

Maksud B. 1, B. 2, B. 3, B. 4, B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10, B. 11, B. 12, dan B. 13 [Ruangan 7951]

USUL:

Anggaran Pembangunan 1995

Jawatankuasa—

Maksud P. 7 dan P. 8 [Ruangan 7951]

22 NOVEMBER 1994

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT YANG KELAPAN

Penyata Rasmi Parlimen

PENGGAL YANG KEEMPAT

AHLI-AHLI DEWAN RAKYAT

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, TAN SRI DATO' MOHAMED ZAHIR BIN HAJI ISMAIL, P.M.N., S.P.M.K., D.S.D.K., J.M.N.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri, DATO' SERI DR MAHATHIR BIN MOHAMAD, D.K.I., D.U.K., S.S.D.K., S.S.A.P., S.P.M.S., S.P.M.J., D.P., D.U.P.N., S.P.N.S., S.P.D.K., S.P.C.M., S.S.M.T., D.U.N.M., P.I.S. (Kubang Pasu).

,, Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan, DATO' SERI ANWAR BIN IBRAHIM, D.U.P.N., S.S.A.P., S.S.S.A., D.G.S.M., S.P.N.S., S.P.D.K., D.M.P.N. (Permatang Pauh).

Yang Berhormat Menteri Pengangkutan, DATO' SERI DR LING LIONG SIK, D.G.S.M., S.P.M.P., D.P.M.S., D.P.M.P. (Labis).

,, Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' SERI S. SAMY VELLU, S.P.M.P., S.P.M.J., D.P.M.S., P.C.M., A.M.N. (Sungai Siput).

,, Menteri Perusahaan Utama, DATO' SERI DR LIM KENG YAIK, S.P.M.P., D.P.C.M. (Beruas).

,, Menteri Kerja Raya, DATUK LEO MOGGIE ANAK IROK, P.N.B.S. (Kanowit).

,, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATO' SERI RAFIDAH AZIZ, S.P.M.P., D.P.M.S., A.M.N. (Kuala Kangsar).

,, Menteri Pendidikan, DATUK AMAR DR HAJI SULAIMAN BIN HAJI DAUD, S.I.M.P., D.A., D.S.S.A., P.N.B.S., J.B.S. (Petra Jaya).

,, Menteri Pertanian, DATUK SERI SANUSI BIN JUNID, S.S.S.A., D.G.S.M., D.S.D.K., S.M.K. (Jerlun–Langkawi).

,, Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' HAJI ABU HASSAN BIN HAJI OMAR, S.P.M.S., D.P.M.S., S.M.S., S.M.T., P.I.S. (Kuala Selangor).

,, Menteri Kesihatan, DATO' LEE KIM SAI, D.S.S.A., P.P.N. (Hulu Langat).

,, Menteri Pertahanan, DATO' SERI HAJI MOHD. NAJIB BIN TUN HAJI ABDUL RAZAK (Orang Kaya Indera Shahbandar), S.S.A.P., S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., P.N.B.S. (Pekan).

,, Menteri Penerangan, DATO' MOHAMED BIN RAHMAT, S.P.M.J., S.I.M.P., S.S.S.A., S.S.I.J., D.P.M.J., D.P.M.S., P.N.B.S., K.M.N., P.I.S., B.S.I. (Pulai).

Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' SABBARUDDIN CHIK, S.I.M.P., D.P.M.S., D.S.A.P., S.M.S. (Temerloh).

,, Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' NAPSIAH BINTI OMAR, D.S.N.S. (Kuala Pilah).

,, Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR MOHAMAD YUSOF BIN HAJI MOHAMED NOR, S.P.M.T., D.S.S.A., D.P.M.T., J.M.N., S.M.T., P.P.T. (Besut).

,, Menteri Sumber Manusia, DATO' LIM AH LEK, S.I.M.P., D.S.A.P., S.M.T., J.P. (Bentong).

,, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' ABANG ABU BAKAR BIN DATU BANDAR ABANG HAJI MUSTAPHA, D.S.A.P., P.N.B.S., D.P.T.J., J.M.N. (Kuala Rajang).

,, Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, DATUK LAW HIENG DING, P.N.B.S., K.M.N., P.B.S., P.B.J. (Sarikei).

,, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, DATO' DR TING CHEW PEH, D.P.M.P. (Gopeng).

,, Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang, DATO' SYED HAMID BIN SYED JAAFAR ALBAR, D.P.M.J., S.M.J., A.M.N. (Kota Tinggi).

,, Menteri Luar Negeri, DATUK ABDULLAH BIN HAJI AHMAD BADAWI, D.S.S.A., D.M.P.N., D.J.N., K.M.N., A.M.N. (Kepala Batas).

,, Menteri Belia dan Sukan, TUAN HAJI ABDUL GHANI BIN OTHMAN, S.M.J. (Ledang).

,, Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATUK OSU BIN HAJI SUKAM, P.G.D.K. (Papar).

,, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATUK BERNARD GILUK DOMPOK, P.G.D.K., J.P. (Penampang).

,, Timbalan Yang di-Pertua, TUAN ONG TEE KEAT, S.M.S. (Ampang Jaya).

,, Timbalan Yang di-Pertua, TUAN HAJI JUHAR BIN HAJI MAHIRUDDIN (Kinabatangan).

,, Timbalan Menteri Dalam Negeri, DATO' MEGAT JUNID BIN MEGAT AYOB, D.P.C.M., D.S.A.P., A.M.P., A.M.K. (Pasir Salak).

,, Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, TUAN HAJI DAUD BIN DATO' HAJI TAHA, S.M.J. (Batu Pahat).

,, Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos, DATO' MOHD. TAJOL ROSLI BIN MOHD. GHAZALI, D.P.M.P., A.M.P. (Gerik).

,, Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, DATO' ALEXANDER YU LUNG LEE, D.P.M.P. (Batu).

,, Timbalan Menteri Pertahanan, DATO' WAN ABU BAKAR BIN WAN MOHAMED, D.S.S.A., D.I.M.P. (Jerantut).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Perusahaan Awam, DATO' DR SITI ZAHARAH BINTI HAJI SULAIMAN, D.I.M.P. (Mentakab).

" Timbalan Menteri Kewangan, DATO' LOKE YUEN YOW, D.P.M.P., A.M.P. (Tanjong Malim).

" Timbalan Menteri Penerangan, DATUK RAILEY BIN HAJI JAFFREY, P.G.D.K., J.M.N. (Silam).

" Timbalan Menteri Pengangkutan, DATIN PADUKA HAJAH ZALEHA BINTI ISMAIL, D.P.M.S., S.M.S., K.M.N. (Selayang).

" Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, RAJA DATO' ARIFFIN BIN RAJA SULAIMAN, D.S.D.K., S.M.S. (Baling).

" Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' HAJI MOHD. KHALID BIN MOHD. YUNUS, D.S.N.S. (Jempol).

" Timbalan Menteri Pendidikan, DR LEO MICHAEL TOYAD, J.B.S. (Mukah).

" Timbalan Menteri Luar Negeri, DATO' DR ABDULLAH FADZIL BIN CHE WAN, D.P.C.M., P.C.M. (Bukit Gantang).

" Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DRS SULEIMAN BIN MOHAMED, D.P.M.S. (Titiwangsa).

" Timbalan Menteri Kesihatan, DATO' MOHD. FARID BIN ARIFFIN, D.S.P.N., P.J.K. (Balik Pulau).

" Timbalan Menteri Belia dan Sukan, DATO' TENG GAIK KWAN, D.I.M.P., A.M.N., P.P.N. (Raub).

" Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, TUAN PETER CHIN FAH KUI, P.B.S., A.B.S. (Miri).

" Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, TUAN CHUA JUI MENG, P.I.S. (Bakri).

" Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, DATO' ABDUL KADIR BIN HAJI SHEIKH FADZIR, D.S.D.K., A.M.K. (Kulim–Bandar Baharu).

" Timbalan Menteri Kerja Raya, TUAN KERK CHOO TING (Taiping).

" Timbalan Menteri Perusahaan Utama, DATO' HAJI TENGKU MAHMUD BIN TENGKU MANSOR, D.P.M.T., K.M.N., P.J.C., J.P., P.J.K. (Setiu).

" Timbalan Menteri Pembangunan Luar Bandar, TUAN MOHD. YASIN BIN KAMARI, A.M.N., P.D.N., P.I.S., B.S.I. (Sri Gading).

" Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' WONG SEE WAH, D.S.N.S. (Rasah).

" Timbalan Menteri Kerja Raya, DATUK PETER TINGGOM ANAK KAMARAU, P.N.B.S., J.B.S., K.M.N., P.B.S., A.M.N., P.P.C. (Saratok).

Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan, DATUK DR. FONG CHAN ONN, D.M.S.M. (Selandar).

" Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, DATO' DR HAJI ABDUL HAMID BIN HAJI OTHMAN, D.S.D.K., S.M.J., K.M.N., P.P.T. (Sik).

" Timbalan Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' CHAN KONG CHOY, D.S.A.P., D.P.M.S. (Lipis).

" Timbalan Menteri Sumber Manusia, DATO' M. MAHALINGAM, D.P.M.S., J.M.N., J.P. (Kapar).

" Timbalan Menteri Pertanian, DR T. MARIMUTHU, K.M.N., S.D.K. (Telok Kemang).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, DATO' ABDUL RAMAN BIN SULIMAN, D.P.M.P., P.M.P., A.M.P., J.P. (Parit Buntar).

" Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN OTHMAN BIN ABDUL, A.M.P., P.P.T. (Pendang).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Pembangunan Luar Bandar, DATO MOHAMED BIN JAMRAH, D.P.M.P., A.M.P., P.P.T., J.P. (Bagan Datok).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan, DATO' ISMAIL BIN SAID, D.P.M.T., S.M.T., A.M.N., (Kemaman).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Tanah dan Pembangunan Koperasi, DATO' MOHD. NOH BIN RAJAB, D.S.N.S. (Tampin).

" Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri, TUAN DOUGLAS UGGAH EMBAS, A.B.S., P.B.S. (Betong).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Pertanian, DATUK MOHD. SHARIFF BIN HAJI OMAR, D.S.P.N., P.P.T. (Tasek Gelugor).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat, TUAN YONG KHOON SENG (Padawan).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri, TUAN ONG KA TING (Pontian).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan, DATO' HAJI IN HAJI ABDUL RAHMAN, D.I.M.P., A.M.P., P.P.N. (Kuantan).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan, DATO' K. KUMARAN, D.P.M.P., K.M.N., J.S.M., P.M.P., P.P.T., J.P. (Tapah).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, DATUK S. S. SUBRAMANIAM, D.P.M.S., J.S.M., P.J.K., A.M.S. (Segamat).

" Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan, DATO' DR AFFIFUDIN BIN HAJI OMAR, D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., B.C.K. (Padang Terap).

Yang Berhormat TUAN ABDOL MULOK BIN AWANG DAMIT (Labuan).

„ DATO' ABDUL AJIB BIN AHMAD, D.G.S.M., D.P.M.J., B.S.I. (Mersing).

„ TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Jasin).

„ TUAN HAJI ABDUL HADI BIN HAJI AWANG (Marang).

„ TUAN HAJI ABDUL HAMID BIN ABDUL RAHMAN (Sungai Benut).

„ DATUK HAJI ABDUL MANAN BIN OTHMAN, D.P.M.T., P.P.T. (Kuala Terengganu).

„ TUAN ABDUL MALEK MUNIP (Muar).

„ DATUK PATINGGI TAN SRI HAJI ABDUL TAIB MAHMUD, D.P., D.A., S.P.M.J., P.G.D.K., S.S.A.P. (Kota Samarahan).

„ TUAN HAJI NIK ABDULLAH BIN HAJI ARSHAD, S.M.K. (Pengkalan Chepa).

„ TUAN AHMAD BIN NOR (Bayan Baru).

„ TUAN AHMAD BIN OMAR, P.P.N. (Pagoh).

„ TUAN AHMAD SHUKRI BIN HAJI HASSAN (Machang).

„ DATO' ALIAS BIN MD. ALI, D.P.M.T., J.S.M., S.M.T., K.M.N., P.J.K. (Hulu Terengganu).

„ DATU AMIR KAHAR BIN TUN DATU MUSTAPHA (Marudu).

„ TUAN HAJI AWANG BIN JABAR, S.M.T., A.M.N., P.J.K. (Dungun).

„ TUAN HAJI BADRUDDIN BIN AMIRULDIN, B.K.M., P.J.K. (Jerai).

„ DATUK HAJI BASRI BIN BAJURI, D.S.S.A., K.M.N., S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).

„ TUAN BILLY ABIT JOO (Hulu Rajang).

„ TUAN HAJI BUNIYAMIN BIN YAAKOB (Bachok).

„ TUAN CHIAN HENG KAI (Bukit Mertajam).

„ TUAN CHOR CHEE HEUNG (Alor Setar).

„ TUN DAIM ZAINUDDIN, S.S.M., D.H.M.S., S.S.A.P. (Merbok).

„ DR V. DAVID (Puchong).

„ TUAN FONG KUI LUN (Klang).

„ TUAN FOO PIEW KOK (Batu Gajah).

„ TUAN GEORGE SANGKIN (Bandau).

„ TUAN GOOI HOCK SENG (Bukit Bendera).

„ TUAN HAJI HAMZAH BIN HAJI MOHAMED ZAIN (Tasek Chenderoh).

Yang Berhormat TUAN HARRISON NGAU LAING (Baram).

,, DATUK HAJI IBRAHIM BIN ALI, D.M.S.M. (Pasir Mas).

,, TUAN HAJI IBRAHIM BIN JENDOL, P.J.K. (Alor Gajah).

,, TUAN HAJI IBRAHIM BIN MAHMOOD (Kuala Krai).

,, TUAN IBRAHIM BIN PATEH MOHAMAD (Tanah Merah).

,, CHE IBRAHIM BIN MUSTAFA (Sungai Petani).

,, LT. KOL. (B) IBRAHIM BIN SAREH (Jelebu).

,, PUAN HAJAH ILANI BINTI DATO HAJI ISAHAK (Kota Bharu).

,, TUAN HAJI ISHAK BIN ARSHAD (Kangar).

,, DATO' DR HAJI JAMALUDDIN BIN HAJI MOHD. JARJIS, D.I.M.P

,, TUAN JAWAH ANAK GERANG (Lubok Antu).

,, TUAN JAMES JIMBUN ANAK PUNGGA, P.B.S. (Kapit).

,, TUAN JOSEPH MAUH ANAK IKEH (Selangau).

,, TUAN KANG CHOW OH (Kluang).

,, TUAN R. KARPAL SINGH (Jelutong).

,, TUAN KERK KIM HOCK (Pasir Pinji).

,, DR KUA KIA SOONG (Petaling Jaya).

,, TUAN LAI LUNG TZEE (Sandakan).

,, TUAN LAU DAK KEE (Ipoh).

,, TUAN ROBERT LAU HOI CHEW (Sibu).

,, TUAN LIEW AH KIM (Seputeh).

,, TUAN LIM GUAN ENG (Kota Melaka).

,, TUAN LIM HOCK SENG (Bagan).

,, TUAN LIM KIT SIANG (Tanjong).

,, PUAN LIM LAY HOON (Padang Serai).

,, DATIN LING CHOOI SIENG (Lumut).

,, TUAN HAJI MAHBUD BIN HAJI HASHIM (Sabak Bernam).

,, DATUK MAIDOM P. PANSAI (Kota Belud).

,, TUAN MICHAEL ASANG, B.S.K. (Jambongan).

,, TUAN MICHAEL LISA KAYA @ GOR KAYA (Bukit Mas).

,, DATO' HAJI MOHAMAD BIN ABDULLAH, D.I.M.P., P.J.K. (Maran).

Yang Berhormat TUAN HAJI MOHAMAD BIN SABU (Nilam Puri).

„ TUAN MOHAMED KAMAL BIN HUSSAIN (Lembah Pantai).

„ TUAN MOHAMED KHALED BIN NORDIN (Johor Bahru).

„ DATO' HAJI MOHAMMAD ABU BAKAR BIN RAUTIN IBRAHIM, D.S.D.K., K.M.N. (Kuala Kedah).

„ DATO' HAJI MOHD. SHARIF BIN JAJANG, D.P.M.S., A.M.N., P.J.K. (Sepang).

„ TUAN MOHD. TAMRIN BIN ABDUL GHAFAR (Batu Berendam).

„ DATO' HAJI MOHD. ZIHIN BIN HAJI MOHD. HASSAN, D.I.M.P., P.M.P., A.M.P. (Larut).

„ DATUK MONGGOH OROW, P.G.D.K., K.M.N., A.D.K. (Tuaran).

„ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N. S.P.D.K., S.I.M.P., P.N.B.S., S.P.M.J., S.P.M.P., S.P.C.K., K.C.R.L., K.S.T.J., O.B.E. (Limbawang).

„ TUAN NASRUDDIN BIN HAJI ALANG SAIDIN, A.M.P. (Parit).

„ DR NAWAWI BIN MAT AWIN (Tambun).

„ DATUK NURNIKMAN BIN ABDULLAH (Kimanis).

„ TUAN ONG TIN KIM (Telok Intan).

„ DR OSMAN MINUDIN (Kinabalu).

„ DATUK JOSEPH PAIRIN KITINGAN (Keningau).

„ TUAN G. PALANIVEL (Hulu Selangor).

„ DR PATAU RUBIS, P.B.S. (Mas Gading).

„ DATUK DOMINIC JOSEPH PUTHUCHEARY, P.G.D.K., A.S.D.K. (Nibong Tebal).

„ DATO' HAJI QAMARUZ ZAMAN BIN HAJI ISMAIL, D.P.M.P., P.C.M., K.M.N., B.C.K., P.J.K. (Bagan Serai).

„ TUAN RADIN MALLEH (Padas).

„ DATIN PADUKA HAJAH RAKIBAH BINTI HAJI ABDUL MANAP, D.S.S.A., A.M.N., P.J.K. (Shah Alam).

„ MULIA TENGKU TAN SRI RAZALEIGH HAMZAH, D.K., P.S.M., S.P.M.K., S.S.A.P., S.P.M.S. (Gua Musang).

„ TUAN RICHARD RIOT ANAK JAEM (Serian).

„ PUAN ROHANI BINTI ABD. KARIM (Santubong).

„ TUAN RUHANIE BIN HAJI AHMAD (Parit Sulong).

„ TUAN SAIDIN @ YUSOF BIN ADAM (Tanjong Karang).

„ TAN SRI DATUK HAJI SAKARAN BIN DANDAI, P.S.M., P.G.D.K., S.P.D.K., J.P., A.D.K. (Semporna).

Yang Berhormat DR SANUSI BIN DAENG MARIOK (Rantau Panjang).

" TUAN SHAHIDAN BIN KASSIM, A.M.P. (Arau).

" TUAN SIM KWANG YANG (Bandar Kuching).

" CIK SITI ZAINABON BINTI ABU BAKAR (Tebrau).

" TUAN HAJI SUKRI BIN HAJI MOHAMED (Kok Lanas).

" TUAN TAIMIN BIN LUMAING (Pensiangan).

" DATUK DANIEL TAJEM ANAK MIRI, P.N.B.S., J.M.N. (Sri Aman).

" TUAN TAN KOK WAI (Sungai Besi).

" DR TAN SENG GIAW (Kepong).

" TUAN THOMAS SALANG SIDEN (Julau).

" TUAN WAHAB BIN SUHAILI (Batang Sadong).

" WAN HANAFIAH BIN WAN MAT SAMAN (Kota Setar).

" WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR (Batang Lupar).

" TUAN HAJI WAN MOHD. JAMIL BIN WAN MAHMOOD (Tumpat).

" WAN OMAR BIN WAN MAJID (Pasir Putch).

" TUAN WEE CHOO KEONG (Bukit Bintang).

" DATUK AMAR JAMES WONG KIM MIN (Bintulu).

" TUAN JASON WONG SING NANG (Lanang).

" TUAN WONG WING ON (Kampar).

" TUAN WOON SEE CHIN, S.M.J., A.M.N., P.I.S. (Senai).

" TUAN VUN SHIN CHOI @ JOSEPH VOON (Tanjong Aru).

" TUAN GEOFFREY YEE LING FOOK (Tawau).

" TUAN YIM CHEE CHONG (Seremban).

" TUAN PHILIP YONG CHIEW LIP (Gaya).

DEWAN RAKYAT

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Rakyat : Dato' Haji Abdul Rahman bin Haji Ali, D.P.M.T., A.M.N., P.J.K., A.M.S., S.M.T., A.S.D.K.

Pemangku Ketua Penolong Setiausaha : Abdullah bin Abdul Wahab.

Penolong Setiausaha Kanan : Zamani bin Haji Sulaiman.

BAHAGIAN PENYATA RASMI PARLIMEN

Penolong Penyunting : Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop.

Pelapor Perbahasan Parlimen:

Haji Suhor bin Husin.

Mohd. Saleh bin Mohd. Yusop.

Supiah binti Dewak.

Ismail bin Haji Hassan.

Hajah Kelsom binti Ghazali.

Mohamed bin Osman.

Norishah binti Mohd. Thani.

Zaharah binti Naim.

Su Soon Chuan.

Norwahidah binti Azizi.

Rozita binti Abd. Samad.

Jainah binti Sakimin.

Ahmad Kamal bin Mohd. Yusop.

BENTARA MESYUARAT

Lt. Kol. (B) Haji Rahimuddin bin Abdul Mutalib

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Selasa, 22hb. November, 1994

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

(Timbalan Yang di-Pertua
mempengerusikan Mesyuarat)

JAWAPAN-JAWAPAN MULUT BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

PROTON — PENGELUARAN KERETA PACUAN EMPAT RODA

1. Dato' Haji Qamaruz Zaman bin Haji Ismail minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan berhasrat untuk membina kereta Proton jenis pacuan empat roda, jenis Van, jenis Pick-up memandangkan kereta Proton buatan Malaysia sangat berjaya. Kereta jenis yang disebutkan tadi sangat sesuai dan mempunyai demand yang baik di negara kita.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Datuk Bernard Giluk Dompok): Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang merancang untuk mempelbagaikan model-model keluaran Proton bagi menepati citarasa pembeli yang sentiasa berkembang dan inginkan pembaharuan. Dalam hubungan ini, satu Memorandum Persefahaman telah ditandatangani di antara Proton dan Rover bagi meneliti beberapa kemungkinan kerjasama termasuklah pengeluaran kereta pacuan empat roda.

Walau bagaimanapun, buat masa ini Proton tidak mempunyai perancangan untuk mengeluarkan kenderaan jenis van dan pick-up.

Tuan Haji Ishak bin Arshad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Kita telah menjalankan pengeluaran kereta bersama-sama Jepun dengan cukup berjaya sekali dan kita telah pun mendapat maklumat bahawa pengeluaran kereta selain dengan Jepun, usaha-usaha untuk membawa masuk teknologi daripada Eropah misalnya dengan Citroen ada diusahakan. Apakah alasan-alasan yang munasabah yang menyebabkan kita mula memilih teknologi pengeluaran kereta daripada bukan negara Jepun sedangkan negara Jepun memang dikenali dan mendapat sambutan yang amat menggalakkan?

Soalan yang kedua ialah sejauh manakah nanti usaha sama yang dibuat dengan pengeluar-pengeluar kereta lain daripada Jepun ini akan memberi manfaat kepada pengeluar-pengeluar atau pengilang-pengilang kecil bumiputera dari segi pengeluaran komponen-komponen tertentu? Adakah manfaat ini akan dapat dirasai bersama oleh bumiputera dengan adanya perubahan-perubahan dari segi pengeluaran kereta yang kita rancangkan ini?

Datuk Bernard Giluk Dompok: Tuan Yang di-Pertua, bagi jawapan kepada soalan yang pertama saya ingin menjelaskan di sini bahawa Kerajaan Malaysia inginkan supaya kita mempunyai

teknologi-teknologi yang bukan sahaja daripada Jepun tetapi juga daripada negara-negara yang lain. Ini adalah satu strategi di mana Kerajaan Malaysia ataupun negara Malaysia ini akan memperolehi teknologi yang canggih dalam industri motor di negara Malaysia ini. Syarikat Citroen telah dipilih oleh kerana syarikat ini adalah satu syarikat yang tidak begitu besar dan oleh kerana negara Malaysia baru sahaja muncul dalam industri motor ini kita rasa lebih baik kalau negara Malaysia mendapatkan kerjasama daripada mereka yang sudah berjaya dalam industri motor.

Bagi menjawab soalan kedua, saya ingin menjelaskan juga bahawa kerajaan bercadang untuk memilih cara yang sama untuk mendapatkan penglibatan daripada bumiputera di negara Malaysia ini berkecimpung di dalam industri motor walaupun negara lain terlibat sama dalam industri motor. Ingin saya menjelaskan di Dewan ini bahawa dari segi penglibatan bumiputera dalam pengurusan dan pengeluaran Proton Saga di mana bumiputera telah melibatkan diri dalam 45% daripada pengeluaran bahan-bahan yang digunakan untuk mengeluarkan kereta Proton Saga dan kerajaan bercadang supaya strategi yang sama akan digunakan dalam perjanjian yang terbaru ini.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin mendapat sedikit penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri kerana tadi Yang Berhormat Menteri menyatakan lebih kurang 45% komponen-komponen kereta Proton Saga ini adalah buatan Malaysia. Jadi, bilakah sepenuhnya komponen-komponen kereta jenis Proton Saga atau Kancil ini akan dibuat di negara kita?

Yang keduanya, dari skim vendor yang kita jalankan pada hari ini adakah pengeluaran daripada syarikat-syarikat ini begitu memuaskan dan adakah mereka ini juga akan diberi peluang untuk mengeluarkan barang-barang atau komponen-komponen kereta ini 100% di Malaysia? Adakah harga yang dijual di Malaysia dan di luar negara ini harganya sama dengan kereta Proton Saga dan mungkin kereta-kereta jenis Kancil yang akan dieksportkan kelak?

Datuk Bernard Giluk Dompok: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menjelaskan di sini bahawa Proton Saga sekarang ini telah menggunakan 74% daripada barangan yang telah dibuat di negara kita sendiri. Angka yang 45% itu adalah angka penglibatan bumiputera dalam pengeluaran sistem vendor. Jadi, bumiputera sekarang ini telah mempunyai 45% daripada pengeluaran di bawah skim vendor ini dan kerajaan merasai bahawa penglibatan di bawah skim vendor oleh pengusaha-pengusaha bumiputera ini adalah memuaskan setakat ini.

Harga kereta Proton yang dipasarkan di luar negara adalah berdasarkan kepada duti import dalam satu-satu negara itu ada perbezaan di antara kereta Proton yang dipasarkan di Malaysia dan di negara asing.

KES JENAYAH — KAEDAH DAN CARA PENYIASATAN POLIS

2. Tuan Haji Mohamad bin Sabu minta Menteri Dalam Negeri menyatakan kaedah dan cara kendali penyiasatan polis terhadap kes-kes jenayah oleh kerana terdapat kejadian orang-orang awam biasa didera ketika dalam penyiasatan manakala orang kenamaan yang tertentu diberikan keistimewaan bercuti, dan bagaimanakah kerajaan bercadang untuk membaiki kepincangan ini.

Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri (Tuan Ong Ka Ting): Tuan Yang di-Pertua, kaedah dan cara kendali penyiasatan polis terhadap kes-kes jenayah adalah termaktub di dalam Kanun Prosedur Jenayah. Seseorang

pegawai polis akan dikatakan telah mengabaikan tanggungjawabnya jika peraturan-peraturan ini tidak diikuti. Tindakan undang-undang ataupun disiplin akan diambil terhadap anggota-anggota yang sengaja melanggar peraturan-peraturan tersebut.

Anggapan bahawa orang-orang yang ditahan diberi keistimewaan untuk bercuti adalah tidak benar.

Tuan Haji Mohamad bin Sabu: Tuan Yang di-Pertua, banyak aduan secara siasatan sekarang melalui penyeksaan. Contohnya, bila saya berada dalam lokap di Alor Setar semasa mengikuti ISA, tiap-tiap malam saya dengar jeritan orang sebelah lokap saya dan memang besoknya saya terjumpa orang berkenaan, memang dia. Betisnya semua biru dipukul dengan begitu dahsyat. Begitu juga semasa saya di lokap Tumpat pada tahun yang sama mengikuti ISA, orang disyaki merogol dipukul untuk mendapatkan bukti. Mereka adalah dalam keadaan syak dan dipukul dengan begitu dahsyat. Soalnya kenapa, misalnya orang yang disyaki terlibat seperti bekas Ketua Menteri Melaka ditahan pun tidak bahkan di-izinkan bercuti ke mana-mana sedangkan rakyat biasa menghadapi seksaan dalam lokap yang begitu dahsyat. Minta penjelasan.

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar kerana seperti mana saya telah terangkan tadi, seseorang pegawai polis tidak boleh menyeksa atau menggunakan cara-cara yang tidak diizinkan di bawah peruntukan Kanun Prosedur Jenayah, termasuk tidak kira sama ada lokap ataupun di mana. Yang Berhormat dari Nilam Puri telah pun menerangkan apa dia nampak pada masa itu kalau sekiranya benar, saya anggap seseorang boleh mengadu ataupun membuat laporan polis juga terhadap polis yang telah melakukan sesuatu terhadap subjek itu.

Adalah tidak benar bahawa bekas Ketua Menteri Melaka apabila diambil tindakan dan dibenarkan cuti. Pada hal pada masa itu, Ketua Menteri Melaka tidak ditangkap ataupun di bawah apa-apa dakwaan pada masa itu dan cuti itu adalah diambil sebelum apa-apa siasatan. Selepas siasatan itu pun tidak mempunyai apa-apa bukti supaya tangkapan itu harus diteruskan dengan pendakwaan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Yang di-Pertua, adakah kes-kes menghasut boleh dimasukkan di bawah Kanun Acara Jenayah? Kalau ya, pada tahun 1984, kerajaan telah mengeluarkan satu Kertas Putih yang berbunyi "Ancaman Kepada Perpaduan Umat Islam dan Keselamatan Negara" di bawah Perkara 32(1) dan 32(2).

Pada 27hb. Oktober, 1980, Buniyamin bin Yaakob dalam ceramah PAS di Kampung Paloh, Tanah Merah, Kelantan telah menuduh bahawa imam-imam kerajaan pada hari ini adalah munafik. Kemudian pada 27hb. April, 1981, Buniyamin bin Yaakob juga dalam ceramah politik PAS di Kampung Bubok, Ayer Hitam, Jitra, Kedah telah menuduh bahawa orang-orang UMNO adalah bergelumang dengan syirik dan dosa kerana mereka tidak memperjuangkan Islam. Dia menghasut supaya PAS jangan sembahyangkan mayat-mayat orang UMNO yang disimpankan sebagai bangkai, sama seperti orang kafir. Dia juga menghukumkan bahawa seseorang isteri dengan sendirinya jatuh talak sekiranya tidak memperjuangkan Islam melalui PAS. Apakah tindakan telah diambil kepada Buniyamin bin Yaakob?

Tuan Ong Ka Ting: Tuan Yang di-Pertua, Kanun Prosedur Jenayah ini adalah satu peraturan untuk diikuti oleh pihak pegawai polis pada masa dia menjalankan dan menggunakan kuasanya untuk menjalankan sesuatu siasatan mengikut akta-akta yang tertentu. Untuk

menghasut ini, sudah ada akta yang berkenaan seperti Akta Hasutan ataupun ISA pun boleh diguna untuk mereka yang menghasut. Walaupun Yang Berhormat dari Arau telah mengatakan ada terdapat mereka daripada Pembangkang, telah pun cuba menghasut tetapi Kerajaan Barisan Nasional selalunya masih liberal tetapi jangan sampai satu tahap di mana ianya benar-benar akan memudaratkan ketenteraman pada masa itu, saya rasa pihak polis akan terus mengambil tindakan.

KOD ETIKA HAKIM-HAKIM

3. Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim minta Menteri Undang-undang menyatakan:

(*a*) bilakah Kod Etika Hakim-hakim akan dapat disempurnakan dan apakah cadangan-cadangan daripada pihak kerajaan yang akan diterima masuk ke dalam Kod Etika tersebut; dan

(*b*) keputusan hakim-hakim untuk mewajibkan mereka mengisytiharkan harta mereka kepada Ketua-ketua Hakim untuk dijadikan salah satu Kod Etika Hakim-hakim.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Undang-undang (Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar): Tuan Yang di-Pertua,

(*a*) Kod Etika Hakim-hakim, saya difahamkan telah pun disediakan oleh badan kehakiman tetapi saya tidak mempunyai tarikh bila ianya boleh dilaksanakan.

(*b*) Keperluan untuk hakim-hakim mengisytiharkan harta masing-masing ada diperuntukkan di dalam Kod Etika Hakim-hakim yang dicadangkan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada masa sekarang, setiap hakim hendaklah dalam tempoh satu bulan selepas dilantik mengisytiharkan hartanya kepada Ketua Hakim Negara dan pada bila-bila masa yang dikehendaki untuk berbuat demikian oleh Ketua Hakim Negara.

Dato' Haji Mohammad Abu Bakar bin Rautin Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya ingin tahu apakah kaedah-kaedah yang dimasukkan di dalam Kod Etika tersebut dan di bawah Kod Etika tersebut, apakah prosedur terhadap hakim-hakim yang melanggar Kod Etika itu dan apakah tindakan ataupun hukuman yang boleh dikenakan kepada mereka yang didapati bersalah?

Soalan yang kedua, sebentar tadi Yang Berhormat Menteri telah menyatakan di bawah Kod Etika Hakim-hakim, hakim-hakim hendaklah mengisytiharkan harta mereka kepada Ketua Hakim Negara. Jadi, saya ingin tahu kepada siapa pulakah Ketua Hakim Negara akan mengisytiharkan hartanya sama ada kepada Perdana Menteri ataupun kepada Parlimen?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana badan kehakiman belum lagi menunjukkan kepada saya mengenai Kod Etika oleh kerana dalam proses persediaan, apabila ianya telah disempurnakan dan dapat penerimaan daripada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, baru boleh saya memberikan secara khusus berkenaan apakah peruntukan dan kaedah yang akan digunakan bagi menentukan etika dan disiplin hakim dijalankan.

Berkenaan dengan kepada siapa buat, pada masa ini prosedur yang telah diarahkan kepada hakim-hakim telah dilaksanakan iaitu satu bulan selepas dilantik diisytiharkan kepada Ketua Hakim Negara. Untuk Ketua Hakim Negara, tidak ada apa-apa peruntukan kepada siapa beliau perlu mengisytiharkan.

Tun Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Kod Etika yang terpakai untuk hakim-hakim seperti yang dirancangkan ini selepas ini akan dilanjutkan pula untuk pegawai-pegawai atau Hakim Mahkamah Sesyen dan para majistret? Walaupun mereka itu sekarang ini ada Perintah-perintah Am (Kelakuan dan Tatatertib) Bab D, tetapi dalam soal menjalankan tugas di mahkamah, kebanyakannya tidak meliputi aspek-aspek kehakiman. Misalannya, ketepatan masa untuk bersidang ataupun kepentingan kalau seseorang hakim itu ada kepentingan tidak boleh duduk, ini tidak termasuk. Adakah Kod Etika yang sama akan dilanjutkan kepada pegawai-pegawai kehakiman, khususnya para Hakim Mahkamah Sesyen dan para majistret yang ada di seluruh negara?

Yang kedua, saya ingin tahu sama ada suatu consensus, dengan izin, sudah dicapai antara pihak Kerajaan khususnya Kementerian Yang Berhormat dengan para hakim tentang intipati apakah perkara-perkara yang perlu dimasukkan dalam Kod Etika Kehakiman ini untuk dijadikan landasan tindakan kepada hakim-hakim yang melanggar kod etika ini di masa-masa yang akan datang. Sama ada cadangan daripada sebelah pihak atau consensus, perundingan telah dibuat dengan para hakim di seluruh negara?

Dato' Syed Hamid bin Syed Jaafar Albar: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana Hakim Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret mempunyai kod etika untuk menjaga disiplin, dan segala perkara-perkara yang melibatkan soal disiplin, soal ketepatan masa dan menjalankan tugas dengan baik dan segala unsur-unsur yang digunakan untuk hakim, boleh digunakan untuk tujuan Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret, walaupun ia tidak berbentuk untuk mengikut Hakim-hakim Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret sebagaimana yang akan diperuntukan di bawah Kod Etika Hakim-hakim. Walau bagaimanapun, unsur-unsur yang sama terkandung di dalam apa yang mereka terkawal di dalam circular-circular yang dikeluarkan kepada Hakim Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret.

Berkenaan perundingan sebagaimana kita ketahui di bawah peruntukan perkara 125(3)(*a*), Kod Etika ini disediakan oleh hakim-hakim sendiri dan mereka telah mengadakan perbincangan. Apa yang saya difahamkan, di dalam conference hakim-hakim untuk menggariskan perkara-perkara yang melibatkan perilaku hakim-hakim, dan perkara-perkara yang perlu mereka kawal selia di kalangan mereka sendiri. Perkara ini memerlukan ianya dibentangkan setelah mereka menggariskan kepada pihak Perdana Menteri untuk disembahkan kepada Yang di-Pertuan Agong. Buat masa ini oleh kerana perkara itu belum lagi dibentangkan kepada Yang di-Pertuan Agong, ia tidak perlu untuk dibincangkan dengan Kementerian Undang-undang.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Tuan Vun Shin Choi @ Joseph Voon.

(Soalan No. 4 — Y.B. Tuan Vun Shin Choi @ Joseph Voon tidak hadir)

KAD KREDIT — KADAR FAEDAH TERLALU TINGGI

5. Tuan Lim Guan Eng minta Menteri Kewangan menyatakan:

(*a*) apakah kedudukan tentang permohonan bank mengenakan bayaran perkhidmatan serta jenis bayaran baru yang dicadangkan; dan

(*b*) apakah rumusan tentang kajian ke atas faedah terlalu tinggi yang dikenakan oleh syarikat kad kredit dan kad caj yang membebankan pengguna dan bilakah pengurangan ini akan dilaksanakan. Sila nyatakan kadar faedah yang dikenakan sekarang.

Timbalan Menteri Kewangan (Dato' Loke Yuen Yow): Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Bank Negara Malaysia masih mengkaji cadangan yang dimajukan oleh Persatuan Bank-bank Dalam Malaysia dan Persatuan Syarikat-syarikat Kewangan di Malaysia berhubung dengan bayaran perkhidmatan serta caj-caj baru.

Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, kadar faedah yang dikenakan oleh syarikat-syarikat kad kredit dan kad caj pada masa ini adalah di antara 18%–24% setahun.

Adalah dimaklumkan juga bahawa setiap pembelian yang dibuat ataupun wang tunai yang dikeluarkan melalui penggunaan kad kredit merupakan pinjaman tidak terjamin iaitu "unsecured loans", dengan izin, iaitu pinjaman yang tidak mempunyai cagaran ataupun penjamin. Oleh itu, risiko pembayaran balik yang tidak dapat dijelaskan dengan izin, default payment adalah lebih tinggi berbanding dengan pinjaman-pinjaman lain yang mempunyai cagaran ataupun penjamin. Faktor ini, Tuan Yang di-Pertua, telah mendorong syarikat-syarikat kad kredit mengenakan kadar faedah tinggi bagi penggunaan kad kredit mereka. Walau bagaimanapun, kadar faedah tersebut tidak melibatkan semua pemegang kad kredit.

Pemegang-pemegang kad kredit yang menggunakan kad mereka hanya untuk kemudahan semata-mata iaitu convenience, dengan izin, tidak akan dibebankan dengan kadar faedah tersebut kerana syarikat-syarikat pengeluar kad kredit telah memperuntukkan satu tempoh jangka masa pembayaran balik yang bebas daripada kadar faedah, iaitu biasanya dalam lingkungan 24–30 hari dari tarikh penggunaan. Namun begitu, bagi pemegang-pemegang kad yang menggunakan kad kredit sebagai satu instrument untuk mendapatkan pinjaman atau berhutang secara mudah dan membuat pinjaman kredit pusingan iaitu "revolving credit", dengan izin, akan terperangkap dengan kadar faedah yang tinggi ini. Dengan demikian, pemegang-pemegang kad adalah tidak digalakkan menggunakan kad kredit mereka untuk tujuan membuat pinjaman atau berhutang secara mudah, kerana di samping memberikan kemudaratan kepada pemegang kad, ia juga boleh mengakibatkan tekanan inflasi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selama ini Bank Negara tidak campur tangan dalam penentuan kadar faedah ke atas penggunaan kad kredit semata-mata untuk menggalakkan faktor pasaran sahaja, yang menentukan kadar tersebut dan juga untuk menggalakkan pemegang-pemegang kad supaya menggunakan kad kredit mereka dengan lebih berhati-hati.

Walau bagaimanapun, Bank Negara telah mengeluarkan beberapa garis panduan untuk dipatuhi oleh syarikat syarikat kad kredit, yang telah dikuatkuasakan pada awal tahun 1992, iaitu mewajibkan supaya pemegang kad kredit berumur 21 tahun ke atas berpendapatan minimum sebanyak RM24,000 setahun dan membuat pembayaran balik bulanan minimum sebanyak 10% daripada jumlah baki yang tertunggak. Garis-garis panduan ini adalah bertujuan untuk membendung rangsangan inflasi melalui penggunaan kad kredit secara berleluasa dan juga untuk memastikan bahawa pemegang-pemegang kad kredit adalah terdiri daripada mereka yang benar-benar layak sahaja. Dengan adanya garis-garis panduan ini, penggunaan kad kredit secara berleluasa sedikit sebanyak telah dapat dibendung.

Pada akhir Jun 1994, jumlah pinjaman melalui penggunaan kad kredit hanya merangkumi sebanyak 1.5% sahaja daripada jumlah pinjaman yang telah dikeluarkan melalui sistem perbankan keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, sungguhpun demikian, kerajaan sedar tentang kadar faedah yang dikenakan oleh pengeluar-pengeluar kad kredit pada masa ini terlalu tinggi, kalau dibandingkan dengan pinjaman-pinjaman lain, lebih-lebih lagi jika dibandingkan dengan kadar asas pinjaman yang semakin menurun. Walaupun kadar faedah bagi penggunaan kad kredit pada masa ini tidak diasaskan kepada kadar asas pinjaman, namun Bank Negara kini sedang menjalankan kajian yang terperinci mengenai masalah tersebut dan keputusan mengenainya akan diumumkan sedikit masa lagi.

Tuan Chor Chee Heung: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Memandangkan apa yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri iaitu Bank Negara sedang mengadakan satu kajian mendalam, sama ada melibatkan bayaran caj baru kepada pengguna yang dikenakan oleh bank-bank komersial. Maka saya ingin bertanya pada masa yang sama, katalah bayaran baru ini dikenakan kepada pengguna, adakah kerajaan bercadang untuk mengarah supaya Bank Negara juga mengadakan satu kajian sama ada bank komersial akan memberi faedah kepada semua wang kredit dalam akaun semasa pelanggan mereka? That is the amount standing in the customer's current account, dengan izin, seperti yang diadakan buat masa ini diberikan kepada Jabatan Kerajaan, saya percaya 4% kalau tidak silap. Sama ada kerajaan bercadang supaya mengarah Bank Negara untuk mengadakan satu kajian mendalam, mengenai current account, amount of money left in the standing current account dapat diberikan faedah sebagai satu pulangan kepada pengguna?

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu buat masa ini terdapat beberapa jenis kad kredit dalam negara kita dan yang dikeluarkan oleh syarikat yang mengeluarkan kad kredit ini.

Saya ingin juga bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sebab apa pengguna mengeluarkan wang menggunakan kad kredit terpaksa membayar juga advancement fee, dengan izin, sebanyak RM30, pada hal tiap-tiap bulan pengguna terpaksa juga membayar faedah? Adakah kerajaan bercadang untuk mengkaji juga supaya advancement fee, dengan izin, ini dapat dihapuskan?

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, mengenai hujah pertama yang disebutkan tadi oleh Yang Berhormat, dalam proses kajian Bank Negara apa yang disuarakan oleh Yang Berhormat itu kita akan memberi perhatian supaya faedah boleh dipulangkan balik kepada pemegang kad atas wang kredit yang ada dalam akaun mereka.

Mengenai jenis-jenis kad, sekarang ini kita mempunyai dua jenis kredit kad dan juga charge card, iaitu Master Card, Visa Card, Execcard, American Express dan sebagainya.

Mengenai advancement yang disebutkan RM30 setiap ribu, Bank Negara akan memberi perhatian tetapi ini adalah satu cara perniagaan yang dijalankan oleh syarikat-syarikat yang berkenaan dan ini mungkin meliputi beberapa kesan yang Bank Negara patut mengambil kira apabila sesuatu keputusan yang dibuat oleh Bank Negara.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Yang di-Pertua, saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri Kewangan, sama ada beliau bersetuju dengan kadar faedah yang begitu tinggi sebanyak 24%? Ada atau tidak yang lain seperti 'loan shark' atau 'Chettiar'? Mungkin meminjam daripada Chettiar adalah lebih murah. Kalau begitu adakah pihak kementerian akan mengarahkan dan bukan terpulang kepada Bank Negara tetapi mengarahkan bahawa kadar faedah yang dikenakan sekarang dapat dikurangkan supaya pemegang-pemegang kad

kredit dan juga kad caj ini dapat di berikan layanan yang munasabah. Di sini saya ingin bertanya, apakah jumlah pinjaman atau jumlah yang terlibat kerana tadi Yang Berhormat memberikan kadar peratus, apakah jumlah yang terlibat dan juga keuntungan yang diperolehi daripada syarikat-syarikat yang mengendalikan kad kredit dan kad caj ini?

Kedua, saya juga hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang kedudukan bank-bank perdagangan yang mengenakan bayaran perkhidmatan. Kerana, apabila soalan ini dibangkitkan tiap-tiap sesi saya amat kesal bahawa pihak kerajaan masih belum menolak permohonan daripada Association of Banks Malaysia, dengan izin. Adakah ini bermakna bahawa selepas pilihan raya umum akan datang ini berlalu, bank-bank perdagangan akan dibenarkan mengenakan caj perkhidmatan. Di sini memandangkan bank perdagangan memperolehi keuntungan sebanyak RM2 bilion setiap tahun, adalah tidak munasabah langsung para pengguna dikenakan caj perkhidmatan kerana ini hanya memberikan peluang untuk bank-bank mencapai keuntungan yang lebih tinggi lagi. Sekian, terima kasih.

Dato' Loke Yuen Yow: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan soalan tambahan yang pertama, saya telah menjawab dengan begitu terperinci tadi latar belakang mengapa kadar faedah yang begitu tinggi dikenakan ke atas pemegang-pemegang kad kredit, mengapa kerajaan tidak campur tangan dan faktor-faktor lain yang akan memberikan tekanan inflasi kepada negara. Saya telah menerangkan dengan begitu terperinci tetapi nampaknya Yang Berhormat itu tidur tadi dan meminta saya menjawab sekali lagi. Saya tidak ingin berbuat demikian. Saya berharap lain kali apabila saya menjawab janganlah tidur. *(Ketawa)*

Untuk menjawab bahagian kedua, berkenaan dengan kedudukan bank perdagangan mengapa Kementerian Kewangan tidak memberi jawapan atas soalan-soalan yang ditanya tiap-tiap kali, saya ingin minta Yang Berhormat bersabar sedikit kerana kerajaan kita khasnya Kementerian Kewangan ini adalah kementerian yang bertanggungjawab sekali. Oleh kerana apabila sesuatu keputusan dibuat, Kementerian Kewangan bersama-sama dengan Bank Negara Malaysia harus mengkaji dengan terperinci dan mendalam supaya sesuatu keputusan yang dibuat seperti caj perkhidmatan yang mungkin dikenakan ke atas akaun-akaun yang berkenaan akan memberi faedah kepada semua iaitu apa sahaja keputusan yang dibuat adalah untuk kepentingan semua. Ini adalah satu keputusan yang besar, jadi, kita kena berdialog, berbincang dan apabila sampai masa matang kita akan umumkan. Terima kasih.

MAJIKAN/PELABUR JEPUN — SEKATAN PELUANG KENAIKAN PANGKAT

6. Tuan Saidin @ Yusof bin Adam minta Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri menjelaskan adakah benar bahawa majikan-majikan dan pelabur-pelabur Jepun enggan menaikkan pangkat kepada pekerja-pekerja tempatan. Sekiranya benar apakah tindakan kementerian dan bagaimanakah kementerian hendak menukarkan teknologi Jepun sekiranya pangkat dan teknologi tidak diteruskan.

Timbalan Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (Tuan Chua Jui Meng): Tuan Yang di-Pertua, adalah tidak benar bahawa majikan-majikan dan pelabur-pelabur Jepun enggan menaikkan pangkat kepada pekerja-pekerja tempatan. Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri setakat ini tidak menerima aduan yang menyeluruh

dan serius mengenai perkara tersebut. Sekiranya isu kenaikan pangkat yang dibangkitkan adalah berkaitan dengan dasar pengambilan pekerja expatriate, dengan izin, yang dilaksanakan oleh kerajaan di mana firma-firma dan pelabur-pelabur asing sememangnya diberi beberapa jawatan tinggi dan utama (key position) kepada pekerja expatriate, maka isu kenaikan pangkat ini tidak timbul.

Walau bagaimanapun, firma-firma dan pelabur-pelabur asing juga diberi kelulusan untuk mengisi beberapa jawatan teknikal oleh pekerja asing di mana jawatan-jawatan berkenaan merupakan jawatan 'under-study', dengan izin, di mana pekerja teknikal asing itu dibenarkan bekerja maksima 5 tahun sementara pekerja tempatan dilatih untuk mengambil alih pekerja-pekerja asing berkenaan.

Dalam hal ini kerajaan menekankan supaya firma-firma ini mengutamakan pengambilan pekerja-pekerja tempatan dengan secepat mungkin untuk mengisi jawatan-jawatan berkenaan. Dasar ini menentukan bahawa bukan sahaja projek-projek yang dilaksanakan akan berdaya maju tetapi ianya menentukan pemindahan teknologi kepada pekerja tempatan dan memastikan sebahagian besar pekerja firma pelabur asing itu kelak terdiri daripada rakyat Malaysia.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Sebuah syarikat pengeluar penghawa dingin (air conditioner) dalam negara ini mengakui bahawa sebilangan besar pekerjanya adalah kaum wanita dan sebilangan besar dari kaum wanita itu adalah Melayu. Dan diakui juga bahawa mereka hanya berkemahiran dari segi penggunaan tangan sahaja. Jadi, dari aspek ini bagaimanakah firma-firma asing ini memberi ruang kenaikan pangkat kepada orang-orang yang sedemikian.

Keduanya, saya ingin bertanya, selaras dengan aspirasi kerajaan untuk meningkatkan perindustrian negara kepada perindustrian teknologi tinggi (high technology), apakah perancangan-perancangan ataupun garis panduan yang diberikan oleh Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri kepada syarikat-syarikat asing yang melabur di sini supaya anak-anak tempatan diberi peluang menerima pemindahan teknologi secara serius dan secara dipertingkatkan (intensify)?

Tuan Chua Jui Meng: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah mengumumkan beberapa langkah untuk mempertingkatkan kemahiran pekerja-pekerja kita termasuk pekerja-pekerja wanita daripada kaum bumiputera. Ini termasuk 'in-house training' yang digalakkan. Kita minta orang asing bila melabur di negara kita ini mempertingkatkan kemahiran mereka untuk memberikan kemahiran kepada mereka bagi menyerapkan menguasai teknologi yang lebih tinggi.

Selain daripada itu kerajaan juga telah menubuhkan satu tabung yang dinamakan "Human Resources Development Fund" dan melalui tabung ini kita harap majikan-majikan di pihak swasta termasuk orang-orang asing akan menggunakan gerangeran yang dikeluarkan oleh tabung ini untuk melatih pekerja mereka untuk menyerap dan mempertingkatkan kebolehan mereka.

Mengenai cara untuk memindahkan teknologi daripada orang asing kepada rakyat tempatan, sudah tentunya kerajaan telah menetapkan beberapa syarat. Bila kita mengizinkan seorang ekspatriat berkhidmat di Malaysia, kerajaan ada mengeluarkan syarat kepada visa yang dibekalkan kepada mereka, iaitu kita memberikan satu tempoh yang sudah tentu, biasanya lima tahun untuk syarikat itu menggantikan ekspatriat itu dengan pekerja-pekerja tempatan melalui latihan-latihan yang diberi kepada pekerja tersebut.

RUMAH KOS RENDAH UNTUK SETINGGAN WILAYAH PERSEKUTUAN

7. Tuan Mohamed Kamal bin Hussain minta Perdana Menteri menyatakan adakah DBKL atau pemaju swasta berkemampuan membina rumah-rumah kos rendah di Wilayah Persekutuan bagi menampung permintaan golongan yang berpendapatan rendah terutamanya penduduk-penduduk setinggan. Adakah perancangan DBKL untuk menghapuskan setinggan (Squatters Free) pada tahun 2000 akan berjaya jika kadar pembangunan rumah kos rendah pada setiap tahun masih kecil sedangkan pertumbuhan penduduk setinggan terus bertambah.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Dato' Drs Suleiman bin Mohamed): Tuan Yang di-Pertua, perkara yang sama telah pun dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Lembah Pantai di Dewan yang mulia ini pada 19hb. Julai 1994 dan perkara tersebut telah pun dijawab. Dengan ini, saya tidak bercadang untuk menambah apa-apa maklumat lain berhubung dengan perkara yang dibangkitkan itu.

Tuan Lim Kit Siang: Dalam satu jawapan kepada satu soalan saya minggu lalu, saya mendapat suatu jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri mengatakan bahawa di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur terdapat sejumlah 121 projek pembangunan yang melibatkan bangunan tinggi melebihi lima tingkat yang masih belum menerima perakuan menduduki tetap atau 'Certificate of Fitness'. Daripada jumlah tersebut, 74 daripadanya merupakan projek pembangunan pangsapuri/rumah pangsa, 20 projek bangunan pejabat, 15 projek bangunan perdagangan, 8 projek bangunan hotel, 3 projek bangunan hospital dan 1 projek bangunan perpustakaan. Soalan tambahan saya ialah daripada 74 bangunan pangsapuri rumah pangsa, berapa sebenarnya rumah pangsa? Kalau sekurang-kurangnya 50 buah projek ialah rumah pangsa, ini bererti bahawa ada sekurang-kurangnya 4,000 — 5,000 unit rumah kos rendah yang tidak dapat Certificate of Fitness. Bukankah ini menunjukkan bahawa DBKL tidak serius dalam perkara ini dan sehingga membenarkan rumah-rumah pangsa dibina dengan tidak memenuhi syarat-syarat yang diperlukan?

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, walaupun soalan yang dikemukakan terkeluar daripada soalan asal, namun saya jawab jugalah. Bahawa dengan banyaknya pembinaan rumah termasuk rumah pangsa di Wilayah Persekutuan, memang kita menghadapi kesulitan untuk memberi CF dengan kadar yang segera. Namun demikian, kerajaan memberi temporary CF sebagai mengatasi keperluan-keperluan yang ada.

Tuan Tan Kok Wai: Tuan Yang di-Pertua, lanjutan soalan oleh Ketua Pembangkang, adakah Yang Berhormat Timbalan Menteri sedar bahawa daripada rumah-rumah pangsa dan rumah pangsapuri yang tidak mempunyai sijil layak menduduki ini, kebanyakannya dibina dan diuruskan oleh DBKL. Pada pendapat saya sekurang-kurangnya 4,000 unit pangsapuri yang dibina di seluruh Wilayah Persekutuan masih belum memperolehi sijil layak menduduki. Apakah sebabnya, mengapakah DBKL sebagai satu badan tidak boleh memberi satu contoh yang baik yang dapat diikuti oleh pemaju-pemaju swasta?

Dato' Drs Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, kenyataan Yang Berhormat itu tak betul. Yang tak dapat CF itu sedikit sahaja, dan sedikit masa lagi kita beri.

RUMAH KOS RENDAH UNTUK GOLONGAN BERPENDAPATAN RENDAH

8. Tuan Foo Piew Kok minta Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan menyatakan jumlah rumah-rumah kos rendah yang telah diubahsuai oleh pemiliknya di seluruh negara dan juga nyatakan:

(*a*) langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan untuk memastikan bahawa rumah-rumah kos rendah benar-benar memanfaatkan golongan yang berpendapatan rendah, memandangkan bahawa terdapat banyak kes-kes yang menunjukkan rumah-rumah tersebut "dirampas" oleh golongan yang kaya;

(*b*) jumlah rakyat yang berpendapatan rendah yang masih belum dapat memiliki sebuah rumah kos rendah serta pecahan kekurangan rumah kos rendah mengikut negeri-negeri masing-masing; dan

(*c*) sama ada kerajaan bercadang untuk menarik balik rumah kos rendah yang dijual kepada golongan kaya yang memberi keterangan yang palsu berkenaan kedudukan kewangan mereka, supaya golongan yang kurang berpendapatan dapat menikmati kemudahan memiliki sebuah rumah kos rendah. Sekiranya tidak, sila berikan sebab-sebab.

Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan (Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan tidak menyimpan data mengenai rumah-rumah kos rendah yang telah diubahsuaikan oleh pembelinya.

(*a*) Sejumlah rumah kos rendah yang dibina oleh Kerajaan-kerajaan Negeri adalah dibuat dengan kawalan-kawalan tertentu bagi memastikan rumah-rumah tersebut sampai kepada golongan yang disasarkan. Ini termasuklah langkah-langkah seperti berikut:

(i) mengadakan temuduga;

(ii) mendapat pengesahan daripada ketua-ketua masyarakat;

(iii) di beberapa buah negeri dengan mempamerkan senarai bakal-bakal pembeli yang berjaya kepada umum untuk mendapatkan teguran dan maklum balas.

Di samping itu, Kerajaan Persekutuan juga menyarankan supaya Kerajaan-kerajaan Negeri memperkemaskan sistem pemilihan peserta untuk rumah-rumah kos rendah, terutamanya yang dibina dan dijual oleh sektor swasta. Misalnya mengikut amalan setengah negeri seperti Johor, dengan memilih pembeli daripada senarai menunggu yang dikendalikan oleh Kerajaan-kerajaan Negeri.

(*b*) Perlu dijelaskan dan ditekankan bahawa dasar kerajaan ialah untuk menyediakan kemudahan perumahan untuk membolehkan rakyat menikmati kemudahan perumahan. Kemudahan-kemudahan yang disediakan termasuklah kemudahan dari segi kewangan, penyediaan program-program bagi pelbagai peringkat penduduk dan lain-lain intensif dan kemudahan yang juga diberikan kepada pemaju untuk melaksanakan rumah kos rendah. Hasrat kerajaan ialah supaya rakyat dapat menikmati kemudahan ini sama ada melalui pemilikan ataupun penyewaan.

Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, 343,800 rumah kos rendah telah dicadangkan untuk dibina untuk menampung keperluan perumahan golongan yang berpendapatan rendah. Di akhir tahun 1993, 173,522 unit ataupun 50.5% telah disediakan. Sejumlah 170,278 unit lagi diperlukan di bawah Rancangan Malaysia Keenam dan sasaran ini sedang dilaksanakan oleh sektor awam dan sektor swasta. Adalah dijangkakan peratusan tahun pencapaian yang lebih baik akan dicapai pada tahun 1995. Negeri-negeri seperti Johor, Kedah, Negeri Sembilan, Pulau Pinang, Selangor dan Wilayah Persekutuan telah mencapai prestasi yang baik dalam memenuhi keperluan kos rendah iaitu melebihi 60% daripada keperluan. Negeri-negeri seperti Kelantan, Sabah dan Sarawak tidak mencapai prestasi yang baik iaitu kurang daripada 10% daripada sasaran rumah kos rendah. Bagi negeri Sabah dan Sarawak, ini adalah disebabkan prestasi yang rendah itu kerana kekurangan maklumat yang diterima dari kedua-dua kerajaan mengenai pelaksanaan rumah kos rendah oleh sektor swasta. Negeri-negeri lain telah mencapai lebih daripada 30% daripada sasaran keperluan rumah kos rendah di bawah Rancangan Malaysia Keenam.

(*c*) Penjualan rumah kos rendah dibuat dengan kontrol seperti yang saya sebutkan tadi untuk memastikan ianya sampai kepada golongan yang disasarkan. Dan sekiranya terdapat bukti-bukti yang konkrit seperti yang didakwa oleh Yang Berhormat itu, perkara tersebut wajar dikemukakan kepada Kerajaan Negeri sebagai pihak yang berkuasa ke atas pemaju dan penjualan rumah kos rendah di negeri-negeri berkenaan. Soal menarik balik penjualan atau tindakan lain adalah perkara kedua dan perlu diputuskan berasaskan dakwaan yang dibuat.

Tuan Foo Piew Kok: Tuan Speaker, saya ingin tahu sama ada kerajaan mengadakan satu rancangan untuk mencapai matlamat setiap pengundi memiliki rumah sendiri dan bukanlah seperti MCA yang hanya menumpang di bumbung UMNO sahaja. *(Tepuk)* Bilakah matlamat ini akan dicapai, jika tidak kenapa?

Tuan Yang di-Pertua, soalan yang kedua, memandangkan pihak Kerajaan Negeri memberi alasan kekurangan tanah untuk projek rumah kos rendah, sedangkan beribu-ribu hektar tanah diperuntukkan untuk projek padang golf. Contohnya di Ipoh, selain daripada padang golf di Jalan Gopeng, masih ada Padang Golf Meru dan Padang Golf Tambun. Jaraknya di antara kedua-dua padang golf itu hanya 5 batu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin tahu sebelum matlamat itu dicapai, sama ada Kerajaan Pusat BN itu akan mengarahkan Kerajaan Negeri yang diperintah oleh BN itu membekukan semua permohonan tanah untuk projek padang golf.

Beberapa Ahli: *(Menyampuk)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, bertenang.

Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan: Tuan Yang di-Pertua, saya percaya apa yang dikatakan oleh Ahli Yang Berhormat itu adalah kenyataan. Walau bagaimanapun, saya akan menjawab secara 'general' mengenai rancangan kerajaan untuk memberi rumah kepada setiap pengundi.

Tuan Yang di-Pertua, memanglah hasrat kerajaan seperti juga hasrat rakyat ialah untuk memiliki rumah yang selesa yang boleh dimiliki secara 'affordable', dengan izin, dan kerajaan akan berusaha untuk berbuat demikian selagi Kerajaan Barisan Nasional memerintah.

Soalan yang lain, kenyataan yang lain mengenai padang golf, mengenai ketiadaan tanah di Ipoh, ini adalah di dalam pentadbiran Kerajaan Negeri. Kerajaan Pusat tidak bercadang untuk mengarah Kerajaan Negeri, tetapi Kerajaan Pusat seperti biasa akan mengadakan perbincangan untuk mencari persetujuan daripada Kerajaan Negeri untuk mendapatkan tanah yang sesuai.

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa Menteri di dalam kementerian sendiri ada mengatakan pihak Kerajaan-kerajaan Negeri tidak mengutamakan, tidak memberi priority kepada rumah kos rendah. Adakah ini benar? Dan di dalam satu tahun lagi atau 12 bulan, adakah matlamat sasaran ini akan tercapai? Adakah Yang Berhormat sedar bahawa di dalam kriteria ataupun cara untuk memilih pembeli-pembeli rumah kos rendah ini ada kecacatan. Kalau Yang Berhormat tidak begitu sedar, saya akan beri satu penjelasan mengenai . . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa tak payah! *(Ketawa)* Ahli Yang Berhormat Kepong, cukuplah!

Dr. Tan Seng Giaw: Tuan Yang di-Pertua, adakah Yang Berhormat sedar bahawa . . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya dengar sudah tiga soalan itu.

Dr. Tan Seng Giaw: Satu soalan, tiga komponen.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Cukuplah, Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw: Barisan Nasional ada berapa komponen? Satu Barisan . . . . .

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Lain perkaranya, cukuplah.

Dr. Tan Seng Giaw: Ini komponen yang kedua. Adakah Yang Berhormat sedar dan adakah Yang Berhormat sanggup membuat satu siasatan yang rapi untuk mengetahui iaitu di dalam projek-projek rumah kos rendah ini, ada kuota bagi MCA, bagi UMNO, bagi MIC, kuota bagi parti-parti yang lain. Sebab itulah kita tak dapat capai hasrat yang ditujukan. Adakah Yang Berhormat sedar, kalau tak sedar adakah Yang Berhormat sanggup membuat siasatan?

Datuk Dr. Jeffrey G. Kitingan: Tuan Yang di-Pertua, semua ketiga-tiga soalan yang ditimbulkan itu tidak ada kena-mengena sama sekali dengan soalan yang asal.

Beberapa Ahli: *(Bersorak)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, bertenang. Saya rasa lain kali Kerusi kena menentukan sama ada soalan itu berkaitan atau tidak.

KELEWATAN MENGHANTAR SURAT DAN KADAR TARIF TELEFON LUAR BANDAR

9. Tuan Ahmad Shukri bin Haji Hassan minta Menteri Tenaga, Telekom dan Pos menyatakan mengenai perkara berikut:

(*a*) sejauh manakah masalah kelewatan menghantar surat dapat diatasi; dan

(*b*) bilakah kerajaan akan menurunkan kadar bayaran (kadar tarif) telefon luar bandar.

Timbalan Menteri Tenaga, Telekom dan Pos (Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali): Tuan Yang di-Pertua,

(*a*) Pos Malaysia telah mengambil berbagai tindakan untuk mengatasi masalah kelewatan menghantar surat. Contohnya, sejak Jun 1994 Sistem Pemprosesan Mel 24 jam telah dilaksanakan di Kuala Lumpur. Di Pejabat-pejabat Pos Besar lain, waktu kerja pemprosesan mel dilanjutkan. Langkah tersebut diambil untuk menentukan surat-surat yang dipos dan diterima dapat diproses pada hari yang sama supaya dapat diserahkan pada keesokan hari. Selain daripada itu, Pos Malaysia telah menambah lagi kakitangan-kakitangan di Bahagian Mel untuk menampung keperluan tenaga kerja. Sistem pengangkutan juga diperbaiki dengan menggunakan kapal terbang sewa khas, lori trailer dan van-van untuk mempercepatkan perjalanan mel. Jumlah kenderaan untuk penyerahan, seperti motosikal, ditambah untuk tujuan yang sama. Langkah-langkah seperti yang tersebut sudah tentu akan dapat mengatasi kelewatan dalam menghantar surat.

(*b*) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan sedang mengkaji permohonan Telekom Malaysia untuk meminda kadar dan tarif perkhidmatan telekomunikasi keseluruhannya, termasuk kadar tarif telefon luar bandar dan keputusan mengenai perkara ini akan dibuat tidak lama lagi.

Tuan Lau Dak Kee: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Berkenaan dengan kadar tarif telefon luar bandar akan dapat dikaji oleh Telekom Malaysia dan akan diumumkan tidak lama lagi. Saya hendak tahu juga sama ada kadar tarif bukan di luar bandar, dalam lingkungan kawasan bandar, adakah Telekom akan mengkaji semula, memandangkan berdasarkan di mana exchangenya telah lebih dekat daripada exchange yang asalnya. Saya hendak tahu, jika ada, bilakah kadar bulanan akan dapat diturunkan, jika tidak mengapa. Sebab ada satu contoh di mana kadar telefon di kawasan Ipoh khasnya di Tasek telah berpindah ke satu ibusawat exchange yang baru yang lebih dekat daripada penggunanya, pelanggannya tetapi mereka tidak dapat menurunkan kadar tarif mereka. Apakah sebabnya?

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, kita bercakap berkenaan dengan penurunan kadar ini untuk kawasan-kawasan luar bandar, terutama sekali kawasan kampung-kampung tradisional dan juga kampung baru. Sebagai contoh, sewa ataupun tarif bulanan untuk pemilik telefon di Air Kala, sebuah kawasan kampung baru — Yang Berhormat dari Ipoh sedia maklum, mereka membayar sewa RM57.00 sebulan tetapi apabila Telekom Malaysia memasang ibu sawat yang baru, berdekatan dengan kampung tersebut, sewa mereka diturunkan daripada RM57.00 kepada RM17.00.

Berkenaan dengan kadar tarif untuk kawasan-kawasan bandar, oleh kerana kita sedang mempertingkatkan dari segi kualiti telekomunikasi, tidak lama lagi kemungkinan kita akan dapat menggunakan ISDN di rumah-rumah. Maka oleh kerana kita meningkatkan kualiti telekomunikasi, saya tidak fikir Telekom Malaysia akan dapat menurunkan kadar tarif seperti mana yang ada sekarang ini dan saya rasa kemungkinan kalau mereka tidak menaikkan tarif pun, ini adalah bernasib baik bagi penduduk-penduduk di kawasan bandar.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan. Saya ingin mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai masalah pemasangan telefon di luar bandar. Saya hendak tahu kriterianya — bagaimanakah keadaan permohonan atau tempat yang membolehkan pihak Telekom memasang telefon awam, kerana didapati di beberapa tempat telefon awam di pasang di tempat yang tidak ada orang lalu-lalang di situ. Jadi, kadang-kadang telefon awam ini dirosakkan oleh orang-orang yang tidak bertanggungjawab dan ia memakan masa pula untuk dibaiki.

Jadi, macam di kawasan Parlimen Jerai, kita telah mencadangkan supaya setiap telefon yang hendak dipasang itu mestilah melalui JKKK dalam kampung itu supaya mereka ini juga bertanggungjawab untuk memastikan telefon-telefon awam ini tidak dirosakkan. Tetapi kadang-kadang pihak Telekom tidak memasang mengikut kehendak orang kampung.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, singkatkan.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, soalannya boleh atau tidak Jabatan Telekom memasang alat telefon di luar bandar ini dengan kehendak Pengerusi, Jawatankuasa Keselamatan Kampung, demi menjamin keselamatan telefon tersebut. Dan bilakah tarif harganya akan diturunkan, kerana Yang Berhormat Menteri dahulu berjanji 'mahu turun harga'.

Dato' Mohd. Tajol Rosli bin Mohd. Ghazali: Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan tarif telah pun saya jawab sekejap tadi.

Tetapi berkenaan dengan telefon awam di kawasan luar bandar, kebiasaannya JKKK akan memohon supaya telefon berkenaan diletakkan di kampung-kampung mereka dan kadang-kala mereka memohon 3 telefon awam sekali gus dan pihak Telekom mungkin hanya memasang satu ataupun dua, maka itulah sebabnya, oleh kerana 3 diminta sekali gus, kita memasang di tempat yang telah dicadangkan oleh JKKK tadi. Bagaimanapun, sekiranya Yang Berhormat ada senarai untuk kawasan Jerai yang diperlukan dan tempat-tempat yang sesuai, maka sekiranya senarai yang berkenaan dapat dihantar kepada kementerian, kementerian bersedia untuk menempatkan telefon awam apabila tiba masanya di tempat-tempat yang telah dicadangkan oleh JKKK dan Yang Berhormat sendiri.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Mulut telah pun cukup.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 4 dan 10 hingga 27 adalah dijilid dalam buku berasingan)

USUL MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 18

AKTIVITI-AKTIVITI YANG TIDAK BERUNSURKAN PATRIOTIK

3.35 ptg.

Tuan Shahidan bin Kassim (Arau): Saya memohon maaf kepada Tuan Yang di-Pertua kerana telah beberapa kali membawa Usul ini, tetapi oleh kerana tidak mengikut peraturan telah tidak dapat dibuat. Jadi, dengan pindaan, saya membacakan Usul ini.

Usul menangguhkan Dewan di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) untuk membincangkan aktiviti-aktiviti yang tidak berunsurkan patriotik yang melanda negara.

Saya berdiri di bawah Peraturan Mesyuarat 18, untuk mengemukakan Usul yang berbunyi:

"Bahawa Dewan ini mengizinkan Ahli Parlimen Arau, Tuan Shahidan Kassim di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) untuk menangguhkan Dewan bagi membentangkan suatu Usul tertentu

berkenaan kepentingan orang ramai yang berkehendak disegerakan berhubung dengan aktiviti-aktiviti yang tidak berunsurkan patriotik yang sedang melanda negara, di mana kalau sekiranya dibiarkan berleluasa, ianya boleh mengancam keselamatan dan ekonomi negara.

Perkara ini saya anggap sebagai perkara tertentu, iaitu berhubung dengan semangat cintakan negara, semangat patriotik yang sudah dipersendakan oleh kalangan tertentu melalui aktiviti-aktiviti yang tidak sihat. Usul ini dibawa untuk pemerhatian atas sebab-sebab berikut:

> "Malaysia adalah negara yang sentiasa menjadi sasaran utama neo-imperialist — pucuk pimpinan kerajaan Barisan Nasional sering diperkecil-kecilkan dan difitnah. Mereka sering diadu-dombakan. Ekonomi Malaysia pula sering mahu diperkotak-katikkan. Musuh-musuh negara ini bertindak sedemikian kerana rakyat Malaysia berbilang bangsa, budaya dan agama, kerana politik Barisan Nasional sentiasa mantap, kerana ekonomi Malaysia semakin mampan dan kerana kepimpinan negara adalah tegas dan diiktiraf sebagai pemimpin dunia ketiga".

Kebelakangan ini, elemen-elemen neo-imperialist ini sering menggunakan media asing iaitu surat khabar dan televisyen asing untuk memburuk-burukkan Malaysia dan kepimpinannya. Media massa asing ini selalunya memetik kenyataan-kenyataan pihak Pembangkang yang memang sentiasa mencari jalan untuk memfitnahkan kepimpinan kerajaan Barisan Nasional. Tindakan pihak Pembangkang ini adalah tindakan tidak beretika, tindakan yang tidak berunsurkan patriotik. Insiden yang terbaru sekali telah dilakukan oleh Presiden Parti Melayu Semangat 46, yang juga Ahli Parlimen Gua Musang — beliau tergamak memberi kenyataan fitnah mengenai kepimpinan negara dan UMNO kepada Australian Broadcasting Corporation (ABC).

Dalam kenyataannya kepada ABC, Ahli Gua Musang dipetik sebagai memfitnahkan kononnya beribu juta wang negara telah diselewengkan, kononnya politik wang menjadi pegangan UMNO dan kononnya Belanjawan 1995 menyeleweng dari kepentingan rakyat. Satu lagi talibarut yang digunakan untuk memburuk-buruk serta memporak-perandakan Malaysia adalah sesetengah pertubuhan bukan kerajaan (NGOs) yang berpengkalan di negara asing. Contoh terbaharu sekali adalah peranan yang dimainkan oleh Pergerakan Hutan Hujan Sedunia (WRM) yang berpengkalan di Amerika Syarikat. NGOs ini sedang aktif menyebarkan dokumentari terbitan ABC mengenai kegiatan pembalakan syarikat Malaysia yang beroperasi di Kepulauan Pasifik Selatan.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: *(Bangun)*

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat Kok Lanas bangun.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Point of order, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya, yang keberapa Yang Berhormat?

Tuan Shahidan bin Kassim: Dokumentari ABC yang disiarkan minggu lalu telah memuatkan temubual dengan Ahli dari Bandar Kuching yang juga seorang pemimpin Pembangkang yang bersahabat baik dengan Parti Melayu Semangat 46.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Nanti dahulu Yang Berhormat. Yang Berhormat . . . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, nanti sekejap, ada yang bangun atas point of order.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Point of order 36(3).

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Saya menyebutkan Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ya.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Adalah salah pada Peraturan Mesyuarat jika dicuba menimbangkan semula apa-apa perkara tertentu yang telah diputuskan oleh Majlis Mesyuarat dalam penggal Majlis yang ada sekarang, kecuali dengan dikeluarkan Usul bersendiri bagi membatalkan keputusan Mesyuarat berkenaan dalam perkara itu.

Tuan Yang di-Pertua telah pun membuat keputusan mengenai perkara ini semasa Usul pertama dibawa oleh Yang Berhormat daripada Arau dan sehingga ini tidak ada Usul baru yang dikemukakan oleh mana-mana Ahli Yang Berhormat untuk membatalkan keputusan Tuan Yang di-Pertua tersebut. Oleh yang demikian, perkara ini tidak boleh dibentangkan dalam Mesyuarat hari ini. Terima kasih.

Tuan Shahidan bin Kassim: Biar saya jawab bagi pihak Tuan Yang di-Pertua, boleh?

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, biar saya buat keputusan dahulu. Apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kok Lanas saya rasa tidak timbul dalam keadaan ini sebab apa yang pernah dibawa oleh Yang Berhormat dari Arau tempoh hari adalah berbeza, kalau kita meneliti secara mendalam, berbanding dengan apa yang tengah dibentangkan sekarang. Teruskan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Okay, para 9 — oleh itu saya mengutuk perbuatan Ahli dari Bandar Kuching ini yang membuat kenyataan kepada media asing. Kepada saya perbuatan seperti ini adalah perbuatan yang tidak patriotik, perbuatan yang mencanggahi sifat cintakan nusa dan bangsa. Berdasarkan alasan-alasan di atas, saya pohon Dewan yang mulia pada hari ini untuk menangguhkan mesyuarat bagi membincangkan aktiviti-aktiviti yang tidak berunsurkan patriotik yang sedang melanda negara. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Ong Tee Keat): Ahli-ahli Yang Berhormat, saya telah menerima satu Pemberitahu Usul di bawah Peraturan Mesyuarat 18(1) daripada Yang Berhormat Ahli Parlimen dari kawasan Arau pada 22hb. November 1994, jam 10.25 pagi tadi. Teks Usul itu adalah seperti mana yang dibacakan tadi oleh Yang Berhormat yang berkenaan. Bagi membolehkan perkara ini dipertimbangkan oleh Majlis Mesyuarat hari ini, saya sebagai Yang di-Pertua hendaklah berpuas hati bahawa perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat itu memenuhi tiga syarat. Syarat yang pertama ialah bahawa perkara itu adalah perkara yang tertentu. Syarat yang kedua, ia adalah bagi kepentingan orang ramai dan syarat yang ketiga, ia berkehendak disegerakan.

Saya telah meneliti perkara ini dan saya dapati bahawa perkara ini adalah perkara yang tertentu dan ianya adalah bagi kepentingan orang ramai. Pada fikiran saya, perkara ini tidak perlu disegerakan kerana perbahasan di atas perkara yang sama telah pun dibuat dalam masa perbahasan Anggaran Perbelanjaan dan Usul Perbekalan yang sedang diadakan di dalam Dewan ini. Oleh yang demikian, saya terpaksa menolak Usul ini. *(Tepuk)*

RANG UNDANG-UNDANG.

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 1995

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 1995

Jawatankuasa

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas "Rang Undang-undang Perbekalan 1995 dan Anggaran Pembangunan 1995 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis". *(Hari Kedua)*

Majlis bersidang dalam Jawatankuasa.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa)*

Maksud B. 1, B. 2, B. 3, B. 4, B. 5, B. 6, B. 7, B. 8, B. 9, B. 10, B. 11, B. 12, dan B. 13 (Jadual) —

Maksud P. 7 dan P. 8 (Anggaran Pembangunan 1995) —

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat dari Pasir Mas diberi masa seminit lagi untuk menggulung. *(Ketawa)* Seminit sahaja.

3.42 ptg.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali (Pasir Mas): Seminit saya hendak cakap apa, Tuan Pengerusi? *(Ketawa)* Saya gulunglah.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, masa tetap seminit sahaja.

Seorang Ahli: Seminit mana boleh cakap? Tak payah cakaplah, duduklah. Seminit.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Pengerusi, Unit Perancang Ekonomi, Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan, saya cadangkan semalam Jambatan Pasir Mas – Salor digantikan dengan nama Jambatan Tunku Abdul Rahman Putra Al-Haj dan pada masa yang sama saya memohon Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan dan Unit Perancangan Ekonomi membuat kajian kemungkinan mencadangkan satu lagi jambatan merentasi Sungai Kelantan iaitu daripada Tendong dan juga Wakaf Che Yeh dan juga Butiran (Projek) 04600 Jalan-jalan dan Jambatan-jambatan berserta dengan bahagian Pembinaan Masjid dan Surau-surau. Saya minta supaya Unit Penyelarasan dan Pelaksanaan memberi tumpuan kepada kawasan Parlimen Pasir Mas yang saya kira banyak memerlukan jalan-jalan kampung kerana rosak dan juga projek-projek kecil bagi tujuan meningkatkan kemudahan infrastruktur kerana kawasan Pasir Mas tidak mempunyai agensi-agensi Kerajaan Pusat secara langsung. Maka sebab itu saya memohon perkara ini dipertimbangkan oleh Jabatan Perdana Menteri.

Akhir sekali, Butiran 050000 Bahagian Hal Ehwal Islam.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa masa tidak mengizinkan.

Datuk Haji Ibrahim bin Ali: Tuan Pengerusi, sudah habis.

Tuan Pengerusi, saya menyambut baik cadangan dari Ahli Parlimen Nilam Puri kerana dia bersetuju supaya nama Islam digugurkan daripada parti PAS kerana beliau mengatakan parti Refa di Turki tidak bergantung kepada nama Islam. Jadi, cadangan Ahli Parlimen Nilam Puri mengatakan bahawa parti tidak bergantung kepada nama Islam dan tidak bergantung kepada kekuatan nama Islam, maka saya anggap kenyataan Ahli

Parlimen Nilam Puri, kita menyambut baik dia bersetuju nama Islam digugurkan daripada PAS. Hari ini saya baca dalam akhbar, Menteri Besar Kelantan buat kenyataan mendesak supaya Perdana Menteri memaksa Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional menyokong cadangan hukum hudud PAS. Saya rasa ini satu kenyataan yang tidak sihat, seolah-olah memaksa Islam ke atas orang-orang lain. Jadi, dalam surat khabar *Utusan Malaysia* hari ini, saya hendak cadangkan kepada PAS supaya mendapat tandatangan daripada Ahli-ahli DAP dahulu dan juga rakan-rakan dalam Gagasan Rakyat *(Tepuk)* untuk menyokong hukum hudud sebelum memaksa Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional. *(Tepuk)* Saya anggap kenyataan Menteri Besar Kelantan memaksa orang-orang bukan Islam menyokong Islam, bukan merupakan dakwah yang baik. Terima kasih, saya menyokong, Tuan Pengerusi. *(Tepuk)*

Tuan Shahidan bin Kassim: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Arau sudah bercakap tempoh hari.

Tuan Shahidan bin Kassim: Committee boleh bercakap banyak kali.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Ya, tetapi berilah peluang kepada orang lain dahulu. Jerai.

3.44 ptg.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin (Jerai): Tuan Pengerusi, yang pertama tentang B. 7 Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Pengerusi, akhir-akhir ini kita dapat lihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita sering kali ke luar negara untuk memperkenalkan Malaysia, untuk mempertingkatkan nama harum Malaysia dan untuk memperkenalkan kepada dunia bahawa Malaysia adalah sebuah negara yang begitu makmur untuk pelabur-pelabur luar datang melabur di tanah air kita ini. Akan tetapi, Tuan Pengerusi, kadang-kadang kita lihat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Timbalan Perdana Menteri menaiki kapal-kapal terbang yang tidak begitu sesuai untuk kegunaan mereka sendiri. Saya mencadangkan supaya Jabatan Perdana Menteri diperuntukkan satu peruntukan khas supaya sebuah kenderaan atau dua buah penerbangan disediakan untuk Perdana Menteri dan rombongan-rombongannya untuk melawat ke luar negara menunjukkan kepada negara asing bahawa Malaysia adalah sebuah negara maju. Apabila Perdana Menteri kita mendarat di negara tersebut, kita akan dapat lihat kapal terbang Perdana Menteri, milik kerajaan yang begitu indah dan sesuai dengan jawatannya sebagai Perdana Menteri.

Lagi satu tentang soal keselamatan, Tuan Pengerusi. Kalau kita menggunakan kapal-kapal terbang awam, kita menyewa kapal-kapal terbang tertentu ataupun kadang-kadang kita menaiki kapal-kapal terbang bukan milik kerajaan. Dari segi keselamatan Perdana Menteri, rombongan-rombongan itu pun akan terganggu dan tergugat dan tidak akan terjamin. Oleh yang demikian, saya menyarankan bahawa kerana Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri telah banyak membawa pelabur masuk ke dalam negara kita ini, tidak salah saya kira Jabatan Perdana Menteri diperuntukkan kapal terbang yang sesuai untuk beliau merantau ke seluruh pelusuk dunia ini, mempertingkat dan memperkenalkan Malaysia ke seluruh dunia.

Ini terbukti, Tuan Pengerusi, apabila kita dapat lihat dalam jangka masa sebulan kadang-kadang dua atau tiga pembesar-pembesar negara asing melawat negara kita dan saya sendiri biasa mengikuti rombongan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Apabila kita pergi ke Turki, bagaimana sambutan

terhadap Perdana Menteri. Apabila kita pergi ke Amman, Raja Jordan, negara Islam memberi satu penghormatan bintang terbesar kepada Perdana Menteri kita. Mana dia muka PAS pi, siapa hendak beri bintang kat hangpa?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, saya rasa ini cakap dasar.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak, dia kena ke situlah sedikit untuk menguatkan hujah untuk membeli kapal terbang ini.

Kemudian, Tuan Pengerusi, pergi ke Turkmenistan, di mana kita boleh tengok Perdana Menteri kita diberi satu penghormatan menjadi warganegara terhormat negara tersebut. Itu dia punya hormat kepada Perdana Menteri kita. Jadi, kita kena beri dia satu kapal terbang yang baik. Kapal terbang yang sesuai untuk mereka ini terbang ke sana ke mari. Kapal terbang yang dipakai la ini adalah cukup lama. Kita seriau, sat ini turun-turun brake tak makan, langgar pagar-pagar besar. Ini Perdana Menteri, bukan main-main. Peristiwa helikopter itu hari sudah terbukti tidak selamat. Jadi, ini merisaukan kepimpinan kita. Jadi, kita mahulah. Kita bukan macam Pengkalan Chepa, mendoakan pemimpin-pemimpin Barisan Nasional ini menghadapi kemalangan. Kita tidak. Kita mendoakan supaya dia orang panjang umur, murah rezeki dapat terus menjalankan pentadbiran negara yang adil. Jelutong dok jegil apa?

Tuan Pengerusi, lagi satu berkenaan dengan B. 8 Jabatan Perkhidmatan Awam. Saya mencadangkan supaya Jabatan Perkhidmatan Awam menyelaraskan antara Negeri dan Pusat. Kita tidak larat lihat negeri yang ada pegawai perkhidmatannya sendiri, pusat ada, kemudian ada pula JPA, ada pula PTD, ada pula PTA dan sebagainya. Ini yang remeh-temeh yang kalau kita ada menyusahkan pentadbiran, melambatkan pentadbiran. Itulah kadang-kadang hak yang MCS officer pangkat dia naik cepat. Yang in-house service officer, lambat naik pangkat, terlupa kerana yang menaikkan pangkat MCS officer yang dok jaga dia orang ini. Janganlah MCS, saya hendak cerita sat ini tuan-tuan marah kat saya pula. Peruntukan kawasan tidak sampai pula. Yang ini saya hendak terangkan, supaya menyelaraskan.

Negeri begitu juga. Kadang-kadang arahan Pusat turun Negeri tidak diambil tindakan. Kadang-kadang Negeri terlibat pula dengan atas sedikit. Takut kalau kita bertindak, hak atas tidak bersetuju, hak yang dalam pagar emas semua tak setuju. Susahlah kita hendak menjalankan kerja.

Naungan di bawah satu-satu negeri itu susah. Kita tengok macam Kelantan. Kelantan — Raja Kelantan terlibat dengan Kerajaan Negeri dan pegawai pentadbir Kerajaan Negeri. Jadi, susahlah kita . . . . sehinggakan Menteri Besarnya sendiri mengakui bahawa Raja terlibat dalam pentadbiran negeri. Dia sendiri pun naik pening dah. Jadi, ini saya minta JPA pastikan benda ini berjalan dengan baik.

Kemudian lagi satu, SSB ini. Saya hendak peringatkan lagilah, fasal kalau sistem ini tidak dibetulkan, keadilan tidak dijalankan, kadang-kadang yang bekerja dengan baik itu teraniaya. Yang tak bekerja dengan baik itu, kadang-kadang kerana dia pandai urut belakang boss dia, dia naik cepat. Yang dok buat kerja teruk ini — siang malam dok mai tunggu di Parlimen, kadang-kadang sampai pukul 8.00 malam, depa tak naik pangkat. Yang dok pergi main golf awal-awal itu kadang-kadang dapat naik pangkat! Kalah pun bagi menang; menang pun bagi kalah. Jadi, susah Tuan Pengerusi. Jadi, yang bekerja teruk, tak naik.

Di sini, kita carilah satu sistem lain yang agak sesuai yang mana bertanggungjawab, yang mana berwibawa, yang mana mampu naik pangkat, naik pangkat. Kadang-kadang, yang pegawai dok ada

katalah saya pegawai, saya hendak rekomen anak buah saya naik, yang di atas tak rekomen saya naik, yang di bawah naik setaraf dengan saya! Kemudian yang itu pula lompat naik tinggi dari saya. Lama-lama saya dok tang tulah. Jadi, tentu saya pun tak mahu!

Ini kena tengoklah — SSB ini, kasihan. Kadang-kadang guru, saya tahu guru itu dia ada isteri muda dua — isteri muda satu, dua isteri. Isteri dia dua-dua naik pangkat. Isteri guru, fasal dia PPD. Dia dok urut, dua-dua naik! Dua-dua dok urut, dia naiklah; yang lain tak naik, marahlah! Jadi, yang ini Tuan Pengerusi, ini pun keadilan. Kalau kita buat kerja macam ini, di akhirat kelak akan dipersoalkan.

Jadi, kita kena pastikan bahawa SSB ini berjalan dengan baik. Kalau tidak, inilah sebabnya kadang-kadang guru — dahulu guru selepas pagi dia mengajar, petang dia pergi bersukan dan sebagainya. Ini guru, saya kata, tak kira yang lain lagi. Petang dia pergi main sukan, anak murid bersama dengan guru. La ni dia kata, selepas mengajar, dia balik, duduk di rumah, dia main dengan anak-anak isteri, dah cukup. Dia kerja teruk pun, Guru Besar tak rekomen dia naik pangkat, hendak buat apa? Jadi, yang ini pun saya kira kena ambil ingatan.

Lagi satu berkenaan dengan projek agama. Saya mintalah kalau boleh, projek-projek agama ini — sekolah-sekolah agama rakyat kita bantu. Tetapi sekolah agama rakyat yang gigit balik jari orang yang membantunya, yang itu kita jangan beri! Sekolah-sekolah agama yang dijalankan oleh pihak penyokong PAS yang terang-terang menentang kerajaan, itu pun kerajaan tolong Tuan Pengerusi, beri! Fasal kesiankan anak murid itu! Tetapi yang jahat, guru-guru sekolah itu dan pemimpin-pemimpin PAS. Dia pergi torture otak budak-budak itu jadi menentang kerajaan. Kerajaan beri dekat depa macam-macam. Beri cukup baik, tetapi mereka menentang kerajaan.

Yang ini saya minta Pejabat Agama kaji balik. Kemudian minta rekod duit kita beri untuk perbelanjaan. Kadang-kadang dia ambil duit ini, dia joli ke lain, Tuan Pengerusi. Budak-budak susah juga.

Ada dalam kawasan saya, mengaji sekolah pondok "Pak Ya" — sekolah PAS. Hendak masuk periksa tak boleh kerana dia tak bayar yuran, sedangkan kerajaan beri bantuan dekat sekolah itu. Sepatut-nya dia janganlah kutip yuran dekat budak itu. Budak itu mencarilah juga Wakil Rakyat dan kita tengok walaupun dia anak PAS, tetapi dia orang Islam dan orang UMNO ini menghormati orang Islam, saudara kita. Kita bantu, beri dia ambil peperiksaan juga. Pondok "Pak Ya", Guru Besar orang PAS itu tak beri bantuan, Hendak suruh budak itu berhenti, tak boleh ambil peperiksaan. Ini keadilan PASlah!

Jadi, tengoklah Jabatan Perdana Menteri, tolong tengok sedikit. Bercelaru sangat dah sekolah ini. Buat perjumpa-an Perhimpunan PAS di dalam kawasan sekolah. Guru-guru sekolah itu semua di'brainwash'kan menjadi sebagai sekolah yang menentang kerajaan. Jadi, yang ini saya harap pihak kementerian dan pihak Jabatan Perdana Menteri ambil tindakan sewajarnya.

Tuan Pengerusi, satu lagi . . . . . mana, hilang pulak dah! *(Ketawa)* Tuan Pengerusi, satu lagi yang ingin saya sarankan ialah B. 1 — Parlimen. Tuan Pengerusi, saya hendak cerita sedikit. Yang ini cerita berkenaan dengan kepimpinan. Dalam Islam ini, Tuan Pengerusi — ini saya hendak cerita, pembinaan diri sebagai pemimpin adalah sesuatu benda yang wajib dan menjadi seorang pemimpin kepada institusi keluarga, maknanya keluarga kita dahulu; yang keduanya, institusi pertubuhan, termasuklah parti PAS, parti UMNO dan apa semua ini; dan yang ketiga, institusi parti dan pemerintah.

Jadi, kita kalau hendak jadi pemimpin, pertamanya kita pimpin keluarga kita dahulu; yang keduanya, pertubuhan; dan yang ketiganya pemerintah. Kepimpinan kita dalam pertubuhan — ini yang saya hendak cakap hari ini ialah kepimpinan yang diredhai oleh Allah S.W.T. Ini saya hendak berkhutbah sedikit. Bermakna seorang pemimpin itu sanggup menilai dirinya, pertamanya. Menilai dirinya sama ada dia ini menginsafi dirinya untuk memohon ampun dan memohon hidayah kepada Allah S.W.T. — ganjaran kepada Allah S.W.T. Dengan cara dok buat tiap-tiap malam dok masuk kampung, dok serang orang dalam kampung, kemudian hendak tunjuk mengatakan kita pemimpin yang diterima oleh Allah S.W.T. — tak tahulah macam mana kita hendak letakkan mereka ini. Membina sebagai seorang hamba Allah yang diamanahkan untuk mentadbir rumah dan negara. Yang ini kita kena buat.

Yang ketiganya, membina sebagai seorang hamba Allah yang pandai dan bersyukur dan berterima kasih kepada Allah S.W.T. PAS ini tak pernah bersyukur dan berterima kasih. Dok hentam orang tak habis-habis! Jadi, kalau saya hendak faham, saya ceritakan di sini iaitu Hadis riwayat At-Tarmizi. Dia mengatakan:

> "Apabila seseorang manusia berdusta, maka malaikat akan menjauhkan diri satu batu kerana terbau busuk yang dihidunya".

Jadi, yang ini pihak Pembangkang fikir habislah, terutama sekali parti PAS. Kalau kita suka bercakap dusta di kampung-kampung, kita mengatakan, insya-Allah, malaikat itu akan duduk jauh dari kita, dia tak mahu mai dekat. Tambah macam Yang Berhormat Nilam Puri, dok pergi maki orang serata kampung, dia duduk dekat Kuala Lumpur nun, kalau dia duduk bersyarah di Alor Setar. Dia tak mahu pi duduk dekat dah kerana berbau busuk!

Yang ini bukan saya kata, Tuan Pengerusi. Jadi, di sini PAS dia meng-agung-agungkan bahawa parti PAS ini adalah parti Islam. Saya hendak bertanya dengan ikhlas kepada pemimpin PAS, adakah tingkah laku, kelakuan yang dijalankan, cara tutur bahasa, budi bahasa orang-orang PAS ini melambangkan bahawa parti PAS ini adalah parti Islam? Tingkah laku yang dijalankan oleh orang PAS akan menakutkan orang bukan Islam daripada hendak masuk Islam! Pertamanya, sesama Islam kita sudah khianat-mengkhianati, tak boleh bertolak ansur! Adakah dalam Islam dia mengatakan bahawa orang Islam ini tak boleh bertolak ansur? Sedangkan dalam Islam adalah satu agama yang cukup tinggi — Addin, dia kata. Kita kena bertolak ansur lebih kurang.

Adakah sebagai seorang Islam, kita boleh memaki hamun, menjatuhkan maruah sesama Islam? Adakah ini cara PAS menyatakan bahawa mereka ini adalah sebuah parti Islam? Boleh tak kita menerima konsep PAS hari ini — konsep yang tidak boleh bertolak ansur, konsep yang memusuhi di antara seagama sebangsa ini, kita boleh anggap sebagai parti Islam?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat, sila gulung.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Sila gulung.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Hendak gulung dah? Amboi, takdan hampar tikar lagi, Tuan Pengerusi nak suruh gulung dah! *(Ketawa)* Amboi . . . . macam mana saya hendak buat ni?

Ini Tuan Pengerusi, draf Perlembagaan PAS ada dekat saya. Salah satu daripada draf Perlembagaan PAS, dia menyatakan:

> "Kita akan mengurangkan elaun-elaun dan keistimewaan yang berlebihan yang diberikan kepada Menteri Besar, Ahli Exco, Ahli Dewan Undangan Negeri, Ahli Parlimen"

Saya hendak tanya, Kelantan buat tak benda ini? Buat tak benda ini?

Beberapa Ahli PAS: Buat! Buat!

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Adakah Yang Berhormat-Yang Berhormat ini teringin hendak turunkan elaun Yang Berhormat? Sanggupkah elaun-elaun Yang Berhormat diturunkan? Saya hendak minta ini?

Beberapa Ahli PAS: Sanggup! Sanggup!!

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Sanggup tak?

Beberapa Ahli PAS: Sanggup!

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Ha, sanggup — dia sanggup. Jadi, kita buat usul, Yang Berhormat Arau, turunkan elaun PAS.

Yang kedua, Tuan Pengerusi, sebelum saya hendak gulung, kelmarin Yang Berhormat dari Marang mengatakan bahawa kerajaan masih mengadakan kedai-kedai arak dan sebagainya. Saya hendak tanya, di Kelantan, setelah PAS memerintah, adakah kedai-kedai arak, kedai-kedai judi, pub dan disco semua ditutup pada hari ini, saya hendak tanya? Baru sahaja orang kawasan saya pergi melawat — saya suruh melawat, pergi tengok di sana, depa ambil gambar depan disco. Depa duduk ambil gambar atas meja dengan di belakangnya bar arak. Di dalam gambar itu ada tarikh, dia bukan boleh nak tipu.

Ha, ini, buat — kalau kita suruh orang lain buat, nak kata kita betul, orang lain tak betul, ini macam ketam suruh anak dia jalan betullah! Dahlah bapa kesot, mai tang anak, mana boleh tak kesot! *(Disampuk)* Ha, Marang. Saya tak menyalahkan penyokong-penyokong PAS. Penyokong-penyokong PAS ini dipesongkan oleh pemimpin-pemimpin PAS. Dalam kawasan saya, saya terangkan, penyokong-penyokong PAS, dia tak salah. Yang salah pemimpin-pemimpin PAS yang memutarbelitkan agama. Bermaknanya hari ini, kalau orang-orang PAS pergi ke Mekah hendak menunaikan umrah atau haji, dia kena bawa imam PAS pergi sembahyang di Masjidil-Haram di sana, baru sah sembahyang orang PAS. Kerana kalau imam di Mekah itu tidak sah kerana mereka itu bukan orang PAS. Bermakna ke mana depa pi, depa kena bawa imam PAS, baru sah sembahyang depa. Jadi, yang ini saya hendak tanya betulkah tidak betul. Adakah Fadzil Noor baru-baru ini pergi umrah, saya terjumpa dia di Mekah dia tidak bawa imam PAS pun sembahyang di Masjidil Haram di Mekah.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Yang Berhormat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Ya.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Masa Yang Berhormat sudah suntuk.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tengah naik angin, Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi suruh berhenti macam mana ini?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Saya sudah pesan tadi Yang Berhormat kena gulung.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Tidak apalah Tuan Pengerusi. Terima kasih. Saya akur kepada Tuan Pengerusi kerana Tuan Pengerusi selalu beri laluan kepada saya. Terima kasih. Ada penjelasan Yang Berhormat Arau?

Tuan Shahidan bin Kassim: *(Bangun)*

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Ada penjelasan, Tuan Pengerusi. Boleh?

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Masa tidak mengizinkan Yang Berhormat.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya menyokong.

Tuan Pengerusi (Tuan Ong Tee Keat): Jelutong.

4.02 ptg.

Tuan R. Karpal Singh (Jelutong): Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Maksud Bekalan B.10 di bawah Jabatan Peguam Negara — Program Pentadbiran Am, Perkhidmatan Nasihat, Perkhidmatan Gubalan dan Semakan dan Perkhidmatan Pendakwaan khasnya.

Tuan Pengerusi, baru-baru ini apabila saya menyoal mengenai budi bicara Peguam Negara, walaupun ada diperuntukkan dalam Perkara 145 Perlembagaan Persekutuan bahawa seorang Peguam Negara ada budi bicara untuk menjalankan atau menamatkan satu pendakwaan dan apabila saya membangkitkan perkara ini dalam satu perbualan dengan Menteri Undang-undang, saya dipecat dari Dewan yang mulia ini.

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa)*

Hari itu Menteri Undang-undang tidak menjawab dengan tepat mengenai "menggunakan budi bicara oleh Peguam Negara" dalam dua kes. Satu kes di mana Ahli Yang Berhormat dari Keningau, apabila di dalam Barisan Nasional walaupun satu kesalahan ada dilakukan oleh beliau dan jikalau saya tidak salah dalam tahun 1986 — bila berada dalam Barisan Nasional tidak didakwa. Bila keluar daripada Barisan Nasional beliau ada dihadapkan ke mahkamah, bersabit dan dihukum. Sebaliknya adiknya Jeffrey Kitingan, beliau ada membuat satu kesalahan dan ada didakwa di dalam mahkamah dengan tujuh pertuduhan, ada ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri; apabila masuk Barisan Nasional pendakwaan tidak ada dijalankan terhadap ketujuh-tujuh pendakwaan. Tuan Pengerusi, itu ditarik balik.

Adakah apa-apa justifikasi atas mana tindakan Peguam Negara boleh diterima? Walaupun ada budi bicara, adakah budi bicara itu digunakan dengan keadilan? Was that discretion, dengan izin Tuan Pengerusi, exercised judicially and reasonably? Peguam Negara adalah di bawah Jabatan Perdana Menteri. Budi bicaranya di dalam mahkamah tidak boleh dipersoalkan. Tetapi dalam Dewan yang mulia ini, Tuan Pengerusi, tidak bolehkah "menggunakan budi bicara" itu dipersoalkan di sini? Apabila saya bangkitkan dua contoh itu, is it unreasonable, dengan izin, to expect the Law Minister to reply dengan tepat. Bukan belok di sini, belok di sana untuk mengelakkan satu jawapan yang tepat, yang boleh diterima bukan oleh Dewan yang mulia ini sahaja tetapi oleh semua rakyat.

Peguam Negara yang baru ini, apa yang saya katakan di dalam Dewan yang mulia ini baru-baru ini, apabila beliau dilantik; Tuan Pengerusi, saya mengalu-alukan perlantikannya. Tetapi dalam kes Rahim Tamby Chik apabila beliau memberi sebab-sebab atas mana satu pendakwaan tidak dijalankan ke atasnya mengenai gadis 15 tahun ini, memberi sebab-sebab dengan umum. Itu boleh diterima oleh kerana jikalau ada sebab-sebab atas mana satu pendakwaan tidak boleh dijalankan, rakyat harus diberitahu sebab-sebabnya. Tetapi apabila beliau, Tuan Pengerusi, dengan izin, launched an attack upon the girl, seorang 'minor', memberi butir-butir mengenai private life beliau. Bolehkah tindakan itu diterima? Nasihat saya kepada Peguam Negara adalah ini, walaupun Peguam Negara ini baru-baru ini dilantik, perhaps he is fresh at the gate — barangkali di masa depan apabila ada dikonfrantasi dengan isu seperti ini, I hope, dengan izin, he will not be as rash as he was in the case of Rahim Tamby Chik.

Ada banyak kesilapan yang ada dilakukan dalam Jabatan Peguam Negara. Saya beri satu contoh. Baru-baru ini dalam satu kes *habeas corpus* dan dokumen ini *(Sambil menunjukkan suatu dokumen)* Tuan Pengerusi, ada disiap-sediakan oleh Peguam Kanan Persekutuan, Kementerian Dalam Negeri. Apa yang jadi isi kandungan dokumen ini memalukan Menteri dan Timbalan Menteri Dalam Negeri. Saya beri butir-butir mengenai dokumen itu.

Dalam permohonan *habeas corpus* ini seorang bernama Saidon bin Ahmad ada memohon satu permohonan *habeas corpus*. Emak beliau ada membuat satu surat sumpah dan dalam surat sumpah itu yang dibuat pada 22hb. Ogos, 1994 di perenggan ketujuh berbunyi seperti ini, Tuan Pengerusi:

> "Responden pertama dan dalam permohonan ini Timbalan Menteri Dalam Negeri adalah responden yang pertama. Responden kedua adalah Ketua Polis Negara, responden ketiga Penguasa Pusat Pemulihan Akhlak Simpang Renggam, Johor".

Ketiga-tiga orang ini adalah orang Melayu beragama Islam dan dalam afidavit ini Itam binti Osman menyatakan dalam perenggan ketujuh:

> "Responden pertama, kedua dan ketiga adalah orang-orang Melayu dan saya mempercayai semua adalah beragama Islam dan mempercayai Tuhan".

Tuan Pengerusi, apabila afidavit ini dijawab oleh Timbalan Menteri Dalam Negeri dan ini ada diikrar oleh Timbalan Menteri, Dato' Megat Junid bin Megat Ayob pada 30hb. September, 1994 dan dalam perenggan ketujuh afidavit beliau adalah berbunyi:

> "Saya menafikan tuduhan yang dikemukakan oleh ibu pemohon seperti yang dinyatakan di para 7 afidavit beliau".

Dan para tujuh berbunyi begini:

> "Responden pertama adalah seorang Melayu dan saya mempercayai bahawa beliau adalah beragama Islam dan mempercayai Tuhan".

Bolehkah seorang Timbalan Menteri menafikan bahawa beliau adalah seorang Melayu, seorang yang beragama Islam? Seorang yang tidak mempercayai Tuhan. Boleh jadi, Tuan Pengerusi, ini suatu kesilapan tetapi jikalau ini suatu kesilapan kenapa sampai hari ini 30hb. September, 1994 adalah tarikh afidavit ini diikrarkan. Tidak ada apa-apa yang dibuat, tidak ada apa-apa tindakan yang diambil untuk membuat suatu corrective affidavit. Jikalau ini adalah suatu typing error, bolehkah Jabatan Peguam Negara yang bertanggungjawab atas kesilapan ini dimaafkan? Tuan Pengerusi, ini jadi satu contoh di mana ada kelemahan dalam Jabatan Peguam Negara.

Satu lagi contoh saya akan beri dan ini adalah mengenai budi bicara. Jikalau Peguam Negara ada budi bicara untuk menamatkan satu pendakwaan dan saya akan beri contoh ini.

Baru-baru ini, Tuan Pengerusi, pada 31hb. Oktober, 1994, enam banduan dari Simpang Renggam ada berjaya apabila permohonan beliau adalah dibenarkan oleh Mahkamah Rayuan. Dan ini jadi barangkali kes yang pertama, *habeas corpus* yang pertama di mana Mahkamah Rayuan yang menjadi satu mahkamah baru telah membenarkan permohonan-permohonan seperti itu. Tetapi saya baca apa yang ada dalam *The New Straits Times* bertarikh 1hb. November tahun ini.

> "Six of seven detainees ordered by the Court of Appeal to be taken to the court registry here for immediate release following the success in obtaining writs of *habeas corpus* in the Taiping High Court on 22nd. October, 1994, had a brief freedom today.
>
> The detainees were brought to the court registry from the Simpang Renggam rehabilitation centre at 6.00 p.m. and were immediately released.
>
> However, they were rearrested at 7.40 p.m. when they stepped out of the court's compound. There are Suresh Raja – 26, S. Subramaniam – 25, A. Paratiban – 25, Mohamad Latif Yusof – 35, Chan Kam Weng – 34 and P. Ravichandran – 25."

Bolehkah Peguam Negara dalam satu keadaan di mana satu keputusan yang diberikan oleh satu Mahkamah Tinggi seperti Mahkamah Rayuan tidak terima? Adakah itu budi bicara yang ada dipergunakan dengan keadilan? Bukankah itu,

Tuan Pengerusi, satu abuse of process? Dalam Dewan yang mulia ini, ada dikatakan dalam masa lampau, jikalau ada kesilapan teknikal, satu cacatan teknikal Peguam Negara, Kementerian ada hak untuk tahan sebulan, orang yang ada dibebaskan oleh mahkamah. Adakah di mana-mana undang-undang yang menyatakan technical errors, dengan izin, cannot be made the basis of acquitals or releases in *habeas corpus* proceedings.

Teknikal or tidak teknikal, Tuan Pengerusi, jikalau satu keputusan ada diberikan oleh satu mahkamah, bukankah kewajipan Peguam Negara untuk terima keputusan itu? Ada dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan juga Timbalannya, kerap kali kami atau kerajaan bersedia untuk menerima apa-apa keputusan yang telah diberikan oleh mahkamah. Tetapi ini bukan kenyataan apabila in practice apabila timbul satu keadaan di mana keputusan yang tidak sebelah kerajaan yang ada diputuskan oleh mahkamah itu, keputusan itu tidak diterima.

Di sini pun, saya memberi nasihat kepada Peguam Negara untuk bersedia tetap terima keputusan yang diberikan oleh mana-mana mahkamah-mahkamah, termasuk Mahkamah Agung, Mahkamah Persekutuan sekarang, Tuan Pengerusi, di dalam negara kita. Jikalau keputusan mahkamah-mahkamah dalam negara kita tidak diterima, ini jadi satu tanda di mana kerajaan tidak boleh diumum dalam negara kita atau luar dari negara menyatakan "we believe in the Rule of Law and the right of the citizen." Tidak boleh, Tuan Pengerusi.

Saya nasihat kepada Peguam Negara untuk mengambil, menerima nasihat ini dan saya harap dalam masa hadapan, apabila keputusan mahkamah adalah memutuskan tidak diberi kepada pihak kerajaan, kerajaan bersedia untuk terima keputusan-keputusan itu. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Rantau Panjang.

4.15 ptg.

Dr. Sanusi bin Daeng Mariok (Rantau Panjang): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Merujuk kepada 010000 iaitu Parlimen, saya menyokong sepenuhnya kepada semua saranan-saranan yang telah diberikan oleh Ahli-ahli Yang Berhormat tentang peningkatan Parlimen, teristimewa sekali dari segi kemudahan-kemudahannya, keindahan-keindahannya, termasuk juga kepada memberikan taraf dan kedudukan yang munasabah kepada pegawai-pegawai dan kakitangan yang mengendalikan Parlimen sebagai Dewan yang tertinggi dan mulia.

Teristimewa sekali saya juga menyarankan di sini bagi menghayati tentang kemuliaan Parlimen sebagai Dewan yang tertinggi ialah dari segi nilai dan kualiti perbahasan. Kerana itu saya selaku Ahli Dewan ini sangat mengharapkan supaya perbincangan-perbincangan dan perbahasan-perbahasan yang dilakukan di dalam Parlimen selaku Dewan yang mulia dan tertinggi ini mestilah senantiasa diasaskan di atas nilai-nilai mulia dan moral-moral yang tinggi.

Teristimewa sekali mengenai hal Islam di mana kita mendapati sebagai orang Islam, ramai sekali Ahli-ahli Parlimen yang bercakap tentang Islam tetapi ternyata ungkapan-ungkapan mereka itu bukan sahaja menjelaskan bahawa taraf keilmuan kepada Islam itu agak tidak dalam. Malah istilah-istilah yang digunakan pun mengelirukan. Seperti umpamanya, kita kedengaran ada desakan supaya kenapa kita daripada parti Pembangkang tidak datang ke Parlimen ini supaya mendesak agar seorang wanita di bawah umur yang dikatakan telah mengaku berzina. Kenapa kita tidak mendesak supaya dijalankan ke atas dia hukum hudud? Ini menjelaskan bagaimana dangkalnya pengetahuan agama kerana pelaksanaan hudud ke atas penjenayah adalah mempunyai peraturan,

teristimewa sekali batas umur di mana majoriti ulamak yang muktabar meletakkan umur boleh dijalankan hukum hudud ke atas penjenayah yang termasuk di dalam hudud ini ialah berusia 18 tahun ke atas, ada pun umur 15 tahun itu ialah umur baligh. Umur baligh lain, umur mumaiyiz lain, umur yang patut menanggung bebanan hukuman jenayah itu lain. Itu undang-undang dalam Islam. Ilmu di dalam Islam.

Yang membimbangkan kita, kalau kita bercakap tentang Islam dan kurang pengetahuan, maka mungkin akan berlaku penyalahgunaan-penyalahgunaan fakta yang mungkin akan menimbulkan masalah di dalam Islam itu sendiri di masa-masa hadapan.

Begitu juga apa yang berlaku, kita kedengaran ada desakan-desakan supaya perkataan 'Islam' di dalam nama Parti Islam Se-Malaysia ini, saya suka menyatakan di sini bahawa perkataan 'Islam' di dalam PAS itu sama ada ia dibuang ataupun ia dikekalkan bukanlah satu masalah besar. Tetapi masalahnya ialah kita sebagai orang-orang Islam, sudah sampai ke tahap tidak bersedia menggunakan 'Islam' hatta nama, adalah menunjukkan satu tahap bukan maju tetapi ke belakang. Walaupun atas alasan kita bimbang, kalau ada kekeliruan nanti orang tidak dapat membezakan antara Parti Islam dengan Islam, Islam dengan Parti Islam, saya kira kekeliruan seperti ini tidak mungkin berlaku kepada manusia yang dewasa dan manusia yang rasional. Sebab ini boleh berlaku. Kalau ia boleh berlaku, maka kita bimbang juga umpamanya Bank Islam, kita boleh bimbang bersama ataupun boleh ada kebimbangan, nanti orang tidak dapat membezakan Bank Islam dengan Islam, Islam dengan Bank Islam. Universiti Islam, Angkatan Belia Islam dan lain-lain lagi, apakah kita jangka akan ada kekeliruan di situ? Tentunya tidak. Kalau atas alasan bahawa ialah soal keselamatan . . . . .

Timbalan Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi (Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus): *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Ada yang bangun, Yang Berhormat.

Dr. Sanusi bin Daeng Mariok: . . . . sudah . . . . .

Tuan Pengerusi: Hendak beri jalan atau tidak.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya hendak minta sedikit penjelasan pada Yang Berhormat, soal yang penting di sini selain dari kekeliruan itu ialah soal bagaimana nama 'Islam' itu, atas nama 'Islam' telah dijadikan alat, telah digunakan, dieksploit oleh PAS untuk mencari pengaruh. Itu yang kita kata ini, bukan lebih daripada keliru. Itu soalnya.

Dr. Sanusi bin Daeang Mariok: Tuan Pengerusi, kalau kita merujuk kepada Perlembagaan PAS, Perlembagaan PAS ini meletakkan Islam sebagai dasar dan matlamat perjuangannya. Di dalam hal ini mestilah kami daripada pendukung-pendukung PAS ialah pendukung-pendukung perjuangan Islam kerana meletakkan Islam sebagai dasar dan matlamat dia. Oleh yang demikian, kalau kami senantiasa menyeru rakyat supaya menyokong perjuangan Islam ini, dan sememangnya itu dikehendaki oleh Islam, tidak bererti kami mengeksploitkan hal ini, tetapi itu adalah kewajipan.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Ya, dia bangun pula, Yang Berhormat, hendak beri jalan.

Dr. Sanusi bin Daeng Mariok: Minta maaf. Kalau sekiranya atas alasan keselamatan . . . . .

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Parit Sulong pula.

Dr. Sanusi bin Daeng Mariok: Minta maaf. Sebab saya dengar juga ada yang membuat alasan, atas alasan 'keselamatan'. Sudah 43 tahun PAS ada di arena politik negara kita, apakah ada bukti yang menunjukkan bahawa keselamatan terjejas kerana adanya Islam, kerana adanya PAS ini? Katalah atas alasan perpecahan . . . . .

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Parit Sulong bangun, Yang Berhormat.

Dr. Sanusi bin Daeng Mariok: Minta maaf, Yang Berhormat — minta maaf. Katalah atas alasan perpecahan, memang tentunya berpecah. Kalau sekiranya kami menyeru supaya diharamkan judi, tetapi ada yang tidak mahu mengharamkan judi — mesti berpecah.

Kami menyeru diharamkan arak mengikut kaedah syarak, tetapi ada pihak yang tidak mahu mengharamkan mesti berpecah punya! Jadi, kita sebagai orang Islam yang sama-sama bertanggungjawab, kalau kita merujuk kepada ajaran agama kita, apa ruginya kita, sudah tentu tidak ada perpecahan. Tidak ada singgung-menyinggung, tidak ada masalah-masalah yang kita hadapi kalau kita sama-sama kembali kepada agama kita mengikut rundingan dan perbincangan yang kita boleh buat.

Dato' Haji Mohd. Khalid bin Mohd. Yunus: *(Bangun)*

Dr. Sanusi bin Daeng Mariok: Minta maaf. Jadi, ...

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Setiausaha Parlimen Kementerian Belia dan Sukan (Dato' Ismail bin Said): *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Ada pula yang bangun di belakang sana, ya.

Dr. Sanusi bin Daeng Mariok: Demikian juga mengenai . . . . .

Dato' Ismail bin Said: Tuan Pengerusi, penjelasan.

Dr. Sanusi bin Daeng Mariok: Minta maaf. Begitu juga mengenai Undang-undang Jenayah Syariah II yang diluluskan di Kelantan, di dalamnya ada Undang-undang Jenayah Qisas, Undang-undang Jenayah Hudud dan Undang-undang Jenayah Takzir, tetapi di-'highlight'kan hudud nampaknya — ditolak atas berbagai-bagai alasan. Ada yang mulanya mengatakan bahawa di dalamnya tidak terjamin keadilan pelaksanaannya. Ada juga alasan mengatakan ini hudud PAS ataupun undang-undang jenayah PAS dan sebagainya. Persoalannya pada kita sekarang ini ialah tidak bolehkah kita duduk bersama mengkaji, menimbang yang mana kurang, kita pakat-pakat tambah, yang mana lebih kita pakat-pakat buang, yang mana tidak betul, kita betulkan supaya ia dapat dilaksanakan.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Ya, Parit Sulong bangun.

Dr. Sanusi bin Daeng Mariok: Ini cukup mudah persoalannya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Penjelasan.

Tuan Pengerusi: Ya, minta penjelasan!

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Ahli dari Johor yang bergerak di Kelantan. Saya hendak bertanya pertamanya, adakah satu perjuangan yang bercorak Islam, sekiranya terdapat pemimpin PAS yang mengatakan bahawa seorang isteri dengan sendirinya jatuh 'talak' sekiranya tidak memperjuangkan Islam melalui PAS? Itu contoh yang pertamanya.

Yang keduanya, di dalam penggubalan Kanun Jenayah Syariah II Kelantan ataupun yang dikatakan sebagai hukum hudud, adakah pihak pemimpin-pemimpin PAS secara ikhlas dan tulus membuat

undangan agar dihimpunkan semua minda intelektual Islam ataupun kalau tidak cukup yang ada dalam Malaysia, kita mencari pakar-pakar rujuk antarabangsa Islam di dalam penggubalan sebagaimana yang ditegaskan oleh Yang Berhormat?

Dr. Sanusi bin Daeng Mariok: Tuan Pengerusi, tidak ada satu maklumat yang saya difahamkan bahawa seorang yang tidak memperjuangkan Islam melalui PAS akan 'tertalak' isterinya. Tetapi apa yang berlaku bahawa sesiapa yang menolak perjuangan Islam . . . . .

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Ya, ada yang bangun.

Dr. Sanusi bin Daeng Mariok: Tidak berjuang dalam Islam — itu lain cerita.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Sedikit penjelasan.

Dr. Sanusi bin Daeng Mariok: . . . . tetapi menolak perjuangan Islam dan menentang perjuangan Islam yang wajib, maka ia berlaku apa yang dijelaskan. Kalau sekiranya ada yang menyatakan bahawa tidak memperjuangkan Islam melalui PAS 'talak' isterinya, itu bukan tanggungjawab PAS. Saya sebagai pemimpin PAS, saya tidak bertanggungjawab . . . . .

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Penjelasan, Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Parit Sulong bangun, Yang Berhormat.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Ini untuk mencari kejernihan.

Dr. Sanusi bin Daeng Mariok: Yang keduanya . . . . .

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Dr. Sanusi bin Daeng Mariok: Yang keduanya mengenai mengumpulkan intelektual Islam.

Yang pertama sekali Enakmen Jenayah Syariah II di Kelantan itu telah dibelanjakan wang Kelantan itu tidak kurang daripada RM600,000 bukan sahaja menggunakan intelektual-intelektual yang ada dalam negara kita, malah penasihat-penasihat daripada luar negara kita ambil. Selepas digubal itu diseminarkan bukan sahaja di dalam negeri Kelantan, diseminarkan di Kuala Lumpur, diseminarkan di negeri Kedah, diseminarkan di Pelis, diseminarkan di Terengganu dan dijemput semua intelektual-intelektual Islam termasuk saudara-saudara kita daripada UMNO, tetapi sayangnya UMNO tidak datang.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Dr. Sanusi bin Daeng Mariok: Itu masalahnya. Kerana itu saya menyeru supaya kita mengambil yang jernih, kita pakat-pakat duduk bersama berbincang, kita melihat . . . . .

Dato' Alias bin Md. Ali: *(Bangun)*

Dr. Sanusi bin Daeng Mariok: Minta maaf, Yang Berhormat, Tuan Pengerusi kata masa saya tidak ada. Kita duduk bersama berbincang, melihat perkembangan-perkembangan ini dan kita sepakat apa yang patut kita sepakati, dan yang tidak kita dapat sepakati lagi, kita biarkan dahulu dan sama-sama kita melaksanakan apa yang munasabah kita laksanakan.

Dato' Alias bin Md. Ali: Minta penjelasan sedikit.

Dr. Sanusi bin Daeng Mariok: Minta maaf.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Hulu Terengganu, dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Dr. Sanusi bin Daeng Mariok: Saya menyanjung tinggi apa yang dinyatakan tentang pendekatan kita di Malaysia ini dalam melaksanakan Islam ini ialah pendekatan pendidikan. Ini satu pendekatan yang memang diakui berlaku secara baik. Tetapi patut juga kita mengulangkaji bahawa sudah 30 tahun

lebih kita merdeka menggunakan pendekatan pendidikan dan kita telah berjaya, mengikut yang dikatakan sudah ada 30 lebih insitutusi kewangan yang mengamalkan amalan tanpa riba. Itu satu kejayaan. Tetapi mengapa kita tidak berfikir bahawa 30 tahun kita merdeka atau memerintah negara ini tetapi judi semakin bertambah, kelab-kelab malam semakin bertambah, moral semakin punah, bapa boleh membuang anak, boleh mendera anak, ibu boleh membuang anak, akhlak begitu punah, soal dadah, soal AIDS, soal bohsia berlaku begitu teruk.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Yang Berhormat, berilah sekali.

Dr. Sanusi bin Daeng Mariok: Minta maaf.

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Dr. Sanusi bin Daeng Mariok: Jadi, tidakkah boleh selain daripada pendekatan pendidikan yang memang baik, kita menggunakan juga pendekatan yang lain selain daripada pendidikan, iaitu pendekatan undang-undang, pendekatan peraturan, pendekatan pelaksanaan moral dan sebagainya. Ini yang PAS minta. Soal pendekatan pendidikan itu sudah baik tetapi nampaknya kejayaannya tidak sebegitu ada. Maka mengapa kita tidak cuba menilai pendekatan-pendekatan yang lain dan kita boleh duduk berbincang dalam hal ini. PAS tidak ada masalah di dalam hal ini.

Akhirnya, saya menyarankan kalau boleh diusahakan supaya ada perbincangan secara baik di dalam semua kalangan atas nama orang Islam, atas nama rakyat negara ini bagi kita melihat perkara-perkara yang baik yang boleh kita sama-sama laksanakan, sama-sama dukung untuk kepentingan kita semua, untuk kepentingan kita sebagai orang Islam dan untuk kepentingan kita sebagai rakyat, untuk kepentingan kita sebagai negara yang kita kasihi. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Ahli Yang Berhormat Seputeh.

4.33 ptg.

Tuan Liew Ah Kim (Seputeh): Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 100000 di bawah Program dan Aktiviti Bahagian Wilayah Persekutuan.

Tuan Pengerusi, apakah langkah yang akan diambil oleh kerajaan bagi mengatasi karenah birokrasi dalam Dewan Bandaraya Kuala Lumpur sekarang walaupun diwujudkan Lembaga Penasihat DBKL? Amatlah sedih kalau Lembaga Penasihat DBKL tidak berfungsi sebagai penasihat kerana tidak ada nasihat-nasihat berkesan yang boleh mempengaruhi kerana birokrasi ini. Datuk Bandar K. L. enggan mengadakan temu janji dengan Ahli-ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur terutama pihak Pembangkang bagi membincangkan masalah rakyat. Saya sendiri pernah meminta diadakan temu janji tetapi memakan masa lebih dua bulan baru pihak Datuk Bandar bersedia mengadakan temu janji di samping syarat ditetapkan terlebih dahulu atas perkara-perkara yang akan dibangkitkan. Kenapa Datuk Bandar memerlukan masa yang terlalu lama untuk mengadakan temu janji dengan Ahli Parlimen? Sekiranya Datuk Bandar merasakan bahawa Ahli Parlimen boleh menimbulkan masalah, apakah pertemuan regular wajar diadakan dengan Ahli-ahli Parlimen dalam tempoh dua bulan atau tiga bulan sekali supaya semua masalah yang berbangkit dapat diselesaikan secara musyawarah?

Tuan Pengerusi, adakah kerajaan sedar kerana birokrasi ini boleh menjejaskan pembangunan dan kegelisahan rakyat berterusan? DBKL seolah-olah satu institusi yang pemalas untuk menjawab surat-surat dan adakah kerajaan akan memberi tempoh jangka masa supaya semua surat menyurat rakyat dengan DBKL hendaklah diberi layanan yang saksama? Pada masa sekarang karenah birokrasi di dalam Dewan Bandaraya

Kuala Lumpur berada pada tahap yang serius menyebabkan rakyat berada dalam kegelisahan apabila surat-surat rayuan mereka mengenai masalah penjaja seperti di Jalan Brickfields, tempat pelupusan sampah di Jalan Sungai Besi, jalan pintas di kawasan perumahan yang menyebabkan kesesakan lalulintas dan merbahaya kepada penduduk dan lain-lain tidak diberikan jawapan dan layanan. Oleh itu, adakah kerajaan memberi jaminan bahawa karenah birokrasi di dalam DBKL ini akan diatasi secepat mungkin?

Tuan Pengerusi, pada 16hb. November, 1994 Timbalan Perdana Menteri Dato' Seri Anwar bin Ibrahim ketika menggulung perbahasan Belanjawan 1995 memberi jaminan bahawa kes yang dibawa oleh Ahli Parlimen Bukit Bintang mengenai STLR Sdn. Bhd. dan Cergas Bahagia Sdn. Bhd. membabitkan tanah HS(D)50109 PD No.902 Mukim Petaling seluas 19,198 kaki persegi akan diserahkan kepada Badan Pencegah Rasuah. Bilakah BPR akan diarahkan menyiasat kes yang berbangkit ini dan sama ada BPR akan diberikan kebebasan dengan tidak ada tekanan atau pengaruh politik dalam melaksanakan penyiasatan? Bilakah rakyat akan diberitahu atau berapa lama tempoh jangka masa penyiasatan ini boleh diberi tahu kepada rakyat atau dibawa ke muka pengadilan?

Tuan Pengerusi, apa yang berlaku di bawah Datuk Bandar sekarang tentulah lebih memalukan dari apa yang telah dilakukan oleh Datuk Bandar sebelumnya dalam isu Barcelona dan Casablanca. Oleh itu adakah kerajaan akan melanjutkan tempoh perkhidmatan Datuk Bandar sekarang apabila tempoh perkhidmatannya selama dua tahun berakhir? Adakah kerajaan bersetuju dengan DAP sekiranya perkhidmatan Datuk Bandar tidak memberi manfaat kepada rakyat maka perkhidmatannya hendaklah ditamatkan?

Malah Datuk Bandar juga tidak memenuhi ikrar untuk menyelesaikan isu Barcelona dan Casablanca apabila beliau dilantik menjadi Datuk Bandar dahulu. Apakah isu sebenar mengenai Barcelona dan Casablanca sudah diselesaikan termasuk membawa mereka yang terbabit ke muka keadilan atau menyerahkan segala penyelewengan yang berlaku kepada BPR? Sekiranya tidak ada penyelewengan adakah kerajaan sudah menyediakan laporan mengenai isu Casablanca dan Barcelona ini kepada Parlimen? Jika tidak, bilakah rakyat dan pembayar cukai di Kuala Lumpur boleh diberitahu mengenai isu sepenuhnya trip ke Barcelona dan Casablanca ini? Sekiranya tidak ada penyelewengan, adakah kerajaan sudah menyediakan laporan mengenai isu Casablanca dan Barcelona ini kepada Parlimen? Jika tidak, bilakah rakyat dan pembayar cukai di Kuala Lumpur boleh diberitahu mengenai isu sepenuhnya trip ke Barcelona dan Casablanca ini. Oleh itu, kegagalan Datuk Bandar sekarang dalam menangani banyak isu adalah wajar tempoh perkhidmatannya tidak dilanjutkan lagi demi kesejahteraan dan pembayar-pembayar cukai di Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, adakah kerajaan sedar Datuk Bandar pernah memberitahu bahawa masalah sampah sarap, banjir kilat dan kesesakan lalu lintas yang seringkali dibangkitkan oleh Ahli-ahli Parlimen DAP ialah perkara biasa. Kalau perkara biasa kenapa hingga sekarang masalah ini berterusan. Bila incinerator akan dibina bagi mengatasi rungutan 100,000 penduduk di sekitar tempat pelupusan sampah di Kilometer 6 Jalan Sungai Besi.

Adakah Perdana Menteri belum meneliti memorandum yang dikirimkan oleh penduduk-penduduk terbabit bagi mengatasi masalah sampah-sarap kira-kira 2,500 metrik tan yang ditampung setiap hari di tempat pelupusan sampah itu? Rakyat sudah bosan dengan jawapan kerajaan akan cari tapak pelupusan sampah yang sesuai, kerana 'akan' itu

memakan masa beberapa lama sama ada sebulan, setahun, tiga tahun atau sehingga tahun 2020. Oleh itu, masalah sampah sarap, banjir kilat dan kesesakan lalulintas bukan dapat diselesaikan dengan jawapan 'akan', tetapi bila masalah ini dapat diatasi.

Adakah kerajaan sedar setelah dibina tol untuk membuat kutipan secara paksa kepada pengguna-pengguna jalan raya, tetapi masalah kesesakan di Kuala Lumpur masih belum dapat diatasi. Apakah gunanya dikenakan tol kalau kesesakan lalu lintas masih tidak memberi keselesaan kepada pengguna-pengguna jalan raya.

Tuan Pengerusi, sebab itulah masalah sampah sarap, kesesakan lalu lintas, banjir kilat dan beberapa perkara lagi bukanlah perkara biasa tetapi merupakan perkara kepentingan rakyat. Oleh itu, adakah kerajaan bersedia menerima segala teguran dan pandangan orang ramai mengenai kelemahan pentadbiran dalam DBKL bagi pembangunan Kuala Lumpur.

Tuan Pengerusi, akhirnya adakah peranan Lembaga Penasihat Bandaraya Kuala Lumpur mampu mempengaruhi pentadbiran DBKL supaya lebih terbuka. Apakah kerajaan mahu Lembaga Penasihat ini sekadar menjadi rubber stamp sahaja dalam segala keputusan pihak pentadbiran DBKL? Bagi membolehkan pentadbiran DBKL mengamalkan sikap terbuka dalam mencapai matlamat pembangunan dengan lebih berkesan, saya cadang; satu, adakah . . . .

Tuan Lim Guan Eng: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, berikah?

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, saya hendak bertanya Yang Berhormat dari Seputeh adakah beliau bersetuju DBKL adalah sungguh tidak efisien sekali sehingga CFO yang dikeluarkan oleh DBKL boleh dikeluarkan secara sementara sejak tahun 1985. Macam mana satu CFO yang dikeluarkan sejak tahun 1985 masih boleh menjadi sementara?

Tuan Liew Ah Kim: Hujah-hujah daripada rakan saya dari Kota Melaka itu memang betul. *(Menyampuk)* Ikut sijil . . . . .

Seorang Ahli: Kalau tak betul tak usah jadi calon.

Tuan Liew Ah Kim: . . . . . atau CF sementara sampai 10 tahun . . . . .

Seorang Ahli: Jangan jadi mabuk.

Tuan Liew Ah Kim: . . . . . Arau memang tahu 10 tahun berapa lama, itu bukan sijil sementara. Maka ini berlaku di Bandaraya Kuala Lumpur hari ini. Kalau Arau minat bolehlah datang ke kawasan saya, saya boleh tunjukkan bukti-bukti yang ada mengenai sijil menduduki itu — 10 tahun. Katakanlah makna sementara itu dalam tempoh 3 bulan atau lebih-lebih pun 6 bulan, bukan 10 tahun. Itu membayangkan satu kelemahan pentadbiran ataupun penyelewengan. *(Disampuk)* Ini masalah yang serius. Setakat ini Datuk Bandar cuma bertanggungjawab kepada Perdana Menteri sahaja. Bukan bertanggungjawab kepada Parlimen. Itulah masalah yang timbul selepas 20 tahun penubuhan DBKL sehingga hari ini. Itulah cadangan-cadangan masih dibuat oleh siapa Wakil Rakyat DAP sahaja, yang lain tak berani buat apa cadangan pun. Sungguhpun masalah yang begitu serius 'day-to-day business', dengan izin, tidak boleh diatasi.

Tuan Shahidan bin Kassim: Sasterawan negara!

Tuan Liew Ah Kim: Tuan Pengerusi, saya ingat saya akan tamatkan ucapan saya dengan tiga cadangan ini. Adakah kerajaan akan membenarkan semua Ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan termasuk daripada Barisan Nasional mahu pun DAP duduk dalam Lembaga Penasihat DBKL.

Beberapa Ahli: Tak boleh!

Tuan Liew Ah Kim: Cadangan ini adalah munasabah.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tidak setuju!

Tuan Liew Ah Kim: Semua 7 Ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan mesti dimasukkan di dalam Lembaga Penasihat DBKL, bukan daripada MCA, GERAKAN ataupun UMNO sahaja.

Tuan Shahidan bin Kassim: Ya, kita mahu kiraan.

Tuan Liew Ah Kim: Yang ditolak pengundi berkenaan juga dilantik sebagai Ahli Penasihat . . . . .

Seorang Ahli: Point of order.

Tuan Liew Ah Kim: Aiya! itu macamlah. *(Ketawa)* Yang kedua, adakah kerajaan akan mengarahkan Datuk Bandar supaya sentiasa mengadakan persidangan akhbar setiap minggu bagi melaporkan segala kegiatan DBKL kepada orang ramai? Ketiga, adakah kerajaan akan mengarahkan Datuk Bandar mengadakan perjumpaan yang berterusan sepanjang tahun dengan Ahli-ahli Parlimen di Wilayah Persekutuan sama ada dua bulan atau tiga bulan sekali bagi mengadakan . . . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: Penjelasan.

Tuan Liew Ah Kim: . . . . . mendapatkan pandangan ataupun bertukar-tukar fikiran untuk kepentingan dan pembangunan Kuala Lumpur . . . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: Penjelasan.

Tuan Liew Ah Kim: . . . . . kerana — sekejaplah. Bolehlah, Arau selalu minta, satu kali sahaja. *(Ketawa)*

Tuan Shahidan bin Kassim: Semua orang tahu saya baik. Saya hendak tanya Yang Berhormat apakah oleh kerana Wilayah Persekutuan ini bukan sahaja diduduki oleh Ahli Parlimen Wilayah, tetapi semua rakyat Malaysia memandang Wilayah ini sebagai tempat mereka bersama, maka apakah Yang Berhormat hendak bercadang supaya Ahli Parlimen Malaysia, tak termasuk Wilayah juga dibenarkan untuk menduduki Lembaga Penasihat? Sebab kalau saya duduk dalam Lembaga Penasihat, saya ingat saya boleh banyak menasihat lagi untuk memboleh-kan supaya DAP kalah di semua kawasan dalam Bandaraya? *(Ketawa)*

Tuan Liew Ah Kim: Itukah satu sistem berparlimen diamalkan oleh Barisan Nasional? Kalau mengikut peratusan keputusan pilihan raya tahun lalu ataupun tahun 1990, kita Pembang-kang dapat pengundi jumlah 48%. Nampaknya hari ini bilangan Ahli-ahli Parlimen Pembangkang berapa sahaja. Tak sampai 50 orang, itu sistemlah. Kalau hendak tukar, saya boleh mewakili penduduk di Arau.

Tuan Shahidan bin Kassim: Saya bersimpati.

Tuan Liew Ah Kim: Kalau tukar sistem itu, eloklah Arau pun boleh jadi Penasihat DBKL, sekarang tidak layak.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat sudah cukup.

Tuan Liew Ah Kim: Ya. Hujah-hujah yang saya sampaikan itu cuma meng-harapkan dengan harapan yang tinggi terhadap pentadbiran ataupun kepen-tingan rakyat di Wilayah Persekutuan dapat diatasi dengan sewajarnya.

Tuan Pengerusi: Kota Melaka.

4.51 ptg.

Tuan Lim Guan Eng (Kota Melaka): Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada B. 10 — Jabatan Peguam Negara dan juga Butiran 0140000 hingga 0160000 sekali gus.

Di sini saya hendak menyentuh sedikit sahaja, tentang peranan yang dimainkan oleh Peguam Negara dalam menguruskan kes-kes yang dirujukkan kepadanya oleh pihak berkenaan sama ada oleh pihak polis atau pihak Badan Pencegah Rasuah.

Di sini, satu perkara ialah tentang lima laporan yang telah dilaporkan oleh rakan saya iaitu Ahli Parlimen dari Bukit Bintang kepada BPR terhadap bekas Ketua Hakim Negara Tun Abdul Hamid Omar mengenai dengan tuduhan rasuah di antara Tun Hamid dengan Tan Sri Loy yang juga Ketua Eksekutif MBf. Peguam Negara pada 2hb. Julai tahun ini telah membuat satu keputusan bahawa tiada sebarang kes dalam laporan ini. Beliau menuduh bahawa Ahli Parlimen dari Bukit Bintang telah membuat laporan palsu dan criminal defamation. Saya difahami bahawa sehingga hari ini BPR belum merakam sebarang kenyataan daripada Tun Hamid dan Tan Sri Loy, Ketua Eksekutif MBf.

Tuan Pengerusi, di sini saya hendak bertanya bagaimanakah Peguam Negara boleh menelitikan tiga perkara laporan terhadap Tun Hamid dan Tan Sri Loy, tiada kes sedangkan BPR tidak merakamkan sebarang kenyataan daripada mereka. Ini sudah jelas bahawa Peguam Negara tidak menjalankan tugas beliau dengan jujur dan juga menunjukkan satu massive cover-up oleh Peguam Negara kepada bekas bossnya.

Saya berharap Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh menjelaskan kenapakah Peguam Negara tidak mengarahkan BPR merakamkan kenyataan daripada Tun Hamid dan Tan Sri Loy sebelum beliau membuat kenyataan akhbar pada 2hb. Julai di mana beliau mengatakan tiada kes terhadap Tun Hamid? Di sini, sungguhpun pihak Peguam Negara telah menyatakan ada unsur-unsur 'criminal defamation', saya rasa Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang masih belum didakwa atas kesalahan ini dan tidak ada juga sebarang tindakan yang diambil ke atas beliau. Adakah ini menunjukkan bahawa sekali lagi Peguam Negara telah membuat omong-omong kosong. Kalau beliau benar-benar hendak membawa . . . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: Penjelasan.

Tuan Pengerusi: Ya.

Tuan Lim Guan Eng: Nanti sekejap, saya habiskan ayat ini. Kesalahan ini yang didakwa dilakukan oleh Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang mestilah berani sedikit, mestilah bertindak sebagai seorang gentleman. Bila bercakap sesuatu — lakukanlah. Kalau Yang Berhormat melakukan 'criminal defamation' dakwa dia. Tetapi saya rasa ini tidak akan berlaku kerana tidak ada unsur 'criminal defamation' langsung. Kegagalan beliau berbuat demikian menunjukkan bahawa beliaulah yang tidak bercakap benar. Sebenarnya, jika ada amalan rasuah yang berlaku, maka beliau sendiri membuat 'irregularity dan impropriety' dan tidak layak langsung menjadi Peguam Negara.

Tuan Pengerusi, perkara yang sama . . . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: *(Bangun)*

Tuan Lim Guan Eng: Nanti, saya habiskan hujah ini dahulu, saya akan beri. Dalam hujah yang sama perkara yang sama ialah tentang Peguam Negara. Dalam kes Rahim Tamby Chik, bekas Ketua Menteri Melaka pun sama. Di mana berlaku ketidakadilan pengendalian kes di antara kedua-dua pihak, di mana beliau hanya mendedahkan latar belakang gadis yang terlibat, tetapi tidak pula ke atas Tan Sri Abdul Rahim, dan sangatlah tidak adil sekali.

Tuan Pengerusi, di sini, saya amat kesal bahawa ada berita yang mengatakan bahawa gadis ini akan didakwa di mahkamah besok atau hari lusa dan akan dikurung selama tiga tahun di Pusat Pemulihan Akhlak supaya, saya rasa kes dan kontroversi dan skandal yang melibatkan dia dengan Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik boleh ditutup sama sekali supaya kebenaran tidak boleh

didedahkan. Saya rasa adakah ini adil? Macam mana Peguam Negara melaksanakan tugasnya? Kalau perkara semacam ini boleh berlaku, dan kalau penyiasatan ke atas skandal seks yang didakwa dilakukan oleh Tan Sri Abdul Rahim dengan gadis di bawah umur, boleh dilakukan dalam tempoh masa satu bulan setengah, mengapakah laporan rasuah saya sendiri sebanyak 10 kali kepada BPR yang dijalankan selama lebih daripada setahun setengah, masih belum diselesaikan?

Di sini, saya difahamkan bahawa Ketua Pengarah BPR yang baru telah menyampaikan sepuluh laporan rasuah kepada Peguam Negara dan inilah kali yang kedua. Kali yang pertama, disampaikan kepada Peguam Negara ditendang balik oleh Peguam Negara menyatakan bahawa tak cukup detail lagi, tak cukup terperinci lagi, mahu siasatan lanjut. BPR menjalankan siasatan yang lebih lanjut yang dikehendaki oleh Peguam Negara, sampaikan laporan muktamad kepada Peguam Negara, tetapi sehingga hari ini tidak ada sebarang keputusan. Bukankah ini merupakan satu lagi usaha yang dijalankan oleh Peguam Negara untuk cover-up, untuk menutup semua skandal, semua lubang Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik?

Di sini, saya masih tidak faham mengapakah beliau hendak mengaitkan kes skandal seks Tan Sri Abdul Rahim dengan kes laporan semula laporan rasuah saya terhadap Tan Sri Abdul Rahim. Apakah kaitan di antara kedua-dua perkara ini? Kerana dalam 10 laporan rasuah saya terhadap Tan Sri Abdul Rahim, saya tidak membawa sebarang tuduhan mengenai amalan seks beliau, tidak ada satu langsung. Perkara ini saya rasa, perkara peribadinya. Saya tidak berbuat demikian, tetapi mengapa pula Peguam Negara mengaitkan kedua-dua perkara, sedangkan saya tidak membawa sebarang tuduhan amalan peribadi yang luar biasa oleh Tan Sri Abdul Rahim. Hanya tentang pengumpulan harta-benda luar biasanya, yang sehingga sekarang ini sebanyak RM74 juta. Masih belum dedah habis, tetapi kerana dia sudah habis, dia sudah tumbang, saya rasa kasi 'chance' sedikitlah. Tak payah dedahkan lebih banyak lagi, tetapi kalau kena dedahkan lagi, saya rasa RM100 juta pun mungkin tak boleh cukup.

Tuan Pengerusi, tetapi yang penting sekali ialah di antara harta-benda yang dilaporkan oleh saya kepada pihak BPR, termasuk satu bank account dengan sebuah institusi kewangan tempatan, finance company di mana beliau ada simpanan deposit sebanyak RM7.2 juta. Di mana dia boleh dapat harta-benda yang sebegitu banyak? Hotel mewah — RM25 juta, kereta mewah, rumah mewah, rumah kedai lebih daripada 10 buah rumah kedai. Tempat peranginan seperti Taman Buaya, Melaka. Taman Buaya Melaka pun milikan Tan Sri Abdul Rahim. Saya tak tahu ada apa jenis buaya di Taman Buaya, mungkin ada 'buaya darat' di Taman Buaya itu, kalau ada minat mungkin boleh pergi ke Melaka untuk melihat dengan sendiri apa rupa jenis 'buaya darat' di Melaka. Tetapi di Perlis, saya rasa masih tak ada lagi. Saya rasa di Melaka . . . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Lim Guan Eng: Singkat, masa sudah suntuk.

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat, ini berhubung dengan kes Peguam Negara. Peguam Negara telah menyatakan bahawa kalau tidak puas hati boleh mengambil tindakan undang-undang, dia telah mengeluarkan kenyataan di London.

Yang keduanya, saya hendak bertanya Ahli Yang Berhormat, semasa saya, Yang Berhormat dan juga Ahli Bukit Bintang berada di London baru-baru ini, apakah Yang Berhormat sedar bahawa Ahli dari Bukit Bintang telah berjumpa dengan Tun Hamid di suatu tempat yang kita tak tahu dan apakah boleh seorang litigant macam dia boleh berjumpa dengan Tun Hamid semasa di London. Yang Berhormat hendak bertanya dia apa perbincangan mereka buat?

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, saya rasa ini fitnah sama sekali. Kerana Ahli Yang Berhormat dari Bukit Bintang bersama dengan saya setiap kali, dan saya tak jumpa Tun Hamid dan tak jumpa Tan Sri Loy. Saya tak tahulah, mungkin ini Ahli Yang Berhormat dari Arau, dia bermimpilah, mimpi-mimpi mungkin berlaku, tetapi janganlah berangan-angan. Ini bukan masanya untuk berangan-angan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Semasa dalam bas di London . . . . .

Tuan Lim Guan Eng: Minta maaf, saya tak cukup masa.

Tuan Pengerusi: Dia tidak beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: Saya sudah beri satu kali, saya tidak beri jalan lagi.

Tuan Pengerusi, oleh sebab itu, saya rasa kalau dalam kes Rahim dengan gadis bawah umur itu, tadi Yang Berhormat Setiausaha Parlimen Kementerian Dalam Negeri menyatakan bahawa Tan Sri Rahim boleh pergi ke luar negeri, tidak ditahan oleh polis kerana tidak ada sebarang laporan polis terhadap beliau. Di sini, adalah salah, kerana ada satu laporan polis dibuat, bukan oleh gadis bawah umur ini dan bukan oleh ahli keluarganya, tetapi oleh siapa? Pihak polis sendiri, yang membuat aduan polis pada 29hb. Oktober. Ini adalah jawapan daripada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Kalau polis sendiri membuat aduan mengenai kes ini terhadap Tan Sri Rahim, bukankah ini satu bukti yang cukup bahawa beliau harus ditahan, harus diproses mengikut undang-undang yang sama, dan bukan diberikan keistimewaan di mana beliau dikecualikan daripada ditahan di dalam lokap kerana siasatan dibuat di atas perkara 376 — Kanun Keseksaan iaitu perbuatan rogol dan seharusnya dibawa ke dalam lokap dan ditahan, tetapi beliau tidak diberikan layanan seperti ini, malahan sebaliknya diberikan layanan yang istimewa, benarkan pergi ke luar negara untuk makan angin ke mana-mana tempat seperti Singapura, London, Australia dan kesemuanya boleh pergi — passport tidak ditahan. Mana keadilan itu?

Semua ini menunjukkan bahawa sekarang undang-undang yang dibawa oleh Peguam Negara sudah menjadi songsong dan songsang, semua sudah terbalik, tidak ada undang-undang dalam hal ini — tidak boleh pakai lagi.

Tuan Wee Choo Keong: Ya, sudah kondem.

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, mengenai Maksud Bekalan B. 11 — Badan Pencegah Rasuah, saya ingin menarik perhatian tentang penyalah-gunaan kuasa, amalan rasuah dan penyelewengan secara besar-besaran dalam penswastaan 826 ekar tanah di kawasan Koridor Cheng, Melaka yang menjejaskan hak rakyat serta merugikan kerajaan negeri Melaka. Mengikut sepucuk surat Jabatan Ketua Menteri Melaka bertarikh 30hb. Jun, 1994 — rujukan JKMM.8.244/7.28/5.67 (5). Kerajaan Negeri Melaka telah meluluskan permohonan Syarikat Hamsyi Holding Sdn. Bhd. sebanyak 826 ekar di mukim Lundu dan Rumbia daerah Alor Gajah dan Bukit Tanjung Minyak dan Paya Rumput, daerah Melaka Tengah — tanah terbabit adalah tanah perkampungan yang dimiliki oleh tuan punya dan hak persendirian yang akan diambil secara paksa oleh Kerajaan Negeri.

Tanah seluas 826 ekar ini diberikan kepada Hamsyi untuk dibangunkan sebagai bandar baru. Satu pembangunan bercampur Serampang Tiga Mata iaitu perumahan, komersial dan perindustrian ringan yang bernilai RM1.3 bilion. Ia bukan sahaja tidak untuk kepentingan rakyat, tetapi juga merugikan Kerajaan Negeri kerana:

Pertama, tanah tersebut akan ditukar-syarat kepada maksud bangunan dengan tempoh pajakan selama 99 tahun sebelum diberikan kepada Hamsyi. Kadar premium tanah yang dikenakan oleh kerajaan negeri adalah rendah sekali, iaitu sebanyak

RM1.60 sen sekaki persegi, sedangkan harga pasaran semasa adalah sekurang-kurangnya RM10.00 sekaki persegi. Ini bermakna Syarikat Hamsyi hanya perlu membayar premium tanah sebanyak RM57.5 juta kepada kerajaan negeri, bila ia sepatutnya membayar RM359.81 juta sekiranya harga pasaran semasa digunakan.

Tuan Pengerusi, dengan kata lain, syarikat Hamsyi telah membuat untung durian runtuh sebanyak RM302 juta, sekiranya ia menjualkan tanah seluas 826 ekar kepada pihak ketiga. Ini adalah satu skandal besar dan saya harap BPR boleh siasat kerana keuntungan sebanyak RM302 juta ini sepatutnya dimiliki oleh kerajaan negeri ataupun tuan punya tanah, lagi pun mengikut cadangan kertas kerja Hamsyi kepada Kerajaan Negeri Melaka, Hamsyi akan meraih keuntungan sebanyak RM300 juta dalam projek bandar baru sebanyak RM1.3 bilion ini. Keuntungan keseluruhan yang akan dinikmati oleh Hamsyi adalah RM602 juta di mana lebih daripada 50% datang daripada keistimewaan harga premium tanah yang rendah yang diberikan oleh Kerajaan Negeri Melaka.

Kedua, terdapat penyelewengan dalam pemberian kontrak kepada Hamsyi kerana tidak ada tender terbuka langsung, seperti mana yang ditetapkan dalam semua projek penswastaan. Tanah seluas 826 ekar hanya diberikan kepada Hamsyi berdasarkan cadangan Hamsyi membeli tanah seluas 826 ekar dengan harga RM1.45 sen. Kerajaan negeri mengenai harga yang lebih tinggi iaitu RM1.60, tetapi masih memperolehi untung RM302 juta. Kerajaan telah memberikan tanah kepada Hamsyi tanpa sebarang tender dipanggil.

Ketiga, Hamsyi adalah dimiliki oleh siapa? Ketua Pemuda UMNO Kelantan, Dato' Mohd. Fahmi bin Che Saleh dan ahli keluarganya. Mengikut satu 'search' di Pendaftar Syarikat, Syarikat Hamsyi Holdings mempunyai modal berbayar sebanyak RM316,410 dan di antara Pengarahnya selain dari Dato' Mohd. Fahmi bin Che Saleh adalah Ketua Bahagian UMNO Tanah Merah, Kelantan — Hashim Safin yang juga Pengerusi Lembaga Tembakau Negara dan HVD Holding yang dibongkarkan oleh Yang Berhormat dari Bukit Bintang. Jelas ada unsur-unsur penyelewengan dengan pemberian kontrak kepada sebuah syarikat milikan seorang Ketua Pemuda UMNO Negeri Kelantan dan pemimpim UMNO Kelantan tanpa sebarang tender terbuka.

Ia hanya menunjukkan gejala politik wang masih menular di dalam Kerajaan Negeri Melaka dan juga di dalam UMNO, sungguhpun politik wang telah diharamkan dalam Persidangan Agung Khas UMNO tahun ini. Saya gulung sedikit.

Tuan Shahidan bin Kassim: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat.

Tuan Shahidan bin Kassim: Penjelasan, salahkah bumiputera dapat kontrak?

Tuan Lim Guan Eng: Di samping itu adalah sukar diterima macam mana syarikat Hamsyi yang tidak ada pengalaman dalam bidang pembinaan dan hanya mempunyai modal berbayar RM316,000 sahaja boleh diberikan kontrak raksasa pembinaan bandar baru bernilai RM1.3 bilion. Oleh sebab itu, saya menyeru supaya siasatan dijalankan kerana ini ada hubung kait dengan pemimpin tertentu di negeri Melaka dan juga semua pemimpim UMNO dan demi kepentingan rakyat . . . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order, point of order.

Tuan Lim Guan Eng: . . . . . saya meminta supaya kontrak ini dibatalkan kerana menjejaskan periuk nasi beribu-ribu orang penduduk termasuk 'survival' sebuah kampung baru — Kampung Baru Air Salak dan sebuah kampung tradisional. Kalau projek ini berjalan, saya

takut masalah Kampung Pantai Kundur dan Tanah Merah akan berulang di negeri Melaka sekali lagi. Tetapi yang berlaku adalah berlipat-lipat kali ganda dan saya tidak mahu keadaan yang tidak diingini sebegini berlaku. Oleh sebab itu, saya harap kalau penyelewengan dan rasuah hendak dihapuskan di negeri Melaka, BPR mesti menjalankan tugas dengan baik. Pemimpin negara seperti Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kabinet menentang penyelewengan mesti juga campur tangan membatalkan kontrak seperti ini yang tidak bermoral yang rasuah, yang tidak mengambil kira kepentingan rakyat. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi: Klang.

5.08 ptg.

Tuan Fong Kui Lun (Klang): Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya merujuk butiran 020000 — Unit Perancangan Ekonomi (UPE) Maksud B. 7 di bawah kegiatan penswastaan.

Tuan Pengerusi, pemeriksaan kenderaan JPJ yang kini diswastakan kepada TRP dan kendalian oleh Puspakom telah menimbulkan kemarahan orang ramai sahaja, apabila berlaku tindakan kenaikan 'charge' pemeriksaan kenderaan perdagangan. Kenaikan 'charge' bermaksud supaya perkhidmatan yang lebih cekap, bersih dan licin dapat disediakan untuk para pengguna, tetapi apa yang berlaku sekarang adalah sebaliknya.

Tuan Pengerusi, saya hendak membawa contoh — Puspakom Kampung Jawa, Klang yang menjalankan pemeriksaan kenderaan perdagangan bagi Kuala Lumpur. Sejak hari pembukaan sehinggalah ke hari ini, saya telah menyaksikan sendiri bahawa kenderaan yang hendak diperiksa pada setiap hari sangat banyak sehingga berlaku kesesakan. Para pemandu atau pemilik kenderaan terpaksa menunggu sehingga 8 jam sebelum kenderaan mereka diperiksa. Sepanjang masa nanti, mereka terpaksa berbaris di tepi jalan untuk menunggu giliran.

Tuan Pengerusi, nampaknya Puspakom masih belum mampu menyediakan perkhidmatan yang cekap, cepat dan berkesan kepada para pengguna. Walaupun mereka menggunakan berbagai alasan tetapi yang jelas, penswastaan perkhidmatan pemeriksaan kenderaan perdagangan telah menyebabkan para pengguna terpaksa membayar kos yang lebih kerana di samping mereka terpaksa membayar caj yang mahal, mereka telah kehilangan pendapatan kerana terpaksa berbaris berjam-jam di situ. Cubalah sendiri mengira. Misalnya pemandu teksi yang menyewa teksi syarikat. Masa 8 jam yang dibuang di Puspakom, bagaimanakah cara mereka hendak mendapatkan balik bagi membayar sewa harian teksi? Begitu juga lori, van komersil, mereka kehilangan pendapatan jika terlalu lama bersidai di Puspakom.

Tuan Pengerusi, sebagai Wakil Rakyat, saya sentiasa menerima banyak aduan daripada pemilik kenderaan yang tidak sanggup bertahan dan bersabar begitu lama. Malah aduan sebagai Wakil Rakyat pun tidak diendahkan oleh pihak pengurusan Puspakom itu.

Tuan Pengerusi, menurut jawapan dari Timbalan Menteri hari ini, satu hari sebanyak 2,000 kenderaan diperiksa. Selama 8 jam sebanyak 16,000 jam sehari pendapatan telah hilang begitu sahaja. Tidak kira kenderaan yang terpaksa disuruh datang semula keesokan hari.

Tuan Pengerusi, saya kira EPU gagal melihat masalah kesesakan ini. Tidakkah ini satu kemungkiran janji yang mewujudkan perkhidmatan pemeriksaan yang cekap, cepat dan berkesan.

Tuan Pengerusi, menurut undang-undang, pemungkir janji boleh didakwa dan dituntut. Apakah para pengguna yang tidak puas hati boleh membuat tuntutan kepada Puspakom? Saya ingin mencadangkan supaya Puspakom boleh memberikan diskaun kepada caj pemeriksaan yang dibayar oleh para pengguna yang terpaksa menunggu berjam-jam . . . . .

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi: Point of order, Yang Berhormat. Sila duduk.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, point of order 36(1) iaitu percakapan harus terhad kepada perkara yang dibincangkan. Dia cerita fasal, kereta, asap semua, di bawah apa ini? Saya hendak tahu itu sahaja.

Tuan Pengerusi: Ya, Yang Berhormat kata pemeriksaan kereta di bawah . . . . .

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Pengerusi, ini penswastaan. Butiran 020000 Unit Perancang Ekonomi, Maksud B. 7 di bawah kegiatan penswastaan.

Tuan Pengerusi: Ya, sila teruskan.

Tuan Fong Kui Lun: Tuan Pengerusi, tempat rehat, kerusi, tempat berteduh patut disediakan untuk para pengguna yang bosan dan marah itu.

Tuan Pengerusi, sepatutnya sebelum Puspakom mula beroperasi di Kampung Jawa, Klang hal-hal kemudahan patutlah disediakan dan ruang pemeriksaan patut ditambah supaya tidak berlaku penantian yang lama.

Tuan Pengerusi, saya difahamkan kenderaan yang datang ke Puspakom, Kampung Jawa itu ialah kenderaan-kenderaan dari Kuala Lumpur kerana Pusat Pemeriksaan di Jalan Genting Klang ditutup. Ini bererti mereka perlu datang pada awal pagi untuk berbaris di Padang Jawa. Bayangkanlah masa sebenarnya yang sudah dihabiskan tanpa menghasilkan pendapatan.

Tuan Pengerusi, di bawah SPR, Butiran 010000 Maksud P. 4 muka surat 33 Urusan Pilihanraya. Saya ingin menyentuh kenyataan Pengerusi SPR baru-baru ini bahawa SPR telah menyelesaikan hampir semua bantahan terhadap Rang Daftar Undi Pemilih terbaru kecuali Kelantan dan Terengganu yang belum lagi. Pada 4hb. lalu, Pengerusi SPR berkata bahawa SPR menerima 29,292 bantahan daripada orang ramai. Kelantan sahaja mencatatkan bantahan 17,959, Terengganu 2,451 bantahan, bakinya bagi negeri-negeri lain.

(Timbalan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa)*

Tuan Pengerusi, saya merasa takjub akan ketangkasan SPR membereskan hampir kesemua bantahan dalam tempoh kurang satu bulan iaitu tarikh tutup pameran pada 25hb. Oktober lalu. Bukan sahaja tangkas dan perlukan tempoh singkat untuk orang ramai menyemak daftarnya iaitu 14 hari tetapi tangkas dan cekap menyelesaikan bantahan.

Tuan Pengerusi, saya ingin menarik perhatian Dewan yang mulia ini bahawa isu pengundi hantu atau palsu ini bukanlah perkara kecil. Apa yang sempat dibantah ialah 29,292 sahaja sedangkan masih banyak lagi kawasan yang menghadapi masalah ini tetapi tidak sempat bertindak akibat tempoh pameran yang singkat tadi. Orang ramai tidak sempat membuat apa-apa kerana untuk menyemak dan menyenaraikan bantahan mereka perlu pergi ke seluruh kawasan disebabkan buku daftar dipamerkan mengikut kawasan dan tempat mengundi.

Tuan Pengerusi, dalam kawasan saya sendiri, tidak kurang 5,000 pengundi hantu telah ditanam oleh Barisan Nasional tetapi yang sempat dibantah ialah 300 sahaja. Apa yang SPR buat ialah untuk mensegerakan kerja-kerja mengesahkan daftar pemilih yang baru selewat-lewatnya disediakan pada Januari hadapan tetapi saya musykil apakah ketegasan SPR ini adalah ketegasan sendiri ataupun ketegasan yang ditanggungi oleh Kerajaan Barisan Nasional? Adakah kerajaan hendak menutup cerita kewujudan pengundi hantu yang bertabur seluruh negara.

Tuan Pengerusi, dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang, Kerajaan Barisan Nasional yang selama ini menjadi pengamanah rakyat, pentadbir negara, hendaklah memastikan proses demokrasi berjalan dengan sewajarnya. Bukan sahaja melihat bersih tetapi di dalam juga bersih. Saya maksudkan pertama, mengembalikan hak SPR supaya setiap parti yang bertanding diberi peluang sama rata untuk muncul di kaca TV dan radio untuk berceramah. Yang kedua, membenarkan rapat umum diadakan semula sebagai satu petanda kematangan politik di Malaysia. Yang ketiga, memberi liputan yang adil, candid untuk berita-berita dan kenyataan parti politik bukan kerajaan dalam media cetak dan keempat, tidak membenarkan para pemimpin politik kerajaan menggunakan kemudahan kerajaan untuk berkempen. Yang kelima, memberi kuasa untuk SPR membanteras . . . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Arau minta jalan.

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat ada menyebut tadi tentang kematangan politik. Apakah Yang Berhormat anggap kita mempunyai kematangan politik kalau ada ahli S.46 yang menyebarkan berita-berita yang memburuk-burukkan pemimpin, yang melukis gambar pemimpin semacam muka binatang dan juga muka Perdana Menteri pun dilukis seorang muka keturunan India dan sebagainya. Apakah kita anggap politik ini matang sebagaimana yang telah dibuat oleh Ahli dari Kota Bharu, menyebarkan perkara ini secara terbuka di luar? Macam mana kita hendak menganggap politik ini matang?

Tuan Fong Kui Lun: Ini terpulang kepada Semangat 46 untuk menjawablah.

Tuan Pengerusi, yang kelima memberi kuasa kepada SPR membanteras politik wang di dalam pilihan raya. Sekian, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya hanya dapat benarkan seorang lagi yang mengambil bahagian ya. Bukit Bintang, selepas itu kita minta JPM menjawab. Ya, Yang Berhormat Bukit Bintang.

Tuan Shahidan bin Kassim: *(Bangun)*

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *(Bangun)*

Tuan Wee Choo Keong: Terima kasih Tuan Pengerusi . . . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, ada sejam, saya rasa dia tak jawab sejam!

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: 4 orang Ahli DAP bercakap! Kita tak pernah bercakap! *(Disampuk)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Apa yang dicakapkan, Yang Berhormat?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *(Menyampuk)*

5.21 ptg.

Tuan Wee Choo Keong (Bukit Bintang): Saya bangun untuk membahas dalam Jawatankuasa, Parlimen, Maksud B. 1, Butiran 010000.

Tuan Pengerusi, prinsip Demokrasi Berparlimen ini mengandungi tiga cabang. Parlimen, Kabinet dan Kehakiman. Parlimen ialah badan yang teragung sekali dalam negara kita, tetapi kedudukan Parlimen dalam mata kerajaan, Kabinet itu bukanlah satu badan yang teragung. Cuma satu subsidiari kepada Kabinet. Parlimen sudah menjadi sedemikian oleh kerana Ahli Parlimen, khasnya Ahli Barisan Nasional tidak fasih dalam prinsip "supremacy of Parliament".

Tuan Pengerusi, Parlimen ini teragung dari segi prinsip sahaja. In reality, dengan izin, Parlimen ini menjalankan tugas sebagai rubber stamping di atas apa-apa yang disuruh oleh Kabinet atau Perdana Menteri.

Satu fakta yang jelas ialah negara kita ditadbir oleh Kabinet, bukan Parlimen. Dengan izin, this country is ruled by Cabinet dictatorship. Kita boleh nampak dengan jelas dari senarai protokol negara kita. Nama yang pertama sekali ialah Perdana Menteri; kedua Timbalan Perdana Menteri; ketiga Ketua Hakim Negara; dan barulah keempatnya Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat.

Tuan Pengerusi, sepatutnya kedudukan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat mestilah diletakkan sebagai orang yang pertama di atas senarai protokol untuk menunjukkan Parlimen ialah badan teragung sekali dalam negara kita. Tetapi, saya sebagai seorang realist, dengan izin, Perdana Menteri bolehlah menjadi orang pertama di dalam senarai protokol ini. Walau bagaimanapun, Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat mestilah diletakkan sebagai pemimpin yang kedua dan Ketua Hakim Negara tempat ketiga. Jikalau senarai protokol ini tidak diatur semula, penggambaran bahawa Parlimen sebagai badan yang teragung di dalam negara tidak bermakna lagi.

Saya menyeru dan berharap Perdana Menteri boleh mengkaji semula kedudukan Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat di dalam senarai protokol negara kita. Sebelum saya pergi ke topik yang lain, saya ingin menyentuh kemudahan atau facilities di dalam Parlimen. Yang pertama, kantin Parlimen untuk Ahli Parlimen dan pegawai kerajaan adalah dalam keadaan teruk. Keadaan kantin tidak setaraf dengan nama baik Parlimen. Kantin kita lebih teruk daripada kantin di Bank Negara atau di korporat-korporat. Kerajaan tidak merasakan malu bila pelawat-pelawat Ahli Parlimen dari luar negeri pergi ke kantin kita dan mereka akan membandingkan dengan keadaan kantin Parlimen di Parlimen mereka.

Berani saya kata dengan terus terang bahawa kantin kita tidak ada standard langsung. Tiada dilengkapi dengan kemudahan yang baik. Saya harap Tuan Yang di-Pertua Dewan Rakyat akan membawa aduan-aduan Ahli Parlimen kepada Perdana Menteri supaya taraf kantin boleh ditingkatkan dengan secepat mungkin supaya kita boleh menjaga imej Parlimen dan khasnya negara kita.

Yang kedua, Parlimen ini tidak ada kemudahan-kemudahan yang baik yang setaraf dengan badan yang teragung dalam negara. Masa sudah sampai bahawa Perdana Menteri mesti mengambil berat welfare kemudahan-kemudahan untuk Ahli Parlimen.

Saya ingin merujuk kepada B. 10 — Pejabat Peguam Negara; T. 3 — Ketua Hakim Negara, Hakim Besar dan Hakim; dan B. 11 — Badan Pencegah Rasuah ataupun Badan Penipu dan Rasuah dan saya juga ingin membahaskan ketiga-tiga tajuk ini dengan sekali gus.

Saya difahamkan bahawa isu perlantikan dan kenaikan pangkat di dalam Pejabat Peguam Negara dan Kehakiman adalah satu isu yang paling hangat dan juga satu isu yang menjatuhkan moral pegawai-pegawai dan hakim-hakim yang senior oleh kerana seniority mereka tidak diambil kira bila menaikkan pangkat seseorang pegawai atau hakim. Pegawai-pegawai di Pejabat Peguam yang ada di sini saya rasa dan hakim-hakim pun tahu, zaman sekarang, menaikkan pangkat mereka tidak berdasarkan kepada integriti, seniority atau capability, dengan izin, ataupun kebijaksanaan mereka. Kenaikan pangkat mereka sekarang di Pejabat Peguam Negara dan Kehakiman berdasarkan kepada nepotisme, dengan izin, nepotism atau 'yes man' atau kuncu-kuncu orang yang tertentu.

Tuan Pengerusi, ada pegawai di Pejabat Peguam dan Kehakiman yang dilantik atau dinaikkan pangkat dengan "judicial bypass", bukan heart bypass — "judicial bypass". 20 orang, 30 orang ataupun 60

orang juga, ada kes yang tertentu yang lebih daripada orang yang senior dan capable. Satu contoh yang amat jelas di Pejabat Peguam Negara di mana ada seorang pegawai iaitu Encik Gani Patail, saya rasa pegawai-pegawai A.G. Chambers amat kenal dengan orang ini. Gani Patail, bekas Ketua Pendakwaraya Negeri Sabah dinaikkan pangkat sebagai Ketua Bahagian Pendakwaan seluruh negara untuk dua tiga bulan sahaja. Selepas itu, kemudian dia dilantik pula sebagai Ketua Bahagian yang lain. Tindakan ini untuk menjadikan Encik Gani Patail seorang "all rounder", dengan izin. Kalau saya tak salahlah, supaya beliau boleh mengambil alih jawatan Peguam Negara tidak lama lagi dan Peguam Negara akan pergi ke mana? Mungkin ke Kementerian Kehakimanlah saya rasa, tak layaklah dia. Pegawai-pegawai A.G. Chambers diminta beritahu beliau mengatakan beliau tak layak, beliau mesti pergi balik ke Londonkah atau di universiti kita untuk belajar sekali lagi sebab dia tak ada integriti.

Takkan 50 pegawai yang sedia ada yang lebih senior daripada Encik Gani Patail tidak layak untuk mengambil alih jawatan sebagai Ketua Bahagian Pendakwaan dan sebagainya . . . . .

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, point of order.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya Yang Berhormat, boleh sebut point of order berapa?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: 36(8).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): 36(8) ya?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: 36(8) mengatakan bahawa seorang Ahli, dia tidak boleh menyebut tentang;

> "Kelakuan atau sifat Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong atau Duli-duli Yang Maha Mulia Raja-raja Melayu atau Tuan-tuan Yang Terutama Yang di-Pertuan-Yang di-Pertuan Negeri atau Hakim-hakim dan lain-lain orang yang menjalankan keadilan mahkamah atau ahli-ahli Majlis Pasukan Bersenjata atau mana-mana Suruhanjaya Jawatan Kerajaan yang ditubuhkan menurut Bahagian X dalam Perlembagaan atau ahli-ahli Suruhanjaya Pilihanraya atau siapa jua Ketua Negeri tidak boleh disebutkan, kecuali dengan dikeluarkan usul bersendirian bagi maksud-maksud itu."

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Apakah Maksud Yang Berhormat?

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Jadi, Ahli dari Bukit Bintang, dia menyebut mengenai Peguam Negara. Jadi, saya tak tahulah sama ada beliau mencanggahi Peraturan Mesyuarat yang ini.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Pengerusi . . . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Boleh disebutkan kalau ada mengikut pada menjalankan tugas-tugas.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Pengerusi, soal penjawat Peguam Negara juga ada di dalam Bekalan ini dan sudah disebut di dalam Dewan ini berpuluh-puluh kali di atas perangainya dan ciri-cirinya dan kebijaksanaan beliau.

Tuan Pengerusi, keadaan yang sedemikian bukannya berlaku di pejabat Peguam Negara sahaja. Peristiwa ini juga berlaku di kehakiman (judiciary). Rupanya peristiwa ini adalah amalan baru ataupun trend baru bagi kalangan judicial service negara ini. Baru-baru ini seluruh negara telah menyaksikan bahawa ramai orang yang dilantik sebagai Judicial Commissioner, Hakim Mahkamah Tinggi dan Hakim Mahkamah Rayuan yang tidak menurut seniority atau capability. Daripada kalangan hakim-hakim ini kebanyakan mereka tiada pengalaman

kehakiman yang mendalam. Contohnya ialah Wahab Patail, abang Gani Patail sebagai Judicial Commissioner, telah dilantik. Itu geng-geng dia juga tu. Saya harap, pegawai daripada pejabat Peguam Negara boleh bawa perkara ini kepada Peguam Negara kita yang amat 'bijaksana'. *(Disampuk)* Ahli Parlimen dari Kota Melaka kata tidak layak. Saya kata layak atau terpaling layak sekali. 'The best Attorney General in the world'. Sebab itulah dia mengeluarkan semua history gadis yang berumur 15 tahun itu.

Seorang lagi G. Sri Ram sebagai Hakim Mahkamah Rayuan yang ketiga, the third on line, dengan izin. Beliau tidak pernah memegang jawatan Hakim Mahkamah Tinggi pun tetapi sekarang beliau memegang posisi ketiga di Mahkamah Rayuan. Inilah satu contoh orang panggil "judicial bypass". Dia bypass bukan seorang atau dua orang, tidak kurang daripada 30 orang yang lebih layak dan lebih senior seperti Yang Arif Datuk Siti Norma, Yang Arif Datuk V.C. George dan lain-lain.

Takkan yang lain tidak layak. Ada ramai lagi. G. Sri Ram ini, kita tahu seorang sahabat karib pihak tertentu. Saya tidak tahulah siapa pihak tertentu itu. Bekaskah atau yang sekarangkah? Inilah keadaan sekarang. Pada masa sekarang kehakiman negara telah diketuai oleh orang-orang atau hakim-hakim yang kurang pengalaman yang mendalam dan tidak cukup senior di bidang kehakiman untuk menjalankan tugasnya.

Tuan Shahidan bin Kassim: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Arau bangun Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong: Baru-baru ini saya . . . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order 36(9).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, apa dia Yang Berhormat Arau?

Tuan Wee Choo Keong: Jangan kacaulah Yang Berhormat Arau. Bila awak bercakap, saya tidak kacau.

Tuan Shahidan bin Kassim: Dia tidak boleh menyebut pasal hakim-hakim, Tuan Pengerusi.

Tuan Wee Choo Keong: Tidak dapat sahamkah?

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, point of order yang ke berapa Yang Berhormat?

Tuan Shahidan bin Kassim: 36(9).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Apa kaitannya?

Tuan Shahidan bin Kassim: Itu yang nombor satu. Yang nombor dua, Yang Berhormat berjumpa dengan Tun Hamid Omar di London. Yang Berhormat sebagai litigan, apa Yang Berhormat berbincang? Adakah Yang Berhormat hendak menafikan? Sebab saya tanya Tun Hamid Omar berada di mana sekarang ini? Yang Berhormat kata dia berada di tempat-tempat sekian. Hanya orang yang pernah berjumpa yang tahu di mana Tun Hamid Omar berada. Apa Yang Berhormat bincangkan dengan Tun Hamid Omar semasa di London?

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Pengerusi, inilah dia buat suatu fitnah. Dia sedih hati kerana dia tidak dapat saham-saham khas untuk bumiputera. Tidak apa, pergi minta dengan Timbalan Perdana Menteri, dia ada Hong Leong Finance, Hong Leong Credit dan banyak lagi. Tanah di Melaka pun boleh. Itulah kacau sahaja. Buat fitnah dalam Dewan yang mulia ini.

Tuan Shahidan bin Kassim: Tuan Pengerusi, 36(6). *(Ketawa)* Sangkaan jahat kepada Timbalan Perdana Menteri, dia tidak patut sebut yang itu. Yang nombor

satu. Yang nombor duanya, kenapa dia tidak jawab soalan saya? Kenapa dia tidak dihukum sampai sekarang? Oleh kerana dia ada hubungan dengan Tun Hamid Omar. Jadi, dia sebagai litigan macam mana dia boleh jumpa? Saya, Yang Berhormat Tuan Haji Sukri Haji Mohamed, Ahli Parlimen dari Kok Lanas, *(Ketawa)* Ahli Parlimen dari Kota Melaka dengan dia berada di London. Kami kawan baik di London.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Pengerusi, dia cuma hendak kacau tu!

Tuan Shahidan bin Kassim: Yang Berhormat pun ada di London pada masa itu.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya suka mengingatkan kalau ada point of order kena spesifik dan kena serius.

Tuan Shahidan bin Kassim: 36(6). Saya serius, Tuan Pengerusi.

Tuan Wee Choo Keong: Dia suka main-main.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kalau dalam keadaan ketawa dan berkelakar saya tidak boleh ambil.

Tuan Shahidan bin Kassim: Dia menuduh seolah-olah Menteri Kewangan menyimpan saham-saham itu yang kononnya seolah-olahnya disimpan untuknya . . . . .

Tuan Wee Choo Keong: Jangan "jack"lah!

Tuan Shahidan bin Kassim: . . . . . dan menuduh yang saya ini kononya tidak dapat saham-saham berikut, saya tidak puas hati itu sebab saya cemburu dan tanya soalan kepada dia. Itu 36(6) Tuan Pengerusi dan saya serius! Saya sudah serius lama dah!

Tuan Wee Choo Keong: Dia sedih, bukan serius, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat ada satu minit lagi.

Tuan Wee Choo Keong: Dia sedih dan frust.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Bukit Bintang, satu minit lagi.

Tuan Wee Choo Keong: Tidak ada injury time? Dia kacau tadi. Pada masa sekarang Tuan Pengerusi, kehakiman dalam negara kita diketuai oleh orang-orang yang kurang ada pengalaman yang mendalam dan tidak cukup senior dalam bidang kehakiman untuk menjalankan tugas mereka,

Baru-baru ini saya difahamkan ada para hakim sibuk bukannya untuk melaksanakan administration of justice, dengan izin, tetapi fire prevention, fire drill. Hakim-hakim pula jalankan fire drill. They have nothing better to do. Inilah di bawah administration kehakiman yang baru. Kehakiman negara perlu hakim yang senior, capable dan dengan pengalaman yang mendalam supaya mahkamah kita mengadakan satu specialization dalam bidang undang-undang tertentu seperti di kalangan doktor . . . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: Point of order 36(8).

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, Yang Berhormat masa cukup.

Tuan Wee Choo Keong: Nanti sebentar, saya beri syerlah kepada Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Apa dia Yang Berhormat Arau?

Tuan Shahidan bin Kassim: 36(8) . . . . .

Tuan Wee Choo Keong: You hendak syer apa?

Tuan Shahidan bin Kassim: . . . . . dia sebut pasal hakim-hakim. Kita tidak boleh menyebut pasal hakim-hakim di sini. Sebab mereka menjalankan kehakiman mahkamah.

Tuan Wee Choo Keong: Dalam buku ini . . . . .

Tuan Shahidan bin Kassim: Kita tidak boleh sebut pasal Raja-Raja dan juga hakim-hakim. Baca 36(8) Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ya, masa cukup.

Tuan Shahidan bin Kassim: Kalau kita benarkan orang membincangkan pasal hakim dan Raja, jadi Peraturan Mesyuarat ini tidak boleh dipakai lagi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa sudah cukup ya.

Tuan Wee Choo Keong: No. Injury time! Saya hendak gulung sekarang.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tidak ada injury time. Saya sudah beri masa cukup.

Tuan Wee Choo Keong: Saya hendak gulung sekarang. Ada sikit lagi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tidak ada. Saya sudah bagi gulung tadi. Habis!

Tuan Wee Choo Keong: Terima kasih Tuan Pengerusi. Kehakiman negara . . . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat. Masa cukup. Saya sudah bagi lebih.

Tuan Wee Choo Keong: Saya tidak gulung lagi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya sudah beritahu Yang Berhormat satu minit. Masa habis ya.

Tuan Wee Choo Keong: Sedikit lagi! Berani saya kata dengan terus terang bahawa perlantikan atau kenaikan pangkat baru-baru ini di pejabat Peguam Negara dan Jabatan Kehakiman telah menimbulkan amat banyak frustration dan dissatisfaction antara judicial officers dan para hakim dan moralenya amat rendah pada masa sekarang. Keadaan sedemikian akan menjejaskan pentadbiran kehakiman (administration of justice) di mahkamah dan pejabat Peguam Negara.

Akhirnya, ini akan menjejaskan kebebasan kehakiman ataupun independence of judiciary di dalam negara kita. Keadaan yang saya sebut tadi telah menjadikan satu fakta yang bermula menjejaskan independence of judiciary dan saya hendak quote di sini daripada Lord Lane sebagai Chief Justice mengatakan pada 7hb. April, 1989 di atas tajuk The Legal Profession: Reformer Proposal, dan saya petik di sini:

> "But lost of freedom seldom happen overnight as the experiences of the noble and learned Lord Elywn-Jones in Europe immediately after the war taught him. Oppression does not stand on the doorstep with tooth brush moustache and the swastika arm band. It creeps up insidiously, it creps up step by step and all of a sudden the unfortunate citizen realises it has gone".

Oleh yang demikian, saya mencadangkan dan berharap Perdana Menteri mengambil perhatian dalam perkara perlantikan . . . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, masa sudah lebih Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong: . . . . . atau kenaikan pangkat dalam kalangan pegawai Peguam Negara dan para hakim. Please stop the rot before it is too late. Sebelum perkara ini diketahui oleh foreign

investors, dengan izin, di mana mereka akan takut dan mereka tidak akan melabur wang-wang mereka di negara kita oleh kerana dalam sistem kehakiman kita sudah condemn . . . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, cukuplah.

Tuan Wee Choo Keong: Tuan Pengerusi, terima kasih.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Masa cukup. Minta jawapan daripada Jabatan Perdana Menteri.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, point of order 35(3)(*a*). Saya hendak bertanya dengan Tuan Pengerusi sama ada di bawah Peraturan Mesyuarat 35(3)(*a*):

> "Seorang ahli tidak boleh bercakap lebih daripada sekali di dalam sesuatu masalah kecuali di dalam persidangan Jawatankuasa".

Sama ada kita boleh meminta pertimbangan Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Memang peraturan Mesyuarat membolehkan lebih daripada sekali dalam Jawatankuasa tetapi memandangkan masa kita singkat, kita tidak dapat memberi . . . . .

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tapi Tuan Pengerusi, saya minta pertimbangan oleh kerana tadi empat kali berturut-turut pihak Pembangkang bercakap. Kita tidak . . . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Mengikut rekod yang saya ada, Yang Berhormat semalam sudah berucap dalam Jawatankuasa. Kita bagi peluang kepada orang yang belum berucap. Jadi, oleh kerana masa terlalu suntuk, kita tidak dapat beri peluang kali kedua kepada Yang Berhormat sungguhpun kita hendak beri. Tidak ada masa.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Jadi, bermakna kalau begitu Tuan Pengerusi, ini sebagai academic exercise, 35(3)(*a*) ini harus dibetulkan sekiranya masa tidak suntuk. Bermakna:

> "Seseorang Ahli tidak boleh bercakap lebih dari sekali dalam sesuatu masalah kecuali . . . . ."

Tuan Wee Choo Keong: Duduklah!

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: . . . . "dalam persidangan Jawatankuasa dan sekiranya masa tidak suntuk." Itu sahajalah.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Berkaitan dengan masa itu . . . . .

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasihlah, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Discretion terletak kepada Tuan Yang di-Pertua setelah menimbangkan segala prosiding yang telah dijalankan. Minta jawapan.

Puan Hajah Ilani binti Dato Haji Isahak: Tuan Pengerusi, ada orang yang tak buat kerja -- Ketua Backbencher tak cukup kuorum ni. *(Disampuk)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sabar, Yang Berhormat, kira dululah.

Tuan Shahidan bin Kassim: Eh! Apa ini? Wanita macam ini, saya tidak tahulah. Nasib baik dia sudah kahwin, kalau tidak berkahwin, saya tidak tahu hendak buat macam mana. Teruk punya orang ini!

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila bunyi loceng.

(Loceng dibunyikan)

(Ahli-ahli dikira, lebih 26 orang Ahli hadir)

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Sila teruskan.

5.43 ptg.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri (Tuan Othman bin Abdul): Tuan Pengerusi, saya mengambil kesempatan mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli-ahli Dewan Rakyat yang telah pun mengambil bahagian dalam membahaskan perkara-perkara yang telah diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Sesungguhnya bahawa memanglah banyak perkara yang diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri dan saya tidak berhajat untuk menjawab serangan-serangan peribadi yang keterlaluan, begitu juga perkara-perkara ini dibangkitkan berulang-ulang kali yang telah dijelaskan atau dijawab di dalam Dewan yang mulia ini kerana ianya akan mengulangi jawapan-jawapan yang telah diberikan ataupun mengurangkan atau menghabiskan masa yang bermanfaat untuk kita membahaskan isu-isu yang penting dalam Dewan ini.

Tuan Pengerusi, pertamanya saya hendak menyebutkan bahawa cadangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Arau tentang usaha dan cadangan dia untuk menjadikan Bangunan Tower Block Parlimen ini sebagai sebuah hotel. Perkara ini sebenarnya adalah susah untuk dipertimbangkan kerana kita tidak boleh mencampuradukkan Parlimen dengan perniagaan. Jadi, perkara ini mungkin kita tidak dapat lakukan. Jikalau dilakukan, maka ianya mungkin mengganggu perjalanan Dewan Rakyat ini kerana semua orang boleh keluar dan masuk ketika kita bersidang kerana adanya operasi hotel di luar iaitu di Bangunan Tower Block kita.

Cadangan Yang Berhormat yang kedua ialah mengenai tanah di sekeliling Bangunan Parlimen ini. Jadi, sukalah saya menjelaskan bahawa satu Dewan Serbaguna akan dibina pada tahun 1995 dengan peruntukan sebanyak RM2.5 juta dalam kawasan belakang Bangunan Parlimen ini. Jadi, cadangan daripada Ahli Yang Berhormat dari Arau, hendak jadikan sebagai satu kompleks yang cantik dengan mini-zoonya, dengan landskap yang baik, ini satu cadangan yang baik, terutamanya tanah di kawasan ini yang terbaik juga. Insya-Allah, seperti saya sebutkan tadi, cuma kita boleh dapatkan satu Dewan Serbaguna.

Kemudian, perkara yang ketiganya yang disebutkan ialah tentang coverage televisyen dan radio, ini tertakluklah kepada dasar Kementerian Penerangan sama ada hendak beri coverage banyak atau kurangkan coverage persidangan Dewan Rakyat ini.

Tuan Pengerusi, saya juga hendak menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong mengenai satu persoalan dahulu. Pertamanya tentang jawapan yang digabungkan yang dijawab oleh Menteri-menteri, Timbalan-timbalan Menteri dan Setiausaha-setiausaha Parlimen dalam Dewan Rakyat ini. Saya hendak mengatakan bahawa soalan-soalan yang mengenai perkara-perkara berkaitan yang sewajarnya semua soal jawab itu sekali gus kerana ini akan menjimatkan masa dan kita boleh menjawab soalan-soalan lain. Pada satu hari, kita boleh jawab banyak soalan lagi kalau sekiranya kita dapat cantumkan jawapan-jawapan ini.

Perkara yang kedua yang disebutkan oleh Yang Berhormat mengenai perpustakaan, saya hendak menjelaskan kepada Yang Berhormat bahawa Perbendaharaan telah pun meluluskan peruntukan untuk mewujudkan sistem memperkomputerkan Parlimen akan dijangka penyelidikan-penyelidikan akan dapat dipermudahkan dengan wujudnya sistem ini kelak dan kita boleh menggunakan perpustakaan kita dengan baik.

Ahli Yang Berhormat dari Jerai menyebutkan tentang kenaikan pangkat.

Tuan Lim Kit Siang: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, ada yang minta penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang: Rancangan untuk mengkomputerkan sistem perpustakaan Parlimen, adakah rancangan untuk mengadakan Pegawai-pegawai Penyelidik (research officers) supaya boleh buat research, boleh buat kertas-kertas kedudukan semacam diadakan dalam Parlimen-parlimen Australia, Kongress, House of Commons dan lain-lain supaya Ahli-ahli Parlimen di Malaysia pun boleh dilengkapkan dengan maklumat dan perkhidmatan-perkhidmatan supaya mereka boleh ambil bahagian dalam perbahasan dengan maklumat-maklumat yang terkini.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, saya ingin menjelaskan bahawa ini merupakan satu cadangan yang baik tetapi buat masa ini, kita belum mampu. Kerajaan belum mampu hendak menyediakan penyelidik-penyelidik ini. Saya difahamkan bahawa DAP pun ada penyelidik, Backbenchers pun ada penyelidik. Sekarang dia bayar gaji sendiri. Jadi, kalau boleh dilakukan ini, saya rasakan memang perbahasan boleh dijalankan secara berkesan apabila Pegawai-pegawai Penyelidik ini diadakan oleh organisasi atau badan politik tertentu. Buat masa ini, kita tidak dapat hendak mengadakan kerana dengan segala kekurangan yang masih ada, maka saya hendak mengatakan bahawa cadangan Yang Berhormat itu memang baik tetapi kita tidak lagi dapat mengadakan kemudahan itu buat masa ini.

Tuan Pengerusi, mengenai kenaikan pangkat seseorang anggota perkhidmatan awam yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Jerai. Sekarang ini kita bergantung kepada merit seorang, bukan bergantung kepada, seperti mana yang disebutkan SSB (Sama Sama Bodek) oleh Yang Berhormat dari Nilam Puri. Bahkan saya hendak tegaskan ini bahawa Prestasi Penilaian Tahunan akan dibuat pada setiap tahun dan akan diambil kira dan inilah perkara yang akan dijadikan asas untuk kenaikan pangkat pegawai-pegawai kerajaan di dalam pentadbiran kerajaan ataupun di bawah SSB.

Ahli Yang Berhormat dari Pasir Mas . . . . .

Tuan Lim Guan Eng: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Kota Melaka minta jalan.

Tuan Lim Guan Eng: Pendek sahaja. Ini juga berkenaan dengan Parlimen dan sedikit-sebanyak dengan SSB tentang keselamatan di sekitar perkarangan Parlimen. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen sedar bahawa kita sekarang hanya, yang saya nampaklah, seorang pengawal keselamatan yang bertugas di sini. Sedangkan saya rasa memang tidak cukup. Adakah satu peraturan boleh dibuat supaya kita menambahkan pengawal keselamatan kerana di sini ada ramai pemimpin tertinggi dan saya rasa boleh terima hanya seorang pengawal keselamatan ini. Sekurang-kurangnya mesti ada 5 atau 7 pengawal keselamatan, Sekian.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, seluruh negara kita aman. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri malam-malam dia bawa kereta sendiri dalam Kuala Lumpur. Jadi apalah kita Ahli-ahli Dewan Rakyat ini hendak bawa 7 atau 8 pengawal keselamatan dalam kawasan Parlimen. Yang Berhormat sendiri pun malam-malam membawa kereta sendiri, round Kuala Lumpur, tidak ada orang yang mati ditembak, pemimpin kita yang mati ditembak. Saya rasakan bahawa cadangan itu tidaklah bermakna kita menyatakan bahawa keadaan keselamatan di Parlimen ini sentiasa ada dalam keadaan baik kerana

keseluruhan negara kita dalam jagaan yang baik, termasuk pasukan keselamatan kita menjamin ataupun bekerja tanpa kira penat lelah seluruh negara bagi menjamin bahawa negara kita dalam keadaan aman dan kita bersidang dalam keadaan yang aman. Saya rasa saya sudah jadi Ahli Dewan Rakyat sejak 12 tahun, tidak ada satu insiden pun.

Tuan Lim Kit Siang: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Tanjong bangun, Yang Berhormat.

Tuan Othman bin Abdul: . . . . . yang melibatkan . . . . . Sekejap. Yang melibatkan perkara-perkara keselamatan berlaku di kawasan Parlimen ini. Jadi, saya hendak menyatakan bahawa perkara ini tidaklah kita boleh pandangkan satu perkara yang berat untuk kita mempertimbangkan.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan. Yang Berhormat telah mengatakan bahawa negara kita aman, tidak perlulah apa-apa peraturan keselamatan. Kalau begitu, kenapa kerajaan masih enggan membenarkan rapat umum diadakan di dalam negara ini? Bukankah ini satu pengakuan bahawa Kerajaan Barisan Nasional takut kalah dalam pilihan raya besar akan datang. Bahawa pengharaman rapat umum bukan atas sebab-sebab keselamatan tetapi sebab-sebab politik, khasnya ketakutan MCA dan GERAKAN kalah. UMNO pun takut kalah.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, itu soalan lain. Yang kita bincangkan sekarang kawasan Parlimen keselamatannya. Saya ada menyatakan bahawa . . . . .

Tuan Lim Kit Siang: Saya katakan seluruh negara . . . . .

Tuan Othman bin Abdul: Seluruh negara. Okay, saya hendak sebutkan . . . .

Tuan Lim Kit Siang: *(Menyampuk)*

Tuan Othman bin Abdul: . . . . . kita boleh sebutkan. Tuan Pengerusi, kita telah mengkaji dan kita akan tayangkan. Kerajaan bersetuju hendak tayangkan bagaimana keadaan huru-haranya ceramah-ceramah PAS yang dijalankan di Kelantan, sampai blok jalan. Dia bersyarah di kampung saya, ditutup jalan, orang tidak boleh lalu. Itu belum lagi kita buat rapat umum. Jadi, kelakuan-kelakuan parti Pembangkang, PAS, DAP tidak mencerminkan kematangan politik mereka dan sekarang rapat umum dijalankan oleh parti-parti PAS, DAP dan Semangat 46 — tutup jalan. Pada masa pilihan raya kecil di Lundang bagaimana masalah . . . . .

Tuan Lim Guan Eng: Mana ada tutup jalan, ini Barisan . . . . . *(Disampuk)*

Tuan Othman bin Abdul: Itulah Yang Berhormat tidak pergi, di Kota Bharu. Di Kota Bharu saya berceramah satu minggu penuh. Ahli-ahli Dewan Rakyat yang ada . . . . .

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kok Lanas bangun, Yang Berhormat.

Tuan Othman bin Abdul: Apa? Hendak bela DAP? Okaylah bela DAP — kawan — kawan, kita beri. *(Ketawa)*

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ya, tadi Yang Berhormat menyentuh secara spesifik pilihan raya kecil di Lundang, kata Semangat 46, PAS menyekat jalan. Bukankah di bawah seksyen 27, polis ada kuasa mengapa tidak berhenti. Pegawai-pegawai polis sendiri memberi kenyataan bahawa ceramah yang dibuat oleh Angkatan, PAS, Semangat 46 berdisiplin. Kita lantik pegawai-pegawai kita jaga trafik, jaga semua. Bukan macam UMNO dia 'lantak' semua bangunan-bangunan kerajaan.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, ini satu contoh pembohongan yang cukup nyatalah. Sudahlah ketuanya bohong, ini anak murid pula hendak bohong.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Masuk bakul semua . . . . .

Tuan Othman bin Abdul: *(Ketawa)* Tuan Pengerusi, kita ada, ahli UMNO ada. Kita tengok dengan jelas bagaimana kejadian berlaku. Polis yang berkawal, setengah-setengahnya saya hendak sebut perkataannya pun saya tidak berani, Tuan Pengerusi. Saya hendak sebut, saya tidak berani. Saya baru hendak sebut, saya hendak sebut 'samseng' — saya hendak sebutkan perkataan 'samseng'. Bagaimana mereka meletakkan motokar, kalau polis 3-4 orang tidak dapat hendak mengawal. Oleh sebab itu kita mengambil pertimbangan bahawa kita tidak dapat membenarkan buat masa ini, walaupun seluruh negara kita sebutkan kerana tidak ada banyak masalah yang berlaku, kita kata aman seluruh negara. Tetapi parti-parti politik, kalau menunjukkan sikap yang baik semasa mereka menjalankan kempen mereka, insya-Allah. Tetapi buat masa ini . . . . .

Seorang Ahli: Tidak ada adab.

Tuan Othman bin Abdul: . . . . . kata Yang Berhormat kawan saya 'tidak ada adab', Tuan Pengerusi. Saya hendak beritahu markas PAS dekat rumah saya di sana, kita boleh tengok tiap-tiap minggu bagaimana mereka buat. Nasib baiklah jalan keluar di rumah saya itu ada tiga jalan, saya boleh keluar. Tetapi ini kenyataan yang cukup jelas, tidak payah bohong orang lainlah.

Tuan Pengerusi, saya hendak masuk kepada perkara yang lainlah. Sekejap lagi kita masuk polis kita bincang lagi, bawah ini panjang lagi, permohonan untuk timbangkan. Ahli dari Pasir Mas minta untuk ditukar nama jambatan . . . . .

Tuan Yim.Chee Chong: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Seremban bangun, ya.

Tuan Othman bin Abdul: Hendak jugakah?

Tuan Yim Chce Chong: Ya. *(Ketawa)* Satu minit sahaja. Terima kasih. Adakah Yang Berhormat setuju atau tidak tentang pandangan saya bahawa dalam pilihan raya yang akan datang MCA akan mencapai kemenangan yang gilang-gemilang terutama di Seremban. *(Ketawa)*

Seorang Ahli: Jangan menepuk air di dulang!

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, memang ada kenyataan yang benarlah daripada Yang Berhormat itu, kerana kita tahu DAP sekarang takut kepada MCA, sebab itu dia menyerang peribadi sekarang ini — soal-soal besar tidak ada. Jadi, memang Yang Berhormat ini dia jaguhlah.

Beberapa Ahli DAP: *(Ketawa)*

Tuan Othman bin Abdul: Pertamanya tentang permohonan hendak tukarkan nama jambatan ini, ini bolehlah dipertimbangkan dan permohonan untuk membina sebuah lagi jambatan di Sungai Kelantan antara Tendong dan juga Wakaf Che Yeh. Ini adalah permohonan yang dibuat oleh Ahli Yang Berhormat, iaitu kita kena bincang mengenai kedudukan kewangan kerajaan setakat mana dan kalau bersesuaian ia akan dipertimbang-kan. Kemudian Yang Berhormat juga menyebutkan tentang projek-projek kecil yang lain, ini seperti biasalah kerajaan terpaksa merancangkan pembinaan program-program pembangunan bagi semua kawasan bukan sahaja di kawasan Pasir Mas, bahkan di seluruh negara, kita membincangkan soal ini.

Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru ada menyentuh mengenai opsyen kakitangan ini. Insya-Allah . . . . .

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan.

Tuan Othman bin Abdul: Mengenai apa?

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai apa Yang Berhormat cakaplah. Saya mahu minta penjelasan, adakah Yang Berhormat akan jawab semua perkara-perkara yang ada dibangkitkan dalam perbahasan khasnya mengenai 'pecah janji' dalam Parlimen. Mengenai pengambilan tanah, mengenai Peguam Negara bahawa Setiausaha Parlimen sendiri akan jawab semua perkara, bahawa tidak ada Menteri-menteri, tidak ada Timbalan-timbalan Menteri yang lain, yang lebih layak, yang lebih qualified. Kita mahu duduk di sini dengar seorang yang tidak qualified, yang sebenarnya tidak faham apa yang berlaku dalam pemerintahan. Tidak ada authority, tidak ada kewibawaan . . . . .

Tuan Othman bin Abdul: Ini apa?

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ada kredibiliti.

Tuan Othman bin Abdul: Apa soalan ini?

Tuan Lim Kit Siang: Apa . . . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat . . . . .

Tuan Othman bin Abdul: Apa soalannya?

Tuan Lim Kit Siang: Saya mahu tanya sama ada Jabatan Perdana Menteri mengambil perhatian . . . . .

Tuan Othman bin Abdul: Duduk, duduk!

Tuan Lim Kit Siang: . . . . . yang berat dalam perbahasan dalam Parlimen ini . . . . .

Tuan Ohtman bin Abdul: Okay, duduk, duduk!

Tuan Lim Kit Siang: Tidak ada Menteri yang mahu menjawab, tidak ada Timbalan Menteri mahu jawab . . . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat . . . . .

Tuan Othman bin Abdul: Ini kita jawab.

Tuan Lim Kit Siang: Semua Setiausaha Parlimen. Apa ini? Main-main sahaja.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Tuan Othman bin Abdul: Apa soalannya? Apa main-main pula?

Tuan Lim Kit Siang: Ini main-main sahaja.

Tuan Othman bin Abdul: Ini jawapan yang sama.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ketua Pembangkang!

Tuan Lim Kit Siang: Mengenai perkara yang saya bangkit, mana ada jawapan?

Tuan Othman bin Abdul: Belum sampai lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Ha! Mengenai . . . . .

Tuan Othman bin Abdul: Belum sampai lagi, tunggu, tunggu.

Tuan Lim Kit Siang: Saya harap tunjuk authority. Ini tanggungjawab, bukan main-main.

Tuan Othman bin Abdul: Ini banyak lagi, banyak lagi.

Tuan Lim Kit Siang: Oh!

Tuan Othman bin Abdul: Kita tanggungjawab bersama, kita buatlah.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahirudin): Saya minta teruskan Yang Berhormat, ya.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ini satu orang sahaja berkuasa.

Tuan Othman bin Abdul: Duduklah, duduklah!

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak mahu beri, Yang Berhormat.

Tuan Othman bin Abdul: Tak usah bantu dia.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak mahu beri.

Tuan Othman bin Abdul: Tak usah bantu DAP — duduk! Duduk!

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Kalau gentleman, berilah.

Tuan Othman bin Abdul: Sekejap lagi saya beri. Saya jawab ini dahulu, sekejap lagi saya beri — sekejap lagi. Saya masuklah Semangat 46 ada, Kota Bharu pun ada. Insya-Allah — ada ini, banyak lagi. Tuan Pengerusi, banyak lagi, Semangat 46 ada, DAP ada, semua ada, belum sampai. Ini kita jawab yang kecil-kecil dahululah. Hendak tunggu-tunggu, yang lukis gambar Perdana Menteri cap di dahi pun kita ada jawapan, sekejap lagi saya jawab.

Saya hendak menjelaskan tentang persoalan-persoalan ini. Saya tidak sebutkan awal-awal tadi. Saya ada sebut tetapi Yang Berhormat tidak dengar. Daripada Tanjong saya kata soalan-soalan yang telah pun dijelaskan dalam Dewan ini beberapa kali, serangan peribadi yang melulu, yang keterlaluan awal mukadimah saya, saya ada sebutkan tentang ini. Jadi, itulah perkara yang dibangkitkan kecil-kecilan dan ini . . . . .

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan!

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Hendak minta penjelasan, Yang Berhormat beri tak?

Tuan Lim Kit Siang: Tak payahlah kalau . . . . .

Tuan Othman bin Abdul: Tak payah.

Tuan Lim Kit Siang: Ini tunjuk-lah authority, takut! Tidak bertang-gungjawab . . . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, dia tidak mahu beri.

Tuan Lim Guan Eng: Takut ini!

Tuan Lim Kit Siang: . . . . . tidak bertanggungjawab, apa ini?

Tuan Othman bin Abdul: Ini belum sampai. Saya hendak jawab ini.

Tuan Lim Kit Siang: Tidak bertanggungjawab. Ini lagi serius di masa hadapan . . . . .

Tuan Othman bin Abdul: Sila duduk.

Tuan Lim Guan Eng: Jangan main-main.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Ber-hormat . . . . .

Tuan Lim Kit Siang: *(Disampuk)* . . . . . bahawa perkara-perkara yang begitu kecil untuk dijawab . . . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tanjong!

Tuan Lim Kit Siang: . . . . . segala perkara yang begitu penting . . . . .

Beberapa Ahli DAP: Ya!

Tuan Lim Kit Siang: *(Disampuk)* Tidak guna saya tinggal di sini . . . . .

Tuan Othman bin Abdul: Duduk!

(Tuan Lim Kit Siang keluar meninggalkan Dewan)

Tuan Othman bin Abdul: Ha! Terima kasih, terima kasih.

Seorang Ahli DAP: Tak gunalah.

Beberapa Ahli: Boo!

Tuan Othman bin Abdul: Tidak ada akal.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat dari Kok Lanas hendak minta jalan lagi.

Tuan Othman bin Abdul: Kita beri dia belakang. Saya beri, insya-Allah, saya beri.

Seorang Ahli: Jangan berilah.

Tuan Othman bin Abdul: Saya berilah, ini saya hendak jawab soalan lain dahulu.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: *(Menyampuk)*

Tuan Othman bin Abdul: Tak payah, duduk dahulu! Duduk dahulu!

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak beri, Yang Berhormat.

Tuan Othman bin Abdul: Saya beri, duduk!

Seorang Ahli: Tak payah!

Tuan Othman bin Abdul: Saya hendak jawab belakang ini. Ini jawab sini sahaja.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: *(Menyampuk)*

Tuan Othman bin Abdul: Sekejap akan sampai.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, mahu beri atau tidak mahu beri?

Tuan Othman bin Abdul: Sekejap akan sampai, akan sampai pada giliran Yang Berhormat, tunggu!

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: On a point of order.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kok Lanas saya . . . . .

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Duduklah.

Tuan Othman bin Abdul: Okay. Tuan Pengerusi, ada juga persoalan-persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Kota Melaka mengenai kes pembelian tanah di Melaka.

Saya menyarankan bahawa jika sekiranya pada anggapan Yang Berhormat berlaku penyelewengan, maka Yang Berhormat bolehlah membuat laporan kepada pihak polis atau Badan Pencegah Rasuah untuk kita buat siasatan lanjut. Sememangnya pegawai BPR kita pun ada dalam Dewan ini dan siasatan akan dibuat untuk menentukan sama ada ada penyelewengan rasuah ataupun tidak. Sekarang ini dakwaan-dakwaan sahaja yang disebutkan oleh Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Melaka bangun.

Tuan Othman bin Abdul: Yang Berhormat juga menyebutkan tentang . . . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Hendak berikah?

Tuan Othman bin Abdul: Nanti dahulu! Sekejap lagi kita masuk.

Mengenai soal rasuah . . . . .

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Pak dia sudah balik.

Tuan Othman bin Abdul: Soal rasuah ada dikatakan berlaku apabila kes yang melibatkan bekas Ketua Menteri Melaka. Ini sudah banyak kali disebutkan, ditanya, dijawab dalam Dewan yang mulia ini.

Saya hendak mengatakan bahawa tidak ada kes rasuah dan tohmahan yang dilakukan terhadap Badan Pencegah Rasuah dan kita tidak menutup. Kalau sekiranya tidak ada kes, maka pihak BPR tidak akan menjalankan dakwaan, jadi

dengan sebab itu saya hendak menyatakan bahawa kalau sekiranya kes ini hendak dibuat cover-up maka ianya adalah tuduhan yang tidak berpatutan, maka dengan itu saya hendak mengulangi jawapan yang diberikan bahawa tidak ada cover-up yang dibuat.

Tuan Lim Guan Eng: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat . . . . .

Tuan Lim Guan Eng: Penjelasan.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat hendak beri tak?

Tuan Othman bin Abdul: Saya hendak masuk yang lain, tidak payah berilah, banyak, nanti saya masuk . . . . .

Tuan Lim Guan Eng: *(Menyampuk)*

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Bapa sudah balik — tidak apa.

Tuan Othman bin Abdul: Bapa sudah balik.

Tuan Lim Guan Eng: Ini perkara penting.

Tuan Othman bin Abdul: Bapa sudah balik!

Tuan Lim Guan Eng: Tuan Pengerusi, ini perkara penting.

Tuan Othman bin Abdul: Sekejap.

Beberapa Ahli DAP: *(Menyampuk)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat!

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Baliklah!

Seorang Ahli: Sudah — sudah!

Tuan Shahidan bin Kassim: Jangan layan.

Beberapa Ahli DAP: *(Menyampuk)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tidak mahu beri, Yang Berhormat.

Tuan Othman bin Abdul: Okay.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Hey! Your father has gone back already.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Semua Ahli Yang Berhormat tahu kalau minta jalan dia tidak bagi, saya tidak boleh bagi.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, ini saya hendak masuk kes bapanya pula.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Eh! Bapa sudah baliklah!

Tuan Othman bin Abdul: You punya bapa sudah balik! Ahli Yang Berhormat dari Tanjong . . . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli Yang Berhormat Kota Melaka, minta duduk.

Tuan Othman bin Abdul: Ahli Yang Berhormat dari Tanjong membangkitkan . . . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli Yang Berhormat Kota Melaka, dia tidak mahu bagi.

Tuan Othman bin Abdul: Ini saya hendak bangkitkan yang dahulu.

Tuan Lim Guan Eng: *(Menyampuk)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Tunggu sekejaplah.

Tuan Othman bin Abdul: Tunggu sekejap! Sekejap!

Tuan Lim Guan Eng: Mengapa tidak ada tender terbuka? Penswastaan ini di bawah bidang kuasa Jabatan Perdana Menteri. Ini di bawah bidang kuasa Yang Berhormat! Sepatutnya dijawab. Tak mahu jawab.

Tuan Othman bin Abdul: Perangainya macam bapanya juga.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Kota Melaka, minta duduk. Yang Berhormat Kota Melaka ini sudah menyalahi Peraturan Mesyuarat.

Tuan Lim Guan Eng: Mengapa tidak ada tender terbuka mengenai perkara ini? Itu sahaja!

Tuan Othman bin Abdul: Perangainya macam bapanya juga.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, minta duduklah. Nanti dia beri.

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, saya hendak membangkitkan perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Tanjong mengenai . . . . .

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli Yang Berhormat Kok Lanas bangun lagi, Yang Berhormat. Tak mahu beri?

Tuan Othman bin Abdul: Sekejap saya beri, belakang. Masuk kes S.46, masuk kes PAS, saya beri.

Tuan Lim Guan Eng: *(Menyampuk)*

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Penjelasan sedikit tentang apa yang Yang Berhormat bangkitkan tadi.

Tuan Othman bin Abdul: Nanti dahulu, sekejap lagi saya bagi.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, dia tidak mahu beri.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Dia tidak confident. Dia perlu tahu. Kalau begitu tidak layaklah dia duduk di tempat itu!

Tuan Othman bin Abdul: Duduk, duduk! Ini bahasa pun tak fahamkah? Ini cakap bahasa Melayu. Tunggu! Tunggu . . . . . *(Diganggu)*

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong membangkitkan keperluan supaya semua pihak mempunyai sikap hormat-menghormati agama lain apabila merujuk kepada kes penangguhan pembinaan gereja Katolik di Shah Alam.

Sukalah dijelaskan bahawa kerajaan memang prihatin tentang kemudahan beragama di negara ini termasuk yang bukan Islam. Pembinaan rumah ibadat agama tertakluk kepada keperluan. Oleh yang demikian, kita boleh lihat kawasan yang ramai penganut agama tertentu, sebagai contoh, di Brickfield kita dirikan banyak kuil-kuil Hindu di situ. Di satu kawasan di Petaling Jaya beberapa gereja didirikan berderet dekat dengan bangunan EPF. Kriteria-kriteria yang diambil kira ialah berapa ramai penganut agama berkenaan di kawasan tersebut.

Berkaitan dengan penganut Kristian, peratusan mereka adalah kecil, hanyalah 6% bagi seluruh Malaysia dan kurang 4% di Semenanjung. Oleh itu sepatutnya perubahan pelan bangunan gereja Katolik di Shah Alam itu harus diterima dengan baik kerana sesuai dengan keperluan setempat dan bukan untuk menunjukkan kekuatan melalui bangunan besar.

Ahli Yang Berhormat dari Tanjong juga mencadangkan supaya diwujudkan sebuah kementerian yang bertanggungjawab mengenai agama. Dalam hubungan ini, suka saya menjelaskan bahawa dalam sesuatu perkara yang hendak dibuat mestilah mengikut budaya tempatan, yakni kita mesti mempertahankan status agama yang telah lama diamal dan sejarah negara ini mestilah diambil kira. Mengikut Perlembagaan Persekutuan, agama Islam adalah agama rasmi Persekutuan dan ini adalah satu keistimewaan agama Islam yang dijamin oleh Perlembagaan.

Tuan Lim Guan Eng: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Kota Melaka bangun sekali lagi.

Tuan Othman bin Abdul: Yang Berhormat dari Arau telah bertanya mengenai tindakan kerajaan ke atas pegawai-pegawai kerajaan yang mungkin telah membocorkan rahsia kerajaan kepada Pembangkang terutamanya DAP. Sukalah dijelaskan bahawa kerajaan sentiasa prihatin dan amat serius di dalam menangani masalah kawalan rahsia rasmi khususnya di kalangan pegawai-pegawai kerajaan. Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan telah dan akan meningkatkan tahap kesedaran keselamatan di kalangan pegawai-pegawai awam melalui kursus, ceramah dan taklimat. Dengan itu peraturan dan keselamatan menerusi surat-surat pekeliling sedang dikaji dan akan dikeluarkan oleh kerajaan sebagai tambahan kepada yang ada supaya rahsia-rahsia kerajaan sentiasa terkawal.

Untuk maklumat Dewan yang mulia ini, pegawai-pegawai kerajaan yang menghadiri persidangan setiap hari adalah mereka yang dipertanggungjawabkan ke atas perkara-perkara yang menyentuh kementerian masing-masing. Walaupun begitu, sekiranya ada kemungkinan perkara-perkara sebagaimana yang didakwa oleh Ahli Yang Berhormat dari Arau dilakukan oleh pegawai-pegawai tersebut, kerajaan tidak akan teragak-agak mengambil tindakan terhadap mereka. *(Diganggu)*

Tuan Pengerusi, Ahli Yang Berhormat dari Parit Sulong ingin mendapatkan kepastian sama ada benar kerajaan akan membangunkan quarters usang ketinggalan British secara penswastaan untuk menyediakan kemudahan-kemudahan perumahan yang lebih selesa kepada kakitangan kerajaan. Sukalah dijelaskan bahawa terdapat 2,403 buah quarters kerajaan di sekitar Kuala Lumpur dan Petaling Jaya. Di Kuala Lumpur berjumlah 2,386 buah dan di Petaling Jaya 67 buah. Jabatan Perdana Menteri ada menerima beberapa cadangan daripada pihak swasta untuk membangunkan kawasan quarters di sekitar Kuala Lumpur bagi kawasan pembangunan bercampur perumahan dan komersial.

Walau bagaimanapun, tidak ada keputusan muktamad tentang cadangan-cadangan ini kecuali bagi kawasan Jalan Embi yang akan dijadikan sebagai Dataran Perdana. Kemudahan perumahan yang lebih selesa untuk kakitangan kerajaan ada di dalam perancangan kerajaan di Pusat Pentadbiran Baru Kerajaan Persekutuan di Putrajaya.

Tuan Pengerusi, mengenai janji-janji Yang Berhormat Menteri, Timbalan Menteri dan Setiausaha Parlimen sesuatu kementerian yang telah dibuat semasa menjawab sesuatu perbahasan, yang didakwa oleh Yang Berhormat dari Tanjong sebagai pembohongan, sukalah saya menyatakan di sini bahawa suatu tindakan sedang diselaraskan untuk memastikan supaya semua janji seumpama ini akan diambil tindakan sewajarnya oleh semua pihak. Oleh yang demikian, satu reformasi Parlimen tidaklah perlu untuk memenuhi tuntutan tersebut.

Ahli Yang Berhormat dari Arau juga mencadangkan supaya Jabatan Audit Negara mempunyai peguamnya sendiri bagi membolehkan teguran-teguran dapat diambil tindakan segera.

Sukalah dijelaskan bahawa di bawah seksyen 7(1)(*f*) Akta Audit 1957 telah ada peruntukan bahawa Ketua Audit Negara boleh mendapatkan nasihat dari pegawai undang-undang dari Jabatan Peguam Negara atas apa-apa perkara berhubung dengan interpretasi undang-undang. Amalan setakat ini ialah, ia adalah didapati berjalan dengan baik dan pihak Jabatan Peguam Negara telah memberikan kerjasama dengan sepenuhnya. Jika sekiranya timbul keperluan pada masa hadapan untuk menempatkan seorang pegawai undang-undang di Jabatan Audit Negara secara sepenuh masa, jabatan ini akan memohon daripada Jabatan Perkhidmatan Awam supaya satu jawatan diwujudkan dan meminta Jabatan Peguam Negara meminjamkan seorang pegawainya.

Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri ingin mendapat tahu mengenai sebab mengapa kakitangan Parlimen tidak boleh menubuhkan kesatuan sekerja. Sukalah dijelaskan bahawa seperti mana termaktub di dalam seksyen 27(3)(*aa*)(ii) Akta Kesatuan Sekerja 1989, mereka yang terlibat dalam perkara-perkara rahsia tidak boleh menubuhkan kesatuan. Memandangkan kepada kerajaan sentiasa memberikan keutamaan kepada kepentingan negara dan rakyat termasuk urusan Parlimen agar berjalan dengan licin, teratur dan selamat maka kakitangan Parlimen sudah semestinya tidak dibenarkan menubuhkan kesatuan sekerja.

Yang Berhormat dari Bayan Baru ingin mendapat penjelasan mengenai pemberian satu bulan gaji sebagai bonus kepada kakitangan kerajaan berbanding dua bulan gaji yang diberikan kepada badan-badan milik kerajaan seperti Bank Simpanan Nasional, Bank Negara dan LTAT. Sukalah dijelaskan bahawa pemberian bonus kepada anggota-anggota perkhidmatan awam adalah bergantung kepada kemampuan kerajaan bagi tahun 1994. Kedudukan kewangan kerajaan hanya mampu menampung bonus bagi tempoh sebulan sahaja. Bonus BSN, BN dan LTAT tidak sama dengan sektor awam kerana pada masa ini sistem saraan di agensi-agensi tersebut adalah terasing dari sistem saraan yang digunapakai oleh sektor awam.

Ahli Yang Berhormat dari Bayan Baru juga ada membangkitkan kelewatan semasa penyerahan borang opsyen skim perkhidmatan kakitangan Parlimen di mana telah menyebabkan beberapa kakitangan tidak sempat membuat opsyen. Adalah dicadangkan satu perubahan dibuat kepada Skim Perkhimatan Parlimen. Sukalah dijelaskan bahawa JPA telah memberi tempoh sebulan kepada kakitangan-kakitangan Parlimen untuk membuat opsyen kepada sesiapa yang ingin memasuki perkhidmatan Persekutuan ataupun terus kekal di dalam perkhidmatan lama. Tempoh yang diberikan itu adalah mencukupi. Isu menjejaskan peluang kenaikan pangkat tidak timbul dan kekananan mereka dalam perkhidmatan gunasama nanti akan berdasarkan kepada tarikh lantikan mereka ke dalam jawatan asal.

Mengenai dakwaan Ahli Yang Berhormat dari Tasik Chenderoh yang mengatakan terdapat segelintir anggota perkhidmatan awam yang terlibat dalam politik, tindakan tatatertib boleh diambil kepada pegawai-pegawai berkenaan sekiranya perbuatannya itu melanggar Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993. Di dalam peraturan ini semua pegawai-pegawai dalam urusan tertinggi dan juga di dalam kumpulan pengurusan dan profesional adalah dilarang terlibat secara aktif di dalam mana-mana parti politik.

Ahli Yang Berhormat dari Nilam Puri juga telah menyatakan keraguan tentang SPR yang kononnya kurang efisien dan terdapat banyak bantahan dibuat. Sukalah dijelaskan bahawa Suruhanjaya Pilihanraya tidak menafikan bahawa pada tahun ini memang banyak bantahan yang diterima daripada orang ramai. Walaupun demikian, ini tidak menunjukkan Suruhanjaya Pilihanraya tidak cekap atau inefficient kerana sebahagian besar daripada bantahan tersebut telah dibuat siasatan tempatan dan didapati tidak benar. Bantahan yang dibuat adalah kerana terdapatnya peruntukan dan peraturan dalam pendaftaran pemilih yang membenarkan orang ramai membuat bantahan jika mereka merasakan daftar pemilih yang disediakan oleh SPR kurang tepat.

Untuk makluman Yang Berhormat, ada bantahan-bantahan yang dibuat hanyalah kerana kepentingan peribadi orang-orang tertentu sahaja dan tidak ada kaitan dengan kecekapan SPR.

Ahli Yang Berhormat Nilam Puri juga mendakwa peraturan dan prosedur penyiasatan awam tidak lengkap dan perlu dikaji. Sukalah dijelaskan bahawa peraturan dan prosedur yang digunakan dalam siasatan awam adalah mengikut peruntukan yang ada dalam SPR.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat . . . . .

Tuan Othman bin Abdul: SPR sentiasa mengutamakan keadilan . . . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Setiausaha Parlimen . . . . .

Tuan Othman bin Abdul: . . . . . di mana pembantah . . . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Hendak beri jalan atau tidak?

Tuan Othman bin Abdul: Duduk dahulu!

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: *(Menyampuk)*

Tuan Othman bin Abdul: . . . . . keputusan-keputusan yang dibuat berdasarkan maklumat yang diberikan. Walaupun demikian . . . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tak beri jalan, Yang Berhormat.

Tuan Othman bin Abdul: . . . . . setelah keputusan dibuat, mereka yang terkilan boleh merayu semula keputusan tersebut kepada pegawai penyemak yang dilantik.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: *(Menyampuk)*

Tuan Othman bin Abdul: Mengenai cadangan Yang Berhormat supaya pendaftaran dijalankan . . . . .

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan.

Tuan Othman bin Abdul: . . . . . memandangkan cadangan untuk mengadakan urusan pendaftaran pemilih sepanjang tahun . . . . .

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: *(Menyampuk)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Teruskan, teruskan!

Tuan Othman bin Abdul: Okay. Tak mengapalah, kalau tak Nilam Puri, kita beri kepada Kok Lanas. Hendak nama apa salahnya, kita beri Kok Lanas. Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas menyebutkan mengenai cadangan hendak mengadakan pendaftaran sepanjang tahun. Setelah kajian dibuat . . . . . *(Disampuk)*

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: *(Menyampuk)*

Tuan Othman bin Abdul: Hendak nama! Saya kata tadi Nilam Puri. Yang Berhormat kata Kok Lanas buat. Hendak nama ambillah! *(Ketawa)* Tadi saya baca Nilam Puri, Yang Berhormat kata 'saya buat'.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: *(Menyampuk)*

Tuan Othman bin Abdul: Duduk!

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Saya minta teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Othman bin Abdul: Duduklah!

Seorang Ahli: Duduklah!

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Ini menunjuk tak tahu buat kerja!

Tuan Othman bin Abdul: Tak apa, duduk! duduk! Sekejap lagi kita beri.

Seorang Ahli: Tak ada layaklah.

Tuan Othman bin Abdul: Tunggu.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: Tak ada kualiti! Tak ada kualiti langsung.

Tuan Othman bin Abdul: Tunggu! tunggu! sekejap lagi saya beri. Cadangan untuk mengadakan urusan pendaftar pemilihan sepanjang tahun, setelah kajian dibuat, SPR terpaksa membatalkan cadangan tersebut atas sebab-sebab berikut. Masalah untuk mewujudkan satu jentera yang benar-benar cekap untuk membolehkan semua orang berkelayakan dapat mendaftar sebagai pemilih terutama di kawasan pedalaman yang menghadapi masalah perhubungan. Sudah menjadi adat rakyat Malaysia yang hanya akan menunjukkan reaksi yang positif terhadap satu-satu urusan bila ada kempen untuk satu-satu tempoh tertentu. Jika tidak ada kempen, sambutan orang ramai menjadi dingin. Ketiga, kos yang akan ditanggung oleh kerajaan akan meningkat.

Mengenai dakwaan Yang Berhormat bahawa bantahan terlalu pendek, sukalah dijelaskan bahawa tempoh masa dua minggu seperti yang diperuntukkan dalam peraturan pilihan raya berdasarkan daftar pemilih tahun 1991 adalah mencukupi untuk memberi peluang kepada orang ramai untuk mengemukakan bantahan. Apa yang diperlukan adalah orang ramai harus menunjukkan sikap yang prihatin terhadap tanggungjawab untuk meluangkan masa menyemak daftar pemilih mereka.

Tuan Pengerusi, *(Disampuk)* yang ini tunggu. Ahli-ahli Yang Berhormat dari Hulu Terengganu, Arau, Kok Lanas, Parit Sulong, Tasek Chenderoh, Nilam Puri dan Pasir Mas ada menyentuh soal Islam dan politik. Yang Berhormat dari Terengganu mencadangkan . . . . .

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat Kok Lanas bangun lagi.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: *(Menyampuk)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Hendak beri atau tidak, Yang Berhormat? Dia tak mahu beri.

Tuan Othman bin Abdul: Itu hak saya nak beri atau tidak beri. Yang ini saya hendak beri sekejap lagi.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: *(Menyampuk)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar Haji bin Mahiruddin): Tunggu, Yang Berhormat.

Tuan Othman bin Abdul: Sudah jelas.

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: *(Menyampuk)*

Tuan Othman bin Abdul: Kita punya haklah. Duduk!

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta matikan microphone sebelah sana.

Tuan Othman bin Abdul: Yang Berhormat dari Hulu Terengganu mencadangkan . . . . .

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: *(Menyampuk)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Dia tak beri, Yang Berhormat, dia tak beri. Minta matikan microphone sebelah sana.

Tuan Othman bin Abdul: . . . . . agar Bahagian Pentadbiran Hal Ehwal Islam Jabatan Perdana Menteri diperkuatkan untuk mengeluarkan sebaran-sebaran . . . . .

Tuan Haji Sukri bin Haji Mohamed: *(Menyampuk sambil keluar dari Dewan)*

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Jangan merajuk!

Tuan Othman bin Abdul: Ha! tak mahu tunggu.

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Minta matikan microphone di sana.

Tuan Othman bin Abdul: Yang ini nak pukul S.46 dan PAS tunggulah! Tunggulah, penakut! Macam boss dia, Tengku Razaleigh.

Bahagian Hal Ehwal Jabatan Perdana Menteri diperkuatkan untuk mengeluarkan sebaran-sebaran penerangan mengenai Islam agar rakyat tidak dikelirukan. Kerajaan memang menyedari bahawa penerangan mengenai sebaran risalah, buku-buku dan lain-lain penerbitan memang mustahak. Perkara ini memang sentiasa dibuat oleh pihak BAHEIS, Jabatan Perdana Menteri.

Di samping itu, majlis-majlis penerangan melalui ceramah, forum dan diskusi juga dilakukan oleh kerajaan untuk menjelaskan isu-isu mengenai Islam. Apa yang penting bagi kerajaan ialah usaha memberi ilmu kepada masyarakat. Apabila masyarakat sudah berilmu, insya-Allah, mereka tidak mudah tertipu. Maududi menyebutkan bahawa bahaya akhir zaman ialah kejahilan. Orang jahil akan mudah diselewengkan. Dalam Al-Quran, Tuhan juga menyebutkan bahawa jangan kamu mengikuti sesuatu yang kamu tidak ada ilmu di dalamnya. Allah menyebutkan *(dalam bahasa Arab)* yang bermaksud, Tuhan menegah manusia masuk sesuatu yang manusia tidak ada ilmu di dalamnya.

Ahli Yang Berhormat dari Arau mengatakan teguran Ahli-ahli Dewan Rakyat haruslah terbuka di dalam Dewan yang mulia ini, tidak payah menipu rakyat dengan ceramah-ceramah di luar. Pandangan ini memang wajar dan tepat. Teguran harus bersopan, tidak caci maki, dusta. Tidak harus pembohongan seperti yang dilakukan oleh pemimpin PAS atas nama Islam.

Tuan Pengerusi, PAS menggunakan majlis-majlis Islam yang suci, seperti Isra' Miraj, Mauludil Rasul, Nuzul Al-Quran, Maal Hijrah sebagai majlis politik mereka. Ceramah agama mereka atas nama Islam penuh dengan cerita politik, kejian, cacian dan tohmahan. Inilah satu kekeliruan yang sangat jelas mempengaruhi orang Islam yang kurang berpengetahuan. Teguran haruslah dengan hikmah. Seperti mana yang Allah maksudkan di dalam Al-Quran, *(dalam bahasa Arab)* dengan izin. Walaupun tidak bersetuju . . . . .

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: *(Bangun)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Parit Sulong bangun ya.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya hendak bertanya kepada Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri sama ada beliau sedar bahawa masalah yang dibangkitkan oleh kami semua semalam adalah masalah parti menggunakan perkataan 'Islam'. Saya ingin mencedok beberapa peristiwa yang dirangkum di dalam satu kertas putih kerajaan yang dikeluarkan pada tahun 1984 yang berjudul "Ancaman kepada Perpaduan Umat Islam dan Keselamatan Negara". Di antaranya menyebut di sini, seorang yang bernama Buniyamin bin Yaakob, pada 21hb. Oktober 1980 dalam ceramah PAS dalam Kampung Paloh, Tanah Merah, Kelantan telah menuduh bahawa imam-imam kerajaan pada hari ini adalah munafik.

Yang keduanya, saya ingin memetik pada 30hb. Disember 1981 Abu Bakar @ Zaid bin Chik, dalam ceramah PAS yang diadakan di sebuah rumah di Kampung

Bukit Mantok, Kemaman, Terengganu, mendakwa bahawa dasar Kerajaan Barisan Nasional sekarang adalah dasar kafir. Adakah Yang Berhormat Setiausaha Parlimen akan merujuk kembali kepada kertas putih ini di dalam membuat satu kertas dasar atas perkara-perkara yang dicadangkan oleh kami semalam?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, sememangnya nama disebutkan oleh Yang Berhormat itu memang jaguh mencaci, jaguh maki dan macam-macam lagi. Saya pun biasa dengar nama Buniyamin Yaakob memang hebat dalam urusan maki manusia lain. Saya tidak hairan kalau dia kata imam munafik, dasar kerajaan dasar kafir, memang itu bahasa yang biasa kita dengar yang disebutkan oleh Ahli-ahli Parlimen pemimpin PAS yang mereka mendakwa sebagai parti Islam.

Tuan Ruhanie bin Haji Ahmad: Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada Setiausaha Parlimen adakah beliau sedar bahawa nama yang saya sebutkan Buniyamin Yaakob adalah Ahli Parlimen dari Bachok?

Tuan Othman bin Abdul: Memang betul bahawa Ahli Yang Berhormat itu dari Bachok yang seharusnya bercakap sebagai seorang berilmu yang boleh mempertahankan hak-hak kedaulatan Islam, bukan mencemarkan Islam. Insya-Allah, selanjutnya di belakang ini saya akan masukkan soal penggunaan parti, nama Islam dan sebagainya untuk penjelasan maklumat Ahli Yang Berhormat sekalian. Kalau sekiranya kita tak bersetuju — ini kita nak beri, tetapi PAS dan S.46 sudah lari. Memang dia tak boleh teguk punya. Kalau kita tak bersetuju pun, Allah S.W.T. berkata, katalah dengan baik *(dalam bahasa Arab)* berkata dengan lemah lembut, dengan baik. Tetapi Tuan Pengerusi, seperti yang disebut oleh Ahli Yang Berhormat sahabat saya, perangai mereka biasa. Dan saya hendak sebutkan pandangan seorang ulamak terkenal, As-syahid Imam Hassan Albanna. Albanna berkata, kami percaya bahawa nasihat, tunjuk ajar, puji, kritik mestilah menurut saluran dan cara yang tinggi dan mulia. Bukan dengan tikam-menikam, caci mencaci, tuduh-menuduh dan dusta, palsu yang disebutkan oleh pemimpin-pemimpin PAS.

Tuan Pengerusi, saya hendak menyebutkan bagaimana peristiwa seorang sahabat bernama Said, suatu Hadis yang disebutkan, diriwayatkan daripada Abu Musa r.a. daripada Said, daripada Abu Dardak Abdullah. Riwayat Abu Musa, pada satu hari berkata sahabat, wahai Rasulullah apakah amalan yang utama, maka jawab Rasulullah ialah *(dalam bahasa Arab)* dengan izin, amalan manusia yang paling utama ialah kita sejahterakan orang Islam lainnya daripada bahaya lidah dan tangan kita. Tetapi ini orang PAS dia tak peduli, dia tak baca. Dia baca Al-Quran ikut dia suka, dia baca hadis ikut dia suka. Dia sebutkan benda-benda yang diharamkan oleh Allah S.W.T., tetapi dia kata kita yang tak betul, kerajaan tak betul, UMNO yang tak betul.

Tuan Pengerusi, saya hendak sebutkan lagi, maki hamun. Rasulullah kata: *(dalam bahasa Arab)* yang maksudnya 'Maki hamun orang Islam itu hukumnya fasiq.' Rasulullah kata: 'fasiq'. Orang PAS tidak ada di sini — tidak seronok hendak bersyarah kepada mereka. Perkara ini memang depa tak boleh tunggu pun. Saya rasa dakwaan yang dibuat, saya berasa terkejut apabila mendengar dakwaan dari sahabat saya dari Arau yang mengatakan Ahli Yang Berhormat dari Kota Bharu mengedarkan gambar-gambar kartun Perdana Menteri yang memakai tanda didahi seolah-olahnya penganut agama Hindu.

Tuan Pengerusi, perkara ini kalaulah betul berlaku, ini satu pendirian, suatu akhlak yang amat tidak bersopan, yang dijalankan oleh seorang manusia Islam, yang menggambarkan kartun Dr. Mahathir, Perdana Menteri, seolah-olahnya dialah seorang Melayu tulen.

Tetapi Tuan Pengerusi, saya sebut juga ada juga sahabat saya sebut orang rumah dia pun bukan Melayu tulen — mamak. Kata sahabat saya daripada Kementerian Kewangan, dia kata: "Melayu tulen ini Jakun." Itu dia katalah.

Tuan Pengerusi, apa pun jenis manusia, sama ada Melayukah, Cinakah, Indiakah, Benggalikah, Jelutong, Tuhan kami ini yang Maha Agung, Maha Baik, Tuhan kata: *(Membaca petikan Al-Quran)* yang maksudnya "Kamu ini dijadikan berpasang lelaki dan perempuan, berpuak-puak dan berkaum supaya kamu berkenal-kenalan antara satu sama lain." Bukan caci maki.

Tuan Pengerusi, kalau betullah, kita harapkanlah rakyat memberi penentuan, para pemimpin yang tidak sopan, yang ketandusan idea, politiknya sudah habis, sekarang ini hendak menyebarkan keburukan pemimpin negara dengan berbagai-bagai gambar kartun yang amat tidak baik.

Tuan Pengerusi, ini satu tindakan yang amat tidak bersesuaian. Sayangnya Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas sudah balik, ini saya hendak masuk bab Kok Lanas.

Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas bercakap, dia kata: "Saya bercakap atas seorang Islam yang mengucap dua Kalimah Syahadah." Sedap juga Ahli Yang Berhormat dari Kok Lanas ini.

Saya hendak beritahu kepada dia, bahawa dia tidak sedar, kalau mengikut kata PAS, walaupun mengucap dua Kalimah Syahadah, tidak jadi Ahli PAS, tidak menyokong PAS, dia belum menjadi seorang Islam yang tulen. Dia belum jadi seorang Islam yang sebenar-benarnya Islam. Dia mesti jadi Ahli PAS dahulu baru dia dapat jadi seorang Islam yang tulen. Ikut pandangan daripada ulama-ulama PAS, tok guru PAS atau ustaz PAS. Samalah juga yang dibangkitkan termasuklah dari Kok Lanas bab Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik, Nilam Puri bab Tan Sri Abdul Rahim Tamby Chik kepada orang Islam ini yang saya hendak sebutkan dahulu. Kepada orang Islam bahawa kita tidak redha dengan segala penyelewengan, dengan segala maksiat yang dilakukan oleh orang Islam. Tetapi kita diharamkan, saya hendak sebutkan kita diharamkan bagi menyebarkan 'aib orang Islam yang lain. Dan kita tidak boleh dibenarkan untuk mengorek keburukan orang. Allah sebutkan *(Membaca petikan ayat Al-Quran)* yang bermaksud "Jangan korek keburukan orang." "Jangan sebarkan 'aib orang lain." Tuhan kata *(membaca petikan ayat Al-Quran dari Surah An-Nur ayat 19)* "Orang-orang yang mahu agar berita yang amat keji itu, disebarkan di kalangan umat Islam, orang mukmin, maka Tuhan kata: "Akan Ku siksa mereka di dunia dan akhirat," — pedih. Tetapi puak PAS ini semua jahil belaka. Tetapi tidak ada walau seorang pun — susahlah hendak bercakap, bercakap seorang sahaja, tak ada orang hendak bercakap.

Tuan Pengerusi, bahawa perkara-perkara yang dilakukan seharusnya orang Islam, Rasulullah kata *(dalam bahasa Arab)* "Barang siapa yang tutup 'aib orang Islam di dunia, Tuhan akan tutup 'aib mereka di dunia dan akhirat." Itu baru sifat Islam, ini daripada bersyarah di Pendang sana, — sakit. Ini Nilam Puri, dia kata: "Malaysia ini diperintah oleh lembu-lembu." Dia tidak ada sekarang ini. Lembu nombor satu, lembu Kubang Pasu, dia kata. Lembu nombor dua, lembu Permatang Pauh. Adakah ini bahasa Islam? Marah juga kita! Takkan bahasa Islam.

Tuan Haji Badruddin bin Amiruldin: Saya ingin penjelasan, kita tak mahu kata kepada orang lain 'binatang-binatang' ini Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Tetapi kalau dia sudah kata kepada Presiden kita, kata kepada Timbalan kita,

agak-agak muka dia itu macam muka apa? *(Ketawa)* Sudah muncung mulut dengan rambut tercacak itu, kita hendak panggil apa kepada dia?

Tuan Othman bin Abdul: Tuan Pengerusi, kerana saya hendak mengelakkan dalam perkara ini, saya tak mahu sebut bab-bab yang tak baik, saya mengatakan kita tak boleh mengatakan soal yang tak baik. Jadi, kita kena sedarlah, bahasa sebut bahasa jahiliah, macam-macam lagi.

Tentang keduanya, disebutkan bahawa kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri di Johor Bahru, semasa pilihan raya kecil Bukit Payong.

Saya hendak menjelaskan bahawa memang itu kenyataan yang dibuat oleh Perdana Menteri mengenai hudud. Hudud yang bertepatan dengan maqasid Syariah akan diterima, yang tidak betul, kita tidak akan terima.

Saya hendak menyebutkan bahawa surat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Kelantan yang bertarikh 8hb. Jun 1994, antara lain mengatakan 'Kerajaan Pusat tidak berhajat untuk bersubahat dengan PAS bagi melaksanakan ketidakadilan semata-mata untuk kepentingan politik dan sokongan oleh orang yang dikaburi matanya." Kerajaan Malaysia yang sentiasa dan terus mempertahankan ajaran dan nilai-nilai Islam tidak dapat membenarkan Kerajaan PAS menjalankan sesuatu yang bercanggah dengan prinsip keadilan yang ditetapkan oleh Islam.

Tuan Pengerusi, banyak yang bercanggah, tetapi saya dok tunggu juga, kalau ada soalan saya hendak menjawab banyak persoalan ini, soal hudud yang dimainkan oleh mereka. Jadi, perkara ini saya sebutkan misalnya mengapa soal penderhakaan tidak dimasukkan di dalam hudud PAS, mengapa orang bukan Islam dikeluarkan daripada hukum hudud? Ini semuanya ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan hukum.

Tuan Pengerusi, dan yang lebih menyedihkan lagi ialah kenyataan kerana PAS selalu dia kata kita orang UMNO ini menolak Al-Quran, tidak mahu guna Al-Quran.

Saya hendak mengatakan bahawa Ahli Parlimen dari Marang yang sebenarnya telah menolak Al-Quran. Ahli Parlimen dari Marang dalam ucapannya pada 19hb. Julai 1994 di Dewan ini, saya hendak baca *Hansard* daripada Ahli dari Marang yang menolak Al-Quran. Perkara yang lain menjadi khilaf di kalangan ulama, walaupun dikatakan bughah itu dinaskan juga di dalam Al-Quran, penderhakaan itu dinaskan juga dalam Al-Quran, maka PAS tidak masukkan sebagai satu hukum. Bermakna PAS menggunakan khilaf ulama lebih tinggi daripada Al-Quran. Ahli Parlimen dari Marang sepatutnya bertaubat minta ampun kepada Allah. Kalau sudah ada nas Al-Quran, khilaf ulama tidak boleh digunakan. Kalau sudah ada Hadis, khilaf ulama tidak boleh digunakan. Tetapi dia menggunakan khilaf ulama, tidak menggunakan nas Al-Quran. Ini satu kes hudud yang tidak bertepatan dengan maqasid dan hukum hudud yang ada — ini jelas. *Hansard* bertarikh 19hb. Julai 1994 muka surat 70.

Seorang Ahli: Bacakan.

Tuan Othman bin Abdul: Saya sudah bacakan. Mengikut pendapat setengah ulama dan berdasarkan kepada inilah maka Kerajaan Negeri Kelantan mengambil kira hukum hudud yang dikemukakan dalam perkara yang tidak ada khilaf ulama sahaja, bermakna kata bughah ada dalam Al-Quran, penderhakaan ada di dalam Al-Quran tetapi kerana khilaf ulama, ada ulama yang kata tidak, maka PAS menolak. PAS tolak Al-Quran sekarang. Ahli Yang Berhormat dari Marang yang harus bertanggungjawab — ini Tok Guru.

Sekali lagi saya hendak menegaskan bahawa kerajaan dan UMNO tidak pernah menolak hudud seperti yang telah didakwa oleh pemimpin-pemimpin PAS. Saya dukacita pemimpin-pemimpin PAS berceramah di merata tempat, mereka dengan lantang mengatakan UMNO menolak hudud, sesiapa yang menolak hudud bererti menolak Islam, menolak Islam bererti kafir!

Tuan Pengerusi, bukan senang hendak kata kafir kepada orang ini. Saya balik baca kitab, sekurang-kurangnya tiga Hadis yang boleh saya kumpulkan, bagaimana hukum orang yang mengatakan kafir kepada orang.

Yang pertama, barang siapa yang mengkafirkan muslim 'mangkafara muslima faqad kafara,' dengan izin, Tuan Pengerusi. Kalau sesiapa yang mengatakan kafir kepada orang lain, maka dialah kafir. Saya tak tahulah, nasib baiklah, saya takut, Tuan Pengerusi, bila saya mati nanti kata orang UMNO masuk neraka. Mati-mati masuk neraka, sampai neraka dengar salam — tengok-tengok salam dari Mat Sabu beri kepada saya, dia sampai dahulu masuk neraka. *(Ketawa)*

Tuan Pengerusi (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Yang Berhormat, saya ingat kena sambung besok, masa sudah cukup untuk hari ini.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Haji Juhar bin Haji Mahiruddin): Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ini ditangguhkan sekarang sehingga jam 2.30 petang esok.

Dewan ditangguhkan pada pukul 6.30 petang.